

Bil. 28

**Isnin
16 Julai 2001**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Memperkenankan Akta-Akta (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Negara (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

(Halaman 14)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000 (Halaman 14)
- Rang Undang-undang Makanan (Pindaan) 2000 (Halaman 73)

USUL:

- Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3) (Halaman 74)

UCAPAN PENANGGUHAN:

- Sikap 'Double Standard' Menggagalkan Objektif dan Strategi
Kementerian Pendidikan Melahirkan Golongan Intelektual
- Y.B. Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun] (Halaman 74)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- " Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- " Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- " Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- " Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- " Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Sempoma)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- " Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- " Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- " Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibri Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- " Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- " Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- " Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- " Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- " Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- " Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- " Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- " Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- " Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- " Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- " Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- " Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- " Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- " Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- " Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- " Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- " Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- " Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- " Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- " Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- " Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- " Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- " Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- " Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)

- Yang Berhormat Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- " Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- " Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- " Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- " Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- " Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- " Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- " Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- " Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- " Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- " Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- " Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- " Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- " Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- " Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- " Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- " Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- " Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- " Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- " Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- " Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- " Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- " Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- " Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- " Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- " Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- " Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- " Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- " Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- " Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- " Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- " Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- " Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- " Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- " Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- " Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)

- Yang Berhormat Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)

- Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Mazidah binti Mohamed

Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman

Sulaiman bin Sirad

Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 16 Julai 2001****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2000 dan 2001) 2001;
2. Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2001;
3. Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2001;
4. Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2001;
5. Akta Syarikat (Pindaan) 2001;
6. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2001;
7. Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2001;
8. Akta Kastam (Pindaan) 2001;
9. Akta Cukai Jualan (Pindaan) 2001;
10. Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2001;
11. Akta Eksais (Pindaan) 2001;
12. Akta Zon Bebas (Pindaan) 2001;
13. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001;
14. Akta Pendaftaran Negara (Pindaan) 2001;
15. Akta Pergigian (Pindaan) 2001; dan
16. Akta Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2001.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu. Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat

"Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. DR.8/2001 - Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2000 dan 2001;
2. DR.53/2000 - Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2000;
3. DR.39/2000 - Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2000;
4. DR.28/2000 - Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2000;
5. DR.9/2001 - Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2001;
6. DR.49/2000 - Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2000;
7. DR.48/2000 - Rang Undang-undang Hak Milikstrata (Pindaan) 2000;
8. DR.10/2001 - Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2001;
9. DR.11/2001 - Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2001;
10. DR.12/2001 - Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2001;
11. DR.13/2001 - Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2001;
12. DR.14/2001 - Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2001;
13. DR.15/15/2001 - Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001;
14. DR.4/2001 - Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2001;
15. DR.52/2000 - Rang Undang-undang Pergigian (Pindaan) 2000; dan
16. DR.54/2000 - Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2000.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]** minta Menteri Pendidikan menyatakan rancangan Kementerian Pendidikan untuk menambah bilangan kemasukan pelajar-pelajar bumiputera ke dalam institusi pendidikan swasta (IPTS) bukan tajaan kerajaan bagi mewujudkan keseimbangan penghasilan graduan mengikut komposisi kaum yang saksama dalam semua bidang profesion.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang sedar terdapat ketidakseimbangan di antara pelajar bumiputera dengan bukan bumiputera di institusi pendidikan tinggi swasta IPTS. Sehubungan itu, bagi menambah bilangan pelajar bumiputera melanjutkan pengajian ke IPTS, Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah. Antaranya adalah seperti berikut;

- (i) mewujudkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang memberi pinjaman kepada pelajar yang mengikuti kursus ijazah pertama dan diploma di IPTS;

- (ii) menggalakkan agensi-agensi menaja pelajar supaya menghantar pelajar bumiputera melanjutkan pengajian di IPTS;
- (iii) menggalakkan penubuhan IPTS di kalangan pengusaha bumiputera;
- (iv) menggalakkan penubuhan IPTS di luar kawasan Lembah Klang;
- (v) menggalakkan kempen kesedaran oleh pengusaha IPTS mengenai kursus pengajian dan kemudahan yang disediakan oleh IPTS bagi menggalakkan ibu bapa pelajar bumiputera menghantar anak-anak mereka ke IPTS; dan
- (vi) menggalakkan IPTS memberikan biasiswa atau subsidi kepada pelajar bumiputera yang cemerlang dalam IPTS.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, pengetahuan saya, saya difahamkan terdapat maklumat hanya seramai 5,000 orang pelajar diperuntukkan untuk mendapat pinjaman PTPN bagi IPTS bukan tajaan kerajaan. Adakah kerajaan merancang untuk melonggarkan syarat-syarat dan menambah jumlah pelajar yang mendapat pinjaman melebihi daripada 5,000 yang diperuntukkan. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan akan berusaha untuk menambah apabila tabung kita mendapat cukup kewangan, insya-Allah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan menyebut bahawa memang wujud ketidakseimbangan antara pelajar bumiputera dan bukan bumiputera di IPTS dan sememang itulah berlaku sejak penubuhan pada tahun 1997 atau 1998. Apakah usaha-usaha kerajaan untuk mengurangkan jurang perbezaan yang terlalu jauh. Kalau dicampur kesemua sekali pun memang terlalu besar jurangnya. Sepatutnya bagi saya bahawa kerajaan menambahkan bilangan IPTA untuk membolehkan pelajar bumiputera lebih masuk ke dalam pusat-pusat pengajian tinggi.

Yang keduanya, adakah kerajaan ingiri menghadkan bilangan kewujudan IPTS sebab baru-baru ini apabila universiti MCA bila mewujudkan satu lagi universiti MCA bermakna bahawa penambahan kepada universiti swasta dan sudah tentulah keupayaan bumiputera walaupun diberikan dengan pinjaman tetapi had pinjaman itu terlalu sedikit. Jadi, oleh sebab itu, adakah pihak kerajaan hendak menghadkan bilangan IPTS ini dan menambahkan bilangan IPTA. Kawan-kawan saya ini semuanya haprak-haprak belaka [Disampuk]

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas pandangannya. Memanglah.....saya pun tak sangka perkataan itu boleh keluar daripada Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, terima kasih. Sebenarnya kita melihat pertambahan IPTS ini ketara terutama sekali dalam dua tahun ini kerana semenjak kegawatan ekonomi kita tidak lagi menggalakkan anak-anak Malaysia ke luar negara. Sehubungan dengan itu, kita menggalakkan penubuhan IPTS di dalam negara kita. Dengan cara itu, maka wang kita tidak mengalir keluar negara. Malangnya, apabila perkara ini berlaku kita mula memandang bahawa satu perkara yang tidak baik sedang berlaku. Namun demikian, apa yang kerajaan usahakan sekarang ialah semata-mata untuk menampung supaya semua anak Malaysia mendapat pelajaran dan pendidikan yang sempurna sama ada dalam negeri atau luar negeri.

Untuk menambah bilangan IPTA supaya bilangan jurang ini dikecilkan, memanglah kerajaan berhajat untuk menubuhkan lapan lagi IPTA, tetapi Yang Berhormat masalahnya nanti ialah di manakah kita hendak mencari pensyarah. Sementara kita mempunyai cita-cita tinggi, dalam masa yang sama kita mesti juga mengukur keupayaan kita terlebih dahulu. Oleh sebab itu, apa yang ada sekarang ini memang berjalan dengan baik dan sesungguhnya untuk kebaikan negara kita. Insya-Allah, kita akan usahakan sebagaimana jawapan saya pada peringkat awal tadi supaya usaha-usaha ke arah menyamaratakan bilangan bukan bumiputera dan bumiputera dapat dijalankan dengan baik. Terima kasih.

2. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) jumlah wang yang dijangka terlibat dengan penundaan masa bersara pegawai-pegawai awam dari 55 ke 56 tahun, dan adakah kajian secara terperinci dibuat untuk mengetahui pulangan ekonomi dan sosial yang didapati oleh negara; dan
- (b) jumlah pegawai kerajaan yang telah bersara dan dilantik semula untuk menjawat jawatan kerajaan dan badan berkanun kerajaan. Apakah rasional di sebalik tindakan ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar yang mengemukakan soalan ini.

- (a) Kerajaan telah membuat keputusan supaya opsiyen diberikan kepada anggota-anggota sektor awam untuk bersara apabila mencapai umur 55 tahun atau terus berkhidmat sehingga mencapai umur 56 tahun. Mereka akan diberi sebulan untuk membuat opsiyen ini. Kesan kewangan ekoran keputusan perlanjutan umur persaraan wajib akan hanya akan dianggarkan selepas jumlah sebenar anggota-anggota yang memilih untuk bersara pada umur 56 tahun diketahui.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya semua anggota yang layak buat opsiyen sebenarnya memilih untuk bersara apabila mencapai umur 56 tahun. Kerajaan dianggarkan memperoleh penjimatan pencen sebanyak RM173 juta bagi tahun pertama pelaksanaan serta penangguhan pembayaran ganjaran sejumlah RM814 juta selama setahun. Seperti dasar-dasar kerajaan yang lain, dasar perlanjutan umur persaraan wajib telah diputuskan hanya selepas dilakukan kajian terperinci mengenai kesan dasar-dasar tersebut dari segi sosioekonomi dan mengambil kira kepentingan masyarakat dan negara.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 30 Jun 2001 pesara yang telah dilantik semula berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Persekutuan berjumlah 414 orang. Daripada jumlah itu 74 orang terdiri daripada pegawai dalam kumpulan pengurusan tertinggi, 105 dalam kumpulan pengurusan dan profesional, dan 235 orang dalam kumpulan sokongan.

Mengikut dasar yang sedang berkuat kuasa pesara yang boleh ditimbangkan untuk dilantik semula ialah mereka yang telah bersara kerana telah mencapai umur 55 tahun, iaitu pesara wajib dengan syarat cadangan perlantikan itu dikemukakan oleh kementerian atau jabatan yang memerlukan perkhidmatan mereka. Pegawai yang diperakukan hendaklah terdiri daripada mereka yang telah menunjukkan prestasi yang amat cemerlang serta mempunyai kemahiran dan pengalaman yang tinggi.

Pada masa ini, semua cadangan perlantikan semula bersara perlu mendapat persetujuan Perdana Menteri. Kecuali perlantikan dan perkhidmatan tertentu pesara hanya dibenarkan berkhidmat sehingga mencapai umur 60 tahun. Rasional perlantikan mereka ialah untuk menampung kekurangan tenaga mahir dan berpengalaman untuk melaksanakan tugas tertentu hendak menjaga kesinambungan. Kadang-kadang pegawai berkenaan diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu projek yang penting

yang telah mereka mulakan. Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai agensi pusat yang bertanggungjawab menapis setiap perakuan perantaraan semula pesara oleh kementerian atau jabatan kerajaan sentiasa memastikan perantaraan mereka tidak menjejaskan peluang kenaikan pangkat pegawai yang lebih junior.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila kerajaan membuat keputusan supaya menambahkan masa perkhidmatan pegawai-pegawai yang berminat, ada implikasi undang-undang yang terlibat. Umpamanya Civil Law Act. Adakah kerajaan juga akan melihat supaya undang-undang ini dipinda supaya tidak mendatangkan satu kesan yang negatif kepada pegawai-pegawai yang terlibat. Terima kasih.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan sudah tentu akan mengikuti perundangan yang akan bermula pada hari ini dan akan mengikuti perkembangan. Itulah sebab kita memulakan dengan masa setahun kerana ini akan melibatkan berbagai-bagai undang-undang sudah tentu kerajaan akan mengkaji secara terperinci sebelum kerajaan memutuskan sesuatu dan undang-undang ini kemungkinan akan berkuat kuasa pada 1 Oktober 2001 dan kita ada beberapa bulan untuk kita mengikuti perkembangan ini dan insya-Allah, kerajaan akan sentiasa meneliti secara mendalam tentang undang-undang yang terlibat di dalam perkara ini. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kita di sini sudah membangkitkan hal ini sudah beberapa tahun dan nampaknya hanya sekarang pihak kerajaan membuat keputusan untuk melanjutkan umur persaraan. Ini memang satu langkah ke arah yang betul.

Walau bagaimanapun, apakah matlamat dan tujuan pihak kerajaan untuk meningkatkan umur persaraan ini sama ada sampai ke 60 ataupun 65 berbanding dengan negara-negara misalnya, di Singapura, Thailand, USA, UK. Saya setuju bahawa kita tidak boleh begitu sahaja melakukannya kerana perkara-perkara yang rumit. Walau bagaimanapun, mesti ada satu matlamat sama ada tiap-tiap tahun kita tambah ataupun kita mesti ada option kepada orang-orang termasuk orang-orang yang cuai, yang tidak begitu berkaliber mestilah digalakkan undur diri dengan lebih awal.

Walau bagaimanapun, sudah....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....Yang Berhormat....sila...sila, pertanyaan Yang Berhormat ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Pertanyaan sudah tanya satu. *[Ketawa]* Sudah tanya satu, cuma satu penjelasan kerana ada pihak di sana itu, "Pak-Pak Lang" tidak begitu faham. Itu masalah kita sekarang ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan umur masyarakat kita meningkat dengan banyak, dalam sepuluh tahun akan datang, mungkin puratanya 80 tahun dan dengan sedemikian ini bermakna, bolehkah Yang Berhormat menerangkan di dalam tempoh...

Tuan Bung Moktar bin Radin: Soalan!!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, itu soalahlah itu. Soalan dah tu, Yang Berhormat sila teruskan. Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Siapa itu Tun?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak tahulah. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak tahu! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila. Teruskan ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, bolehkah Yang Berhormat menerangkan misalnya, sampai lima tahun akan datang, apakah tanggungan kerajaan untuk orang-orang yang bersara? Sekian, terima kasih.

Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih, Yang Berhormat kerana bersetuju di atas cadangan ini dan itu sebab kerajaan membuat percubaan supaya di peringkat awalnya kita membenarkan setahun sahaja dan kita

kena mengambil kira dengan begitu ramai sekarang ini anak-anak muda kita yang lulus di peringkat institusi pengajian tinggi yang akan keluar yang memerlukan kerja. Itu sebab kerajaan kena memikirkan secara mendalam bahawasanya kita membuat percubaan untuk setahun dilanjutkan – dari segi persaraan kepada 56.

Kita akan mengikut perkembangan ini daripada satu masa ke satu masa kerana kita tidak hendak mengukur keadaan sosial ekonomi dari segi kemungkinan masalah akan berlaku apabila kita melanjutkan perkhidmatan seseorang itu begitu jauh di masa-masa hadapan. Ini akan kita lakukan daripada satu masa ke satu masa dan macam saya kata ini adalah option yang diberi pada hari ini mengikut perkembangan di dunia pada hari ini yang mana ramai di antara pekerja-pekerja yang masih lagi, orang kata, *alert*, dengan izin, yang masih lagi cergas dari segi pemikirannya dan ini saya rasa akan kita ikuti daripada satu masa ke satu masa. Terima kasih.

3. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) jumlah senjata api pistol/revolver/shotgun/rifle yang diberi lesen dan lesen "carry and used" kepada rakyat Malaysia mengikut bangsa termasuk sultan-sultan sehingga sekarang; dan
- (b) jumlah lesen yang ditank/dibatalkan sehingga sekarang kerana faktor umur, kesihatan, kesalahan jenayah dan lain-lain faktor.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat tetapi saya pohon izin Tun, kerana kalau hendak mengikut pecahan-pecahan yang dikehendaki oleh Yang Berhormat, daripada segi pecahan bilangan bangsa dan lain-lain kaum serta pecahan bilangan jenis senjata api, saya akan memakan masa yang panjang untuk menjawab masalah ini. Saya pohon untuk merumuskan keseluruhannya daripada segi jumlah pistol, jumlah revolver, rifle dan lain-lain dan keseluruhan bilangan yang telah diberi lesen kepada pemohon-pemohon.

Tuan Yang di-Pertua, pistol sejumlah 5,242 dan revolver sebanyak 3,165; rifle 3,585; shotgun 56,188; lain-lain 13,932; yang berjumlah seluruh jenis senjata api yang telah diluluskan kepada pemohon sehingga kini ialah 82,210 laras kepada bangsa-bangsa Melayu, Cina, India, lain-lain.

Manakala, bagi permit "membawa dan menggunakan" (*carry and used*) pula, secara keseluruhannya, sebanyak 33,434 lesen telah diluluskan dan ianya adalah kelulusan Ketua Polis Kontinjen Negeri. Untuk makluman, jumlah senjata api yang telah dibatalkan lesennya kerana faktor umur, faktor kesihatan, faktor kesalahan jenayah dan lain-lain adalah sebanyak 12,334 lesen.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Soalan tambahan. Apakah kaedah ataupun syarat ataupun kriteria seseorang itu untuk mendapatkan lesen ataupun lesen "*carry and used*" dan adakah kerajaan bercadang untuk memberi kemudahan lesen senjata api ini kepada pegawai-pegawai kanan kerajaan ataupun juga kepada Ahli Parlimen sebab kita telah mengetahui baru-baru ini ada satu peristiwa di mana pegawai kastam telah ditembak di hadapan keluarganya oleh kerana mereka itu menjalankan kerja-kerja yang mempunyai risiko yang tinggi.

Adakah kerajaan bercadang di masa hadapan ini memberi lesen kepada individu, bukan lesen kepada jabatan, itu maksud saya. Adakah kerajaan bercadang untuk masa hadapan ini?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Memberi senjata api adalah bertujuan untuk menjalankan tugas dan melindungi diri. Kriteria-kriteria untuk memberi kelulusan lesen ini, yang pertamanya, ialah mesti rakyat Malaysia.

Keduanya, ianya siuman. Kalau orang gila memohon kita tidak beri walaupun rakyat. [Ketawa]

Ketiganya, memohon mengikut peraturan-peraturan dan cara-cara yang tertentu dan ianya mestilah memberi keterangan-keterangan yang jelas kepada pihak polis dan penyiasatan mesti dilakukan ke atas keperluan-keperluan yang dikehendaki.

Bagi menentukan keperluan-keperluan ini terutama sekali pegawai-pegawai tinggi kerajaan dalam menjalankan tugas berisiko tinggi, pegawai-pegawai yang berkenaan hendaklah mendapat sokongan dan penyiasatannya juga dijalankan supaya lesen-lesen senjata api ini diberi dengan tujuan yang baik dan tidak disalahgunakan dalam menjalankan tugas dan dalam menjalankan perkara-perkara tertentu yang bertanggungjawab untuk masalah jabatan dan negara ini.

Individu-individu lain juga diberi pertimbangan dalam tatasusila dan cara permohonan yang tertentu dan dengan keterangan-keterangan yang dikehendaki dan apabila penyiasatan dibuat, pihak pegawai pasukan keselamatan mendapati bahawa keperluan ini mesti diberikan kepadanya, maka kemungkinan permohonan ini diluluskan. Terima kasih.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah beliau memberi pecahan kedua-dua jenis lesen ini bagi negara Sabah dan Sarawak dan seterusnya pada masa-masa sekarang ini amat sukar bagi khususnya suku kaum bumiputera Sabah dan Sarawak untuk mendapat kelulusan bagi permohonan-permohonan khususnya bagi petani-petani di mana mereka menggunakan senjata api ini untuk melindungi tanaman daripada perosak dan sebagainya. Apakah sebab-sebab ini berlaku? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat bagi...

Tuan Yang di-Pertua: Bandau.

Dato' Zainal Abidin bin Zin:....Bandau, saya ucapkan berbilang terima kasih. Apa yang telah dibangkitkan mengenai terutama sekali kaum bumiputera yang susah mendapat lesen senjata api ini, sebenarnya apa yang berlaku pada hari ini bukan sahaja kaum bumiputera, kaum-kaum lain yang menjadi rakyat negara ini yang memohon pun kita sedang mengkaji kerana pada ketika ini permohonan senjata api bagi kalangan-kalangan yang tertentu masih dibekukan.

Tadi saya sudah sebut bagi orang-orang yang tertentu kita pertimbangkan tetapi bagi kebanyakannya kita masih bekukan kerana peristiwa-peristiwa penyalahgunaan dan penjualan senjata palsu yang berlaku ini, sehingga pihak pasukan keselamatan memberi satu gambaran kepada Menteri Dalam Negeri dan yang menentukan bahawa keselamatan ini terjamin pada ketika itu, kemungkinan kita akan mempertimbangkan semula meluluskan lesen senjata api ini, bukan sahaja kepada kaum bumiputera bahkan kaum-kaum lain yang menjadi rakyat dalam negara ini, insya-Allah.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tun....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Maximus Johnity Ongkili:...jumlah bagi Sabah dan Sarawak bagi dua jenis lesen itu.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Jumlah bagi Sabah dan Sarawak bagi dua jenis lesen ini tidak termasuk dalam soalan awal. Maka, saya tidak bersedia untuk menjawab bilangan ini, ini terlalu spesifik, Yang Berhormat. Jadi, kalau Yang Berhormat berhajat sangat untuk mengetahui dua jenis lesen bagi kaum bumiputera Sabah dan Sarawak, insya-Allah, saya akan menjawab dalam bentuk tulisan. Terima kasih.

4. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian sedar setelah kesemua guru sekolah menengah memperoleh Ijazah Sarjana Muda seperti mana yang dihasratkan oleh kerajaan, mereka akan menikmati gaji yang setaraf dengan kelayakan akademik mereka dan mengapa sekarang masih terdapat guru berkelayakan ijazah dibayar skim gaji guru tanpa ijazah.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chang See Ten. Kementerian Pendidikan memang sedar masih terdapat guru-guru yang memiliki ijazah

Sarjana Muda masih dibayar gaji atas Skim Guru Tanpa Ijazah. Mereka adalah terdiri daripada guru-guru yang melanjutkan pelajaran secara Pengajian Jarak Jauh (PJJ). Namun demikian, temuduga bagi pelantikan ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah DG3 telah dilaksanakan dan dalam proses menunggu keputusan dan pelantikan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan.

Kementerian berkeyakinan masalah ini akan dapat diatasi secepat mungkin bagi sebahagian besar guru-guru ini yang mempunyai pengkhususan yang diperlukan. Bagi guru-guru siswazah tajaan Kementerian Pendidikan dan guru-guru bukan siswazah DG6 yang diberi cuti belajar dan separuh gaji untuk melanjutkan pelajaran atau pengajian ke universiti tiada masalah untuk dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah DG3. Terima kasih.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pendidikan akan mengadakan jenis pengkhususan yang bakal diikuti oleh para guru dalam kursus Ijazah Sarjana Muda dan dengan guru yang berkelayakan ijazah tidak dibayar dengan sewajarnya, kesungguhan mereka terhadap pengajaran mungkin terjejas dan mereka juga mungkin menceburi sektor swasta yang menjanjikan ganjaran yang lebih lumayan. Apakah komen Kementerian Pendidikan kerana ini akan menjejaskan kualiti pendidikan di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadi seorang guru adalah pilihan yang utama bagi seseorang individu. Oleh sebab itu sama ada dia meninggalkan atau tidak, bukanlah masalah yang kita harus hadapi. Masalahnya bagi siapa yang ingin memajukan pendidikan dalam negara ini, pertama sekali, mereka mesti ada minat. Oleh sebab itulah kita mendapati guru-guru di negara kita hari ini bersyukur dan berterima kasih kerana minat mereka inilah yang menyebabkan mereka masih kekal dan di Dewan ini saya mengucapkan tahniah kepada mereka semua.

Dalam usaha menentukan sama ada Kementerian Pendidikan sedang memikirkan apa yang patut dibuat dan bagaimanakah pemilihan untuk masuk ke maktab perguruan, ini memang sudah diaktakan dan mereka yang memohon memanglah mengikut peraturan-peraturan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan. Masalah yang timbul hari ini Tuan Yang di-Pertua, ialah kerana di dalam usaha mereka untuk melanjutkan pelajaran, mereka berminat untuk menyambung pelajaran atau pengajian, mereka mengambil kursus-kursus di luar daripada apa yang ada di maktab perguruan dahulu dan mereka mengambil dengan penuh minat kursus-kursus jarak jauh dan dalam proses ini kadangkala ada guru-guru yang mengambil kursus-kursus yang tidak menepati pengkhususan yang diperlukan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan terus menerus untuk meyakinkan kepada mereka bahawa apabila ada kekosongan mereka akan dimasukkan kemudiannya. Inilah kepentingan yang ada kepada kita dan Suruhanjaya Perkhidmatan Perguruan berusaha untuk menentukan supaya mereka semuanya pada suatu masa nanti akan mendapat peluang seperti yang diharap-harapkan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita perhatikan bahawa guru-guru yang kemungkinan selepas mendapat diploma mereka menyambung di peringkat ijazah. Jadi, mereka dihantar untuk berkhidmat di sekolah-sekolah tertentu.

Jadi, masalah yang timbul ialah ada setengah-setengah guru besar yang mungkin tidak seperti mana kebanyakan guru besar. Jadi, ini menyebabkan banyak mereka itu terlalu lama terpaksa dibayar gaji mengikut skim diploma. Apakah kerajaan tidak ada cadangan, umpamanya, bilamana mereka daftar untuk berkhidmat di mana-mana sekolah, dalam tempoh tiga bulan dikira automatik kerana kalau hendak menunggu kepada temu duga mungkin sekali setahun. Jadi, kalau rasa kerajaan tidak hendak buat macam ini, kebelakangan sangat kerajaan kita ini. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, itu pandangan Yang Berhormat. Sebenarnya tidak begitu. Yang Berhormat sendiri ahli perniagaan. Kalau perlukan tiga engineer, yang datang sepuluh engineer, adakah Yang Berhormat menerima sepuluh engineer ini? *[Tepuk] [Beberapa Ahli Yang Berhormat mengejek]* Saya ingin berterus terang apa yang kerajaan buat sekarang ini semata-mata untuk keperluan bangsa kita, bangsa Malaysia. Oleh sebab itu kalau sekiranya kita membenarkan semua orang dengan tidak ada peraturan, yang akan habis ialah duit

negara. Sementara kita membelanjakan duit negara tetapi apabila kita membelanjakan duit negara ia mestilah dipergunakan dengan cara yang terbaik.

Oleh sebab itu kita ada undang-undang dan oleh sebab kita mengikut undang-undang, maka ada setengah kecewa tetapi lambat-laun mereka akan sampai juga kepada hajatnya. Terima kasih.

[Soalan No. 5 - Y.B. Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail [Gombak] tidak hadir]

6. **Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat]** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah kementerian menyedari dengan dasar persaraan awal anggota-anggota lain-lain pangkat, akan menyumbang kepada peningkatan kegiatan jenayah seperti tragedi di Sauk dan apakah langkah pencegahan yang dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, dasar pemberhentian dan penyambungan perkhidmatan anggota lain-lain pangkat selepas tamat tempoh perkhidmatan 10, 15 dan 18 tahun adalah secara sukarela. Manakala penamatan perkhidmatan selepas 21 tahun adalah merupakan persaraan wajib.

Namun demikian, urusan pemberhentian ini juga boleh dilaksanakan apabila anggota-anggota lain pangkat telah didapati tidak lagi layak untuk berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia. Proses pemberhentian ini terpaksa dibuat berikutan sebab-sebab tertentu seperti kesihatan, telah di-jatuhkan hukuman yang mewajibkan anggota terlibat diberhentikan atau sebab-sebab yang lain.

Statistik dalam tempoh lima tahun terakhir sehingga tahun 2000, seramai 25,022 orang anggota lain-lain pangkat bersara. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,104 orang telah diberhentikan atas sebab kes-kes tatatertib iaitu lebih kurang 8.4% daripada jumlah keseluruhan anggota yang berhenti.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat juga, anggota-anggota tentera ini sama ada yang telah bersara atau diberhentikan adalah juga merupakan sebahagian daripada masyarakat awam. Berdasarkan kepada jumlah penglibatan mereka dalam kes-kes jenayah seperti yang dilaporkan dalam media massa tempatan adalah sangat kecil, oleh yang demikian, adalah tidak tepat untuk menganggap golongan ini sebagai penyumbang kepada peningkatan kegiatan jenayah di negara ini.

Sebenarnya kementerian ini telah dan sedang mengambil pelbagai langkah ke arah memperbaiki dan mempersiapkan bakal-bakal pesara tentera dan menganjurkan pelbagai bentuk latihan ikhtisas dan motivasi sebagai persiapan untuk menjadi masyarakat awam kelak. Apa yang pasti, kementerian sentiasa memberi komitmen yang tinggi, contohnya, baru-baru ini kementerian telah menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Veteran yang bertujuan untuk menjaga kepentingan dan meningkatkan lagi taraf sosioekonomi serta kebajikan bekas anggota-anggota tentera.

Di samping itu, kementerian ini juga tidak lupa untuk menggalakkan dan meningkatkan peranan dan sumbangan yang dimainkan oleh Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) dan juga Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) dalam menjamin kesejahteraan kehidupan golongan ini selepas bersara atau diberhentikan.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, memandangkan kesukaran untuk mendapatkan rekrut-rekrut baru, adakah kementerian berhasrat untuk menetapkan had umur bersara wajib anggota-anggota lain-lain pangkat sehingga had umur 55 tahun seperti anggota-anggota perkhidmatan awam yang lain?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Yang Berhormat daripada Siam [Ketawa] seperti yang disebutkan

Yang Berhormat dari Batu Pahat, minta maaf. Namanya saya sebut sangat selalu Siam. Tuan Haji Siam, minta maaf Yang Berhormat.

Yang Berhormat daripada Batu Pahat, sebetulnya kita tidak ada langkah ke arah itu untuk hendak melanjutkan usia pasukan anggota tentera kita sehingga ke tahap 55 tahun kerana kita tahu bahawa sebahagian daripada pasukan tentera ini ada beberapa *layer*. There is the *front layer* di depan, ada yang *second layer* di

pertengahan, dan lepas itu yang di belakang iaitu untuk memastikan agar sistem pertahanan negara sentiasa ada kemantapannya.

Maka dengan itu, kita memerlukan tenaga-tenaga yang agak muda untuk berhadapan dengan anggota-anggota anasir-anasir subversif, maka dengan itu sistem yang ada sekarang ini agak unik sedikit di mana kita memerlukan tenaga-tenaga yang cekap dan tubuh badan mereka sihat, yang cergas untuk memastikan agar keselamatan negara kita sentiasa dalam keadaan sejahtera dan terkawal.

Walaupun demikian, tidak bererti bila mereka masuk di peringkat awal selaku lain-lain pangkat dalam sistem yang ada sekarang ini, kita galakkan anggota tentera kita untuk mendekati diri mereka dengan menimba ilmu, contohnya mereka masuk dalam tentera hanya dengan tahap tingkatan lima sahaja atau SPM ataupun tingkatan enam, bila mereka masuk di peringkat lain-lain pangkat, lepas itu mereka akan memperolehi dalam masih lagi perkhidmatan, diploma ataupun *degree*, maka kita akan lonjakan mereka ke tahap yang lebih tinggi, mungkin tidak lagi lain-lain pangkat.

Maka dengan itu, mereka juga akan layak untuk ditingkatkan contohnya, leftenan-kolonel ataupun kolonel, maka dengan itu usia mereka tidak lagi bergantung kepada perkhidmatan sepuluh, lima belas tahun ataupun lapan belas tahun. Kelak mereka boleh diserapkan ke 40 tahun usia ataupun 45 tahun ataupun sampai ke kolonel iaitu 55 tahun. Ada usaha-usaha kerajaan kita, tidak terbatas di situ sahaja, tetapi yang penting kepada kita, kita hendakkan juga di samping ada *senior officers* lain-lain pangkat yang agak kita perlukan mempunyai pengalaman untuk membantu atau merancang dan mendidik, menjadi *command officers (CEO)*, di peringkat atasan juga kita perlukan generasi yang muda untuk menyertai pasukan tentera ini.

Maka dengan itu, setakat ini dasar kita, ialah kita kekalkan sistem yang ada sekarang.

Tuan Hassan bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya kira inilah dilema yang ditanggung oleh anggota tentera di mana mereka terpaksa mencari kerja yang lain selepas berhenti awal dan kalau kita lihat di kampung, mereka terpaksa kembali menoreh getah dan paling kurang kerja jaga yang mana di waktu umur 40'an ke 50'an ini, banyak lagi tanggungan, baru kahwin, baru beli kereta, baru beli rumah, tetapi dasar yang dibuat ini menyusahkan mereka dan saya kira inilah di antara faktor yang menyebabkan ramai rakyat kita yang tidak berminat untuk menyertai anggota tentera. Jadi, saya kira pihak kementerian perlu fikirkan dan soalnya, apakah kita mahu melihat rakyat kita tidak berminat untuk menyertai pasukan tentera disebabkan oleh syarat ini. terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah bukan satu isu dilema, saya rasa cuma pihak pembangkang memperalatkan perkara ini. Saya rasa kalau kita lihat di peringkat pasukan anggota tentera ini, kita galakkan juga sebahagian besar mereka untuk berada - ada di antara mereka juga masih berada - dalam angkatan tentera Malaysia. Ada di antara mereka ini berkehendak dilepaskan lebih awal kerana mereka juga hendak memasarkan tenaga usia muda mereka, mereka tahu juga kalau mereka bersara lebih lewat, mungkin sudah sampai ke 50 tahun, sudah pasti mereka akan bersaing dengan tenaga yang agak muda, maka dengan itu mereka tidak akan mendapat situasi yang agak kompetitif dengan pasaran buruh yang lain.

Adalah tidak benar bahawa kita mengetepikan agar masa depan mereka tidak terjamin. Pihak Kementerian Pertahanan selepas sampai sama ada sepuluh atau lima belas tahun berkhidmat, lapan belas tahun berkhidmat, kita akan adakan sistem peralihan, latihan untuk mereka mempunyai sijil atau diploma dan selepas mereka mempunyai kemahiran ini, supaya mereka mempunyai *second chance*, peluang kedua untuk bekerja. Maknanya selepas mereka berkhidmat selaku pasukan tentera, kita galakkan mereka melengkapkan diri mereka dalam jangka masa enam bulan contohnya untuk mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu contohnya jadi mekanik, jadi tukang paip, jadi *caterer*, dan pelbagai lagi kita galakkan, di samping itu selepas ada mempunyai ilmu sedemikian rupa, Kementerian Pertahanan menyediakan pinjaman, ada yang RM5,000, ada yang RM10,000, ada ganjaran yang agak lebih besar.

Dan menerusi program PROSPER juga kita beri pinjaman menyeluruh kepada pasukan kita agar mereka ini akan mendapat peluang perniagaan ataupun pekerjaan selepas berkhidmat daripada kerajaan. Adalah tidak benar mereka diketepikan.

Sebenarnya ini adalah merupakan satu isu sahaja yang digembar-gemburkan oleh pihak pembangkang.

Soalan No. 7 – Y.B. Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] tidak hadir.

8. **Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kerajaan bercadang mengenakan tol yang lebih mahal kepada lori-lori ikan dan sayur dari Thailand yang menggunakan Lebuh Raya Bukit Kayu Hitam ke Singapura memandangkan kegiatan sedemikian tidak langsung memberi apa-apa faedah kepada negara.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan tol yang lebih tinggi ke atas lori-lori ikan dan sayur dari Thailand. Kadar tol yang dikenakan adalah mengikut kelas kenderaan seperti yang telah ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Tambahan pula, caj perkhidmatan kerana menggunakan ruang kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dikenakan, iaitu lori dan treler dikenakan caj RM10 setiap kali mereka masuk ke Malaysia. Lori biasa tidak melebihi 1,500 kilogram tanpa muatan dikenakan caj dengan RM2, van dan *station wagon* dikenakan RM1 dan motosikal biasa dari Thailand membayar 50 sen.

Selain daripada itu, Kerajaan Malaysia membenarkan sejumlah 45 lori berat masuk ke Malaysia. Thailand membenarkan 12 kenderaan berat dari Malaysia masuk ke Thailand. Mengikuti dengan Kementerian Pengangkutan iaitu permintaan untuk menambahkan sepuluh lagi kenderaan berat Malaysia masuk ke Thailand dalam proses dan pertimbangan negara Thailand. Selain daripada itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 45 buah kenderaan berat sedang membayar cukai jalan dan juga tol untuk mengguna lebuh raya utara selatan. Ini bukan bererti mereka menggunakan jalan kita tanpa apa-apa bayaran.

Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, tadi dinyatakan 45 lori dari Thailand ke Malaysia sedangkan kita dibenarkan 12 lori berat sahaja, jadi nampak tidak seimbang, adakah kerana memang permintaan sedemikian atau kerana itu sahaja yang dibenarkan dan kalau itu sahaja yang dibenarkan, apakah langkah untuk membenarkan untuk mengimbangkannya?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mengikut dengan permohonan kebenaran telah diberi oleh Thailand, mereka memohon untuk 46, kita memohon 12 sahaja pada masa itu, sekarang kita memohon untuk sepuluh lagi tambahan. Saya percaya jikalau mahu juga lebih banyak lori masuk ke Thailand, bolehlah kita mesti dapat kebenaran daripada mereka, sekarang pun banyak kenderaan masuk dalam Thailand lebih bayaran daripada kita.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Tadi kita perhatikan bahawa kadang kala pengusaha-pengusaha sayur-sayuran dan ikan Malaysia menghadapi saingan yang kuat daripada Thailand, bahkan yang memilukan kebanyakan bot-bot dalam yang didaftarkan di negara kita pun dengan strategi tertentu, ikan itu dipindahkan ke Thailand, menyebabkan ikan-ikan di Thailand jauh lebih murah daripada ikan-ikan di negara kita. Jadi, demi melindungi pengusaha-pengusaha ikan dan juga pengusaha-pengusaha sayuran, terutama daripada Cameron Highlands, apakah kerajaan tidak ada bercadang untuk mengenakan sedikit lagi tol bagi menambah hasil kerajaan. Kalau kita buat tol kerana hendak hasil kerajaan, tidak bolehkah kita tambah lagi untuk menambah hasil kerajaan? Sekian.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai apa-apa kuasa berkenaan dengan ikan, saya jaga jalan sahaja. *[Ketawa]* Jadi, saya sudah memberi jawapan kepada Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, bagi tambahan jawapan saya, kita tidak boleh mengenakan oleh kerana setiap lori mempunyai dua lesen, satu iaitu *road tax* untuk Malaysia dan satu untuk Thailand, jadi mereka membayar *road tax* yang tinggi seperti kenderaan-kenderaan berat di negara ini.

Jadi, kita kena bersamalah dengan Thailand dan Malaysia oleh kerana kita ada banyak hubungan di antara kedua negara ini, kita tidak boleh hilang persefahaman yang sedia ada sekarang. Terima kasih.

9. **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]** minta Menteri Penerangan menyatakan berapakah jumlah saluran radio RTM dan swasta yang menyiarkan muzik sepenuhnya atau sebahagian besarnya dalam siaran mereka.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Penerangan hanya dua stesen radio yang menyiarkan sebahagian besar muzik iaitu Radio Muzik dan RIMA. Masing-masing menyiarkan 73% dan 90.7% rancangan muzik, 7% dan 9.3% rancangan berbentuk maklumat dan pendidikan. Berkaitan dengan stesen swasta, terdapat 12 stesen radio swasta yang dikendalikan oleh lapan buah syarikat yang diberikan lesen oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia yang menyiarkan sepenuh atau sebahagian besar muzik dalam siaran mereka.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan stesen Radio Muzik yang di bawah Kementerian dan di bawah swasta. Sebagaimana yang kita maklum, suasana masyarakat hari ini diakui sendiri oleh pihak kerajaan mempunyai banyak masalah-masalah sosial dan juga kita semuanya ingin melihat negara kita maju dalam bidang ilmu pengetahuan. Jadi, saya berhasrat dan ingin mencadangkan dan memohon pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri jika boleh diperbanyakkan radio-radio yang kurang menumpukan kepada muzik ditambah saluran-saluran misalnya satu stesen radio yang khusus menyiarkan berita sahaja 24 jam ataupun satu stesen radio demi untuk masa depan anak-anak kita di sekolah-sekolah yang menumpukan khusus kepada mata-mata pelajaran akademik yang mereka pelajari dan kalau boleh juga satu lagi saluran yang khusus menyiarkan rancangan-rancangan, siaran-siaran bacaan-bacaan al-Quran dan program-program agama seperti itu. Adakah pandangan di pihak Kementerian Penerangan cadangan seperti ini sesuai untuk menyelesaikan masalah-masalah yang besar di dalam masyarakat kita sebagaimana yang diakui sendiri oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, segala yang diberikan pandangan oleh Yang Berhormat itu boleh didengar melalui RTM1. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, kalau kebenaran membuka universiti boleh diberikan kepada MCA, apakah kebenaran untuk saluran siaran radio ini boleh diberikan kepada PAS ataupun DAP? Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, itu kena tanya Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

10. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah kawalan yang telah dan akan diambil untuk mencegah kejadian tanah runtuh serta hakisan alam akibat daripada aktiviti-aktiviti penebangan kawasan hutan simpan, pembalakan haram dan penerokaan secara haram yang langsung tidak mematuhi Environment Impact Assessment (EIA) daripada terus berlaku.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi aktiviti-aktiviti pembalakan berlesen yang meliputi kawasan seluas 500 hektar atau lebih adalah tertakluk kepada perintah Kualiti Alam Sekeliling iaitu aktiviti yang ditetapkan dan pendirian kesan kepada alam sekeliling 1997. Dan laporan penilaian kesan kepada alam sekeliling ataupun EIA perlu disediakan dan dikemukakan untuk kelulusan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar terlebih dahulu.

Suka saya memaklumkan bahawa sekiranya terdapat mana-mana aktiviti yang tidak mematuhi perintah EIA, tindakan undang-undang boleh diambil. Laporan EIA bagi aktiviti perhutanan perlu mengikut prosedur yang ditetapkan dalam Environment Impact Assessment Guidelines, dengan izin, yang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Seterusnya bagi mengawal tanah runtuh dan hakisan tanah, langkah-langkah kawalan seperti menyediakan kolam klodak, perangkap mendap, *culverts* dan longkang bagi mengalir air larian. Langkah-langkah lain adalah mengurangkan penggunaan

jentera berat dan mengelak dari pemotongan bersih dan juga menyediakan kawasan penampungan terutamanya berhampiran dengan sungai.

Bagi aktiviti pembalakan haram atau penerokaan secara haram, tindakan boleh diambil oleh kerajaan negeri melalui pejabat-pejabat tanah atau Jabatan Perhutanan Negeri di mana yang berkaitan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. Kita telah pun membuat undang-undang berhubung dengan masalah penebangan kawasan hutan simpan pembalakan, itu pun penguatkuasaannya masih lagi tidak begitu kuat diambil, seolah-olah hanya jerung-jerung yang terlepas, manakala ikan-ikan bilis sahaja yang dikenakan tindakan. Adakah kerajaan bercadang untuk selain mengambil tindakan yang lebih tegas, denda yang lebih berat dikenakan ke atas mereka yang menjalankan aktiviti haram seperti penebangan hutan atau pembalakan tanpa memilih bulu, kerana ekor daripada penerokaan haram ini, kerajaan telah menanggung wang berjuta-juta ringgit dan ada juga yang telah menjejaskan kawasan-kawasan tadahan air dan sebagainya di kawasan-kawasan tertentu, terutama sekali kita tahu kawasan pembalakan ini telah banyak berlaku di kawasan-kawasan termasuk di Terengganu dan Kelantan. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Alam Sekitar akan menyemak laporan EIA daripada kawasan-kawasan pembalakan yang melebihi keluasan kawasan 500 hektar. Setelah itu syarat-syarat yang dikenakan telah pun dimaklumkan kepada pihak pengusaha dan dalam hal ini kita mendapat kerjasama daripada Jabatan Hutan. Apabila soal-soal per- langgaran syarat ini dilakukan, maka setelah mendapat laporan dan sebagainya biasanya tindakan-tindakan akan diambil mengikut undang-undang yang telah ditetapkan. Soal mengenakan syarat yang lebih ketat ataupun menambahkan lagi yang dikenakan buat masa ini difikirkan adalah memadai.

Jadi, bagaimanapun kita hanya akan dapat maklumat yang lebih tepat apabila mendapat laporan-laporan daripada Jabatan Hutan sendiri mengenai kegiatan-kegiatan yang dianggap melanggar peraturan ataupun laporan EIA yang telah pun dikenakan. Terima kasih.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini di Melaka ada satu kawasan hutan simpan – Melaka kita tahu adalah sebuah negeri yang kecil dan hutan simpannya yang paling kecil dalam Semenanjung tetapi hutan simpan yang satu-satu di Ayer Keroh kalau tidak silap saya telah pun diberikan lesen pembalakan dan kita tahu hutan simpan ini juga digunakan oleh tentera yang berdekatan oleh kem yang berdekatan untuk kawasan latihan – Sungai Udang, ya Sungai Udang tetapi sudah diberikan kawasan pembalakan sehingga tentera hendak berlatih pun tidak ada hutan lagi. *[Ketawa]*

Jadi, saya hendak tahu adakah kementerian ini sedar tindakan ini dan adakah Kerajaan Negeri Melaka telah memperolehi laporan alam sekitar untuk mengizinkan pembalakan di kawasan yang sudah kecil *[Disampuk]* adakah kementerian ini sedar ataupun tidak sedar? Saya juga hendak tahu adakah di Bukit Tunku di mana pagi ini saya lalu di Bukit Tunku, kawasan yang sangat cantik Tuan Yang di-Pertua, kawasan orang-orang besar duduk tetapi di Bukit Tunku telah dibuat satu jalan baru, satu lebuhraya yang menghilangkan keindahan yang telah dipelihara sejak ratusan tahun dan tidak mungkin kita akan dapat satu kawasan sedemikian tanpa satu perancangan yang baik pada masa depan. Adakah ini telah mendapat kelulusan EIA ataupun kementerian pejam mata begitu sahaja? Itu baru dua contoh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Untuk soalan yang awal tadi, kita sedar, kementerian sedar dan kerajaan sedar dengan perkara-perkara yang berlaku dan walau bagaimanapun soal sedar dengan tidak sedar ada kaitannya pula dengan soal authority. Seperti di negeri Melaka saya rasa ada lagi hutan di negeri Melaka, saya ingat hutan di Ayer Keroh ada lagi hutan, ada lagi hutan *[Ketawa]* tinggal lagi masalah yang berkaitan dengan hutan di Sungai Udang, pembalakan ataupun pembukaan kawasan yang dilaporkan ataupun yang kita ketahui di sini tidak ada kaitannya dengan soal kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Sama juga dengan pembukaan jalan di kawasan Bukit Tunku dan sebagainya yang mana sekiranya perkara ini ada kaitannya dengan tanggung-jawab kementerian biasanya perkara ini mesti dirujuk kepada Jabatan Alam Sekitar. Tetapi kalau ini adalah

berkaitan dengan keperluan rakyat untuk pembangunan dan sebagainya sebahagian daripada perkara yang telah pun dilakukan terutamanya pembukaan kawasan hutan seperti di Sungai Buloh, kita terpaksa memberikan persetujuan, pengecualian dan sebagainya untuk membenarkan sebahagian daripada kawasan-kawasan hutan tertentu yang mana di sekeliling kawasan Lembah Klang ini dahulu kebanyakannya hutan yang terpaksa dibuka oleh kerana keperluan untuk membina rumah rakyat dan permohonan-permohonan bandar yang perlu bersesuaian dengan pertumbuhan penduduk dan kemajuan di negara kita ini. Terima kasih.

11. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan bilakah sistem CDMA akan dilaksanakan supaya kawasan luar bandar di seluruh negara akan mendapat perkhidmatan telefon.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Sistem Code Division Multiple Access (CDMA) sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di beberapa kawasan luar bandar dan pinggir bandar.

Pada masa ini pelaksanaan dengan izin, commercial projek sedang dijalankan di beberapa tempat dan kawasan luar bandar di Sarawak dan akan diperluaskan ke seluruh negara menjelang awal tahun 2002. Seramai 150,000 pelanggan di kawasan luar bandar dijangka akan mendapat kemudahan ini. Sekian, terima kasih.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan Sistem CDMA ini setahu saya Telekom sudah mempunyai peralatan dan juga sistem yang sedia ada dan kita dapati bahawa banyak kawasan kampung yang belum lagi dilaksanakan sistem ini dan saya rasa kalau boleh kementerian mempercepatkan sistem ini sebab kita dapati banyak lagi kampung yang mempunyai masalah berkenaan dengan telefon ini. Jadi, saya minta supaya kementerian boleh mempercepatkan pelaksanaan sistem ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi projek pelaksana akan dijalan secepat mungkin dan perlulah ujian-ujian yang dijalankan dan kawasan yang dipilih ialah kawasan di Sarawak dan sebanyak 2,500 orang pelanggan akan mendapat perkhidmatan ini di lain-lain tempat boleh mengambil perhatian untuk mempercepatkan pelaksanaannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Jawab Lisan selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 7, 12 hingga 21 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BEKALAN ELEKTRIK (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.09 pagi.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000 digubal ekoran daripada keputusan kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Tenaga

yang bertujuan untuk memperkukuhkan dan mempertingkatkan keberkesanan kawal selia sektor tenaga iaitu bekalan elektrik dan bekalan gas.

Saya ingin memaklumkan bahawa penubuhan Suruhanjaya Tenaga akan melibatkan pemindahan kuasa kawal selia daripada badan kawal selia yang sedia ada iaitu Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas kepada Suruhanjaya Tenaga. Sesuai dengan penubuhan Suruhanjaya Tenaga beberapa pindaan perlu dibuat terhadap Akta Bekalan Elektrik 1990 bagi memastikan wujudnya kesinambungan dalam pelaksanaan kawal selia ke atas sektor tenaga. Di samping itu, pindaan juga dilakukan terhadap Akta 447 bagi menguatkuasakan beberapa dasar baru kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi huraian mengenai aspek-aspek utama yang terlibat dalam pindaan kepada Akta Bekalan Elektrik 1990 bagi tujuan memastikan kesinambungan antara Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga dengan Akta 447 dan seterusnya membolehkan pemindahan kuasa kawal selia daripada Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas kepada Suruhanjaya Tenaga.

Fasal-fasal yang terlibat adalah seperti berikut:

Fasal 4, yang meminda Seksyen 2 kepada Akta ibu di mana definisi 'elektrik' dipinda supaya sama dengan definisi 'elektrik' dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga.

Fasal 4, 7, 10, 13, 14, 15, 16, 17, 22, 23, 24, 25, 26, 28, 32, 33, 34, 35, 36, 37 dan 39 meminda seksyen-seksyen yang berkaitan di mana perkataan "Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah, Timbalan Pengarah, Penolong Pengarah Bekalan Elektrik dan mana-mana pegawai yang lain" di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 dipinda dan digantikan dengan perkataan 'Suruhanjaya atau Pengerusi' mengikut kesesuaian konteks peruntukan.

Fasal 8, yang melibatkan perenggan baru 4A di mana satu seksyen baru mengenai pegawai diberi kuasa atau authorized officer dengan izin, diperkenalkan untuk melicinkan penguatkuasaan Akta Bekalan Elektrik apabila Suruhanjaya Tenaga ditubuhkan. Pegawai diberi kuasa dalam konteks Suruhanjaya Tenaga merujuk kepada mana-mana pegawai awam atau pegawai suruhanjaya yang diberi kuasa secara bertulis oleh menteri.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang peruntukan-peruntukan baru ataupun pindaan kepada peruntukan yang sedia ada dalam Akta Bekalan Elektrik 1990 untuk tujuan penguatkuasaan Dasar Baru kerajaan. Fasal-fasal yang terlibat adalah seperti berikut:

- (a) Fasal 13, yang meminda Seksyen 9 Akta ibu di mana satu peruntukan baru iaitu Seksyen 9(2A) diwujudkan bagi tujuan memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk mengenakan surcaj berdasarkan kadar 1% sebulan atau sebahagian dari sebulan atau pada apa-apa kadar yang akan ditetapkan ke atas pemegang lesen kerana lewat membuat pembayaran lesen. Rasional untuk mengadakan peruntukan baru ini ialah untuk menggalakkan pemegang lesen melakukan pembayaran mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
- (b) Fasal 18, yang melibatkan bahagian baru VA yang mengandungi Seksyen 23A, 23B dan 23C adalah bertujuan untuk menggalakkan penggunaan elektrik dengan cekap dengan izin, electricity efficiency. Cadangan Seksyen 23A akan membolehkan menteri meletakkan peraturan dalam semua hal berkaitan penggunaan elektrik dengan cekap manakala Seksyen 23B dan Seksyen 23C melarangkan pengilangan, penjualan atau penggunaan pemasangan peralatan yang tidak memenuhi piawaian berhubung dengan penggunaan elektrik dengan cekap.
- (c) Fasal 19, yang melibatkan peruntukan baru iaitu Seksyen 26A memberikan kuasa kepada pemegang lesen untuk mengenakan surcaj tertakluk kepada syarat dan kadar yang

akan ditetapkan oleh menteri ke atas pengguna-pengguna yang lewat membayar bil kepadanya. Tujuan cadangan ini ialah untuk meng- hindarkan pengguna dari lewat membayar bil mereka.

(d) Fasal 21, yang melibatkan peruntukan baru iaitu Seksyen 28A dan peruntukan pemegang lesen hendaklah membayar kepada seseorang tertakluk kepada syarat dan kadar yang akan ditetapkan. Sejumlah wang bersamaan dengan faedah tahunan bagi sesuatu cagaran yang dikemukakan. Cadangan ini dibuat ekoran daripada rungutan pengguna-pengguna yang berpendapat bahawa mereka arus menikmati faedah yang terakru ke atas cagaran mereka.

(e) Fasal 29, yang melibatkan pindaan kepada Seksyen 38 mengandungi dua peruntukan baru yang diperkenalkan selaras dengan pindaan kepada Akta Rumah Judi Terbuka 1953. Cadangan pindaan yang dimaksudkan melibatkan pemotongan bekalan elektrik kepada premis-premis yang terlibat dalam pengendalian mesin perjudian haram dan adalah bertujuan membantu kerajaan dalam usaha membanteras masalah perjudian yang berleluasa dalam negara ini.

Seksyen 38(1A) baru membolehkan pegawai polis yang berpangkat tidak kurang dari Penolong Penguasa Polis untuk memohon kepada suatu pihak kuasa bekalan atau pemegang lesen untuk memotong bekalan elektrik kepada premis-premis yang terlibat dalam pengendalian mesin judi haram untuk satu tempoh tidak melebihi satu bulan di bawah Seksyen 21A kepada Akta Rumah Judi Terbuka 1953. Seksyen 38(2A) baru pula menerangkan penyambungan semula bekalan elektrik kecuali kebenaran bertulis diperolehi dari pegawai polis yang berpangkat tidak kurang dari Penolong Penguasa Polis.

(f) Fasal 30, yang meminda Seksyen 42 Akta iButiran memper-untukkan bahawa tidak ada pendakwaan boleh dijalankan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta 447 kecuali setelah keizinan bertulis diperolehi daripada Pendakwa Raya. Tujuan pindaan ini ialah untuk mengelakkan dari berlaku salah guna kuasa oleh pegawai-pegawai suruhanjaya.

(g) Fasal 31, mengenai pindaan kepada Seksyen 43 Akta ibu memberikan kuasa kepada Pengerusi Suruhanjaya Tenaga untuk mengenakan kompaun dengan keizinan bertulis dari Pendakwa Raya bagi kesalahan di bawah Akta 447 dengan mengutip daripada mana-mana orang yang disyaki melakukan sesuatu kesalahan denda yang tidak melebihi 50% daripada jumlah denda maksimum untuk kesalahan tersebut.

Seksyen 43(1A) baru memperuntukkan bahawa semua wang yang diperolehi dari kompaun bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan hendaklah dimasukkan dan menjadi sebahagian dari Kumpulan Wang Disatukan..

(h) Fasal 38 yang meminda Seksyen 53 Akta iButiran memperkenalkan satu peruntukan baru iaitu Seksyen 53(2) untuk membenarkan denda dikenakan terhadap sebarang kesalahan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 447. Peruntukan ini menetapkan bahawa denda yang dikenakan bagi sesuatu kesalahan tidak boleh melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-dua hukuman bagi kesalahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan lain dalam Akta Bekalan Elektrik 1990 hanya merupakan pindaan kecil atau diakibatkan oleh pindaan lain. Saya yakin bahawa dengan adanya Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000 urusan penguatkuasaan kawal selia ke atas sektor tenaga akan diperkukuhkan. Di samping itu cadangan pelaksanaan beberapa dasar baru semasa oleh kerajaan akan memastikan kehadiran kepada semua pihak sama ada rakyat sebagai pengguna ataupun pihak industri. Rang undang-undang ini juga merupakan peringkat kepada usaha-usaha kerajaan untuk menangani masalah sosial khususnya aktiviti perjudian mesin haram.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sedar bahawa keberkesanan yang berniat murni ini hanya akan terhasil sekiranya dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Oleh yang demikian, rang undang-undang ini memerlukan sokongan yang menyeluruh daripada semua pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Muhamad bin Abdullah]: Ya, sokongan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bekalan Elektrik 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Gelang Patah.

11.23 pagi.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana berikan peluang keemasan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini dibuat ekoran daripada keputusan kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Tenaga yang bertujuan untuk memperkukuhkan dan mempertingkatkan keberkesanan kawal selia sektor tenaga. Kuasa kawal selia dipindah dari Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas kepada Suruhanjaya Tenaga.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada pindaan ini dalam Seksyen 9 (2A) diwujudkan bagi tujuan memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk mengenakan surcaj berdasarkan kadar 1% sebulan atau sebahagian dari sebulan atau pada apa-apa kadar yang akan ditetapkan ke atas pemegang lesen kerana lewat membuat pembayaran lesen supaya mereka akan melakukan pembayaran lesen mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Pengwujudan seksyen ini adalah adil kerana pihak pengguna bekalan elektrik dan gas pun dikenakan surcaj oleh TNB iaitu pemegang lesen dalam seksyen 26A.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 26A telah memberikan kuasa kepada pemegang lesen untuk mengenakan surcaj kepada pengguna-pengguna yang lewat membayar bil kepadanya supaya dapat menggalakkan pengguna membayar bil dalam tempoh masa yang diberikan. Saya ingin dapat pandangan dan maklumat daripada pihak Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia mengapa pihak pemegang lesen boleh mengutip surcaj dari pihak pengguna-pengguna mulai Julai 2000 sebelum pindaan Akta 447 yang dibentangkan gubalan pada hari ini. Sebelum ianya diluluskan, saya ingin tahu mengapa ini berlaku sila maklumkan amaun surcaj yang telah dikutip sejak tarikh itu. Jika pengutipan surcaj ini sebelum ini adalah salah dari segi undang-undang, adakah pihak kementerian akan mengarahkan pihak pemegang lesen untuk memulangkan semua bayaran surcaj itu serta semua faedah kepada pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 28A telah memperuntukkan pemegang lesen hendaklah membayar faedah tahunan bagi sesuatu cagaran yang dibayar oleh pengguna. Peruntukan undang-undang ini patut dipuji dan akan dapat menyelesaikan rungutan pengguna-pengguna selama ini. Saya ingin tahu berapa amaun cagaran telah dibayar oleh para pengguna dan berapakah kadar faedah atas wang cagaran yang akan diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang seksyen 38 yang mengandungi dua peruntukan baru yang diperkenalkan selaras dengan pindaan kepada Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953. Pindaan ini melibatkan pemotongan bekalan elektrik kepada premis-

premis yang terlibat dalam pengendalian mesin perjudian haram. Pindaan ini akan dapat membantu pihak penguat kuasa kerajaan yang terdiri daripada beberapa jabatan seperti pejabat daerah, pejabat pihak berkuasa tempatan, pihak polis dan lain-lain dalam usaha membanteras masalah pusat mesin perjudian haram. Dan kita semua sedia maklum dalam usaha semangat berpasukan dan kerjasama antara pihak-pihak berkuasa dan dengan koordinasi yang sempurna kita dapati bahawa setelah pihak Jemaah Kabinet memberikan arahan pada tahun lalu untuk ambil tindakan yang berkesan kepada gejala sosial yang negatif ini iaitu terpat-terpat pusat video yang haram telah dapat dikurangkan tetapi hingga masa sekarang ia telah menjadi satu masalah dan kita dapati bahawa ada pusat-pusat cyber café yang mana mereka ada di kalangan mereka yang menyalahgunakan lesen cyber café ini untuk mengadakan cara perjudian atau aktiviti seperti pusat video yang haram.

Saya harap dengan usaha jabatan-jabatan pihak kerajaan yang saya sebutkan tadi dan dengan kerjasama dari kementerian ini saya harap mereka akan meneruskan semua tindakan-tindakan supaya kita dapat menghapuskan gejala sosial yang negatif ini. Kita semua sedia maklum bahawa banyak premis cyber café ini mereka cuma memperolehi lesen premis daripada pihak berkuasa tempatan kerana pada dasarnya premis cyber café ini sebenarnya cuma menjalankan aktiviti ajaran IT. Tetapi oleh kerana

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada apa kaitan?

Tuan Chang See Ten: Ada terlibat sedikit. Saya ingin jabatan ini turut bersama tolong pihak berkuasa tempatan.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Muhamad bin Abdullah]: Jangan panjang..

Tuan Chang See Ten: Supaya kita dapat tindakan yang berkesan dan pihak pejabat daerah, pihak polis sudah dapat aduan daripada wakil rakyat kita. Saya pernah bawa dalam mesyuarat bulanan tindakan daerah iaitu...

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat minta potong sahajalah api dan elektrik

Tuan Chang See Ten: Saya minta mereka supaya ambil tindakan ini.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Tuan Chang See Ten: Pada bulan April yang lalu saya dengan wakil rakyat yang lain di Johor Bahru telah bawa dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan yang mana memang ketua-ketua jabatan daripada jabatan-jabatan kerajaan dalam daerah Johor Bahru yang mesyuarat dipengerusikan oleh Datuk Pegawai Daerah kita dapati seperti kedai-kedai yang berhampiran dengan Sekolah Menengah Fung Yew di Jalan Stulang Laut yang mana telah terdapat 75 penuntut/pelajar diambil tindakan disiplin oleh pihak sekolah kerana mengunjungi tempat cyber café yang salah gunakan lesen itu untuk jadikan seperti pusat video haram. Ini adalah satu perkara yang sangat serius dan kita harap dengan kerjasama rapat daripada jabatan-jabatan penguat kuasa yang berkenaan, kita harap pusat-pusat ini patut dijauhkan daripada sekolah-sekolah menengah supaya pelajar-pelajar sekolah menengah tidak akan dapat peluang semasa hendak pergi sekolah datang lebih awal pergi kunjungi tempat ini dan mendatangkan satu kesan negatif kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 38 (1A) telah membolehkan pegawai polis yang berpangkat tidak kurang dari Penolong Penguasa Polis untuk memohon kepada pemegang lesen TNB untuk memotong bekalan elektrik kepada premis-premis yang terlibat dalam pengendalian mesin judi haram untuk satu tempoh tidak melebihi satu bulan di bawah seksyen 21A kepada Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953. Kuasa ini jika boleh patut diberikan kepada Yang di-Pertua pihak berkuasa tempatan dan pegawai daerah supaya dapat mewujudkan keberkesanan dalam penguatkuasaan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang seksyen 38(2A) yang mana melarang penyambungan semula bekalan elektrik kecuali kebenaran bertulis diperolehi oleh pegawai polis yang berpangkat tidak kurang dari Penolong Penguasa Polis, saya cadangkan kuasa ini pun diberikan kepada Yang di-Pertua pihak berkuasa tempatan dan pegawai daerah supaya dapat mengelakkan kemungkinan salah guna kuasa oleh

sesuatu pegawai jika cuma diberikan kepada satu jabatan sahaja dan kuasa ini patut diberikan had masa.

Tentang seksyen 42 iaitu tiada pendakwaan boleh dijalankan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta 447, keizinan bertulis perlu diperolehi daripada Pendakwa Raya supaya dapat mengelakkan dari berlaku salah guna kuasa oleh pegawai-pegawai Suruhanjaya. Ini adalah satu perkara yang baik iaitu supaya kita dapat mengelakkan penyalahgunaan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta ini kemungkinan dapat mendatangkan urusan penguatkuasaan kawal selia ke atas sektor tenaga yang sempurna dan memastikan keadilan kepada semua pihak terutama para pengguna. Ia juga merupakan pelengkap kepada usaha-usaha kerajaan untuk menangani masalah sosial, khususnya aktiviti perjudian mesin haram dan saya amat menyokong pindaan ini.

Dengan kata-kata demikian, saya sekali lagi ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Seputeh, Seputeh.

11.36 pagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tambahan Bahagian VA dengan tajuk "Penggunaan Elektrik Yang Cermat" yang mana membolehkan menteri membuat peraturan-peraturan untuk menentukan perkara-perkara berkenaan dengan penggunaan elektrik dengan cekap.

Fasal 23A, 23B dan 23C yang menetapkan pemasangan memenuhi kehendak penggunaan elektrik yang cekap perlu mematuhi TC207 di bawah ISO14000. Ini pun akan mempengaruhi reka bentuk produk dan penandaan iaitu satu faktor yang utama dalam perdagangan moden. Penambahan fasa tersebut akan menghasilkan dimensi baru, peraturan, standard dan teknikal pun akan menghasilkan impak yang besar terhadap perdagangan antarabangsa, terutamanya dengan pelaksanaan AFTA dan GATT di bawah WTO.

Soal peraturan, standard dan teknikal kebangsaan dan peluang perdagangan yang sama merupakan perkara yang menarik perhatian pedagang antarabangsa. Walaupun pengeluar Malaysia di sektor elektrikal dan elektronik masih menghasilkan barangan mereka mengikut peraturan, standard dan teknikal yang ditetapkan oleh Pengarah Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas ataupun Pengerusi Suruhanjaya Tenaga, kita masih mendapat produk elektrikal yang selalunya di bawah standard dan tidak selamat di kedai dan supermarket.

Soalannya sekarang ialah di manakah penguatkuasaan kita? Produk elektrik dan elektronik menempati hampir 80% daripada perdagangan di antara negara-negara ASEAN. Memandangkan AFTA akan dilaksanakan tidak lama lagi, bilakah kerajaan akan menyisihkan produk elektrikal dan elektronik yang substandard dan tidak selamat daripada pasaran kita?

Saya juga ingin tahu, macam manakah produk yang substandard ini dapat diimport masuk ke Malaysia? Memandangkan standard dan peraturan teknikal menjadi begitu penting dalam perdagangan moden, macam manakah kerajaan boleh mengabaikan untuk mengetatkan penguatkuasaan undang-undang kita berkaitan dengan peraturan, standard dan teknikal? Bolehkah menteri memberitahu kita semua di Dewan yang mulia ini, apakah yang telah dilakukan untuk menguatkuasakan peraturan, standard dan teknikal kita sendiri?

Selain itu, macam manakah kerajaan mengkoordinasi banyak dan pelbagai agensi dan department dalam penguatkuasaan mereka yang tidak ada koordinasi dan selalunya tidak melaksanakan peraturan yang standard dan teknikal? Memandangkan standard dan teknikal adalah begitu penting dalam perdagangan, kenapakah kerajaan begitu lambat untuk menggubal lebih banyak peraturan, standard dan teknikal yang meningkatkan keselamatan pengguna yang mana akan menambahkan peluang kita untuk mengeksport produk Malaysia ke pasaran yang terpilih.

Untuk mencapai tujuan ini, kita memerlukan standard, misalnya, dalam pembungkusan, meningkatkan selamat untuk kenderaan dan komponen jalan dan lain-

lain. Bukankah kerajaan harus menubuhkan satu badan koordinasi pada tahap kebangsaan?

Mengenai *power pool*, saya teringat Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos pernah berkata dalam tahun 1998 dan 1999 bahawa industri pembekalan elektrik akan diadakan penstrukturan semula dengan menubuhkan *power pool* dan pasaran percubaan (*trial market*) dalam tahun 2000. Saya ingin tanya, apa telah berlaku dengan rancangan tersebut dan penstrukturan semula industri pembekalan elektrik? Adakah pasaran tenaga (*energy market*) akan ditubuhkan? Adakah tarif elektrik akan naik selepas itu? Adakah persaingan yang benar dan *transparency* akan terjadi demi mencapai keberkesanan sebenar untuk menetapkan kadar tarif yang mampu dibayar oleh orang awam?

Saya juga berharap kerajaan akan memberitahu Dewan yang mulia ini, sejak LLN diswastakan menjadi TNB, penstrukturan semula TNB kepada banyak cawangan telah pun dilakukan, adakah TNB mencapai apa-apa kemajuan dari segi keberkesanan yang boleh diketahui oleh para pengguna, saya juga ingin bertanya, berapakah cawangan yang telah ditubuhkan oleh TNB dan apakah tugas mereka?

Negara kita pernah mengalami krisis tenaga di mana dua *blackout* pernah berlaku pada tahap kebangsaan dalam tahun 1992 dan 1993 dan kesemua *blackout* ini berlaku selepas LLN diswastakan menjadi TNB. Walau bagaimanapun, sepuluh tahun selepas TNB menjadi satu syarikat swasta, saya mendapati bahawa stesen penjana kuasa TNB Fasa 3 di Jalan Kapar yang mana boleh menghasilkan 1,000 megawatt telah pun dilewatkan selama dua tahun dan ia hanya beroperasi dalam beberapa bulan yang lepas.

Bolehkah kerajaan memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah sebab utama kelewatan yang berlaku pada satu-satu pelan kuasa yang ditubuhkan oleh TNB ini. Oleh kerana stesen kuasa ini merupakan jentera yang terbesar dalam rangkaian TNB iaitu ia mempunyai dua penjana kuasa yang setiap satunya menghasilkan tenaga sebanyak 500 megawatt, apakah yang akan berlaku sekiranya masalah berlaku semasa operasi biasa. Adakah TNB masih akan mempunyai rizab tenaga sebanyak 30% seperti yang dikatakan oleh menteri? Apakah *blackout* akan bertaku semula?

Selain itu, saya difahamkan bahawa stesen penjanaan kuasa Kapar menggunakan arang batu sebagai bahan untuk menjana kuasa dan arang batu akan menghasilkan hujan asid sekiranya sulfur yang terkandung dalamnya tidak dikeluarkan dan ini akan merosakkan alam sekitar dan membahayakan kesihatan penduduk di kawasan persekitaran. Saya difahamkan bahawa pelan kuasa di Kapar, tidak mempunyai kelengkapan untuk mengeluarkan sulfur. Apakah ini benar? Apakah langkah yang akan diambil oleh TNB ataupun kerajaan untuk menangani masalah ini?

Mengenai keberkesanan IPP. Memandangkan Rancangan Malaysia Kelapan telah menekankan keberkesanan tenaga, bolehkah Dewan yang mulia ini diberitahu tentang keberkesanan tenaga di semua stesen penjana kuasa TNB sejak TNB diswastakan?

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mempunyai lima pengeluar kuasa persendirian (IPP) iaitu YTL, Segari, Power Tech, PD Power dan Genting Sanyen. Kesemua IPP menjual tenaga yang dihasilkan oleh mereka kepada TNB dengan harga 13 hingga 15.5 sen per KWH. Walau bagaimanapun, dalam projek Empangan Bakun yang lepas, Ekran yang sepatutnya yang mengendalikan projek ini dilaporkan menjual elektrik kepada TNB dengan harga 18 sen per KWH.

Saya ingin tanya, kenapakah TNB tidak mempunyai harga yang tepat dalam perjanjian jual belinya dengan IPP? Apakah asas kerajaan untuk memberi kontrak pembinaan Bakun kepada syarikat kepunyaan Ting Pek King lagi? Apakah kelayakan beliau dalam bidang pembinaan penjanaan kuasa elektrik.

Kita faham bahawa empat cara untuk menghasilkan tenaga elektrik iaitu *diesel fuel* yang digunakan di Sabah dan Sarawak, *bunker fuel* yang lebih rendah grednya yang digunakan di Stesen Tenaga Prai, gas dan batu arang. Dari segi penjanaan kuasa dengan menggunakan gas, ia sangat bergantung kepada loji gas di Terengganu. Kecekapan tenaga elektrik bergantung kepada kecekapan loji gas di Terengganu dan juga *pipeline* di Terengganu.

Loji pengeluaran gas di Terengganu memerlukan *maintenance* dan *upgrading* yang tetap. Persoalan saya kepada kerajaan ialah memandangkan tiada *redundancy* dari segi *pipeline*, berapakah kecekapan *pipeline* gas tersebut? Apakah pengeluaran gas sejajar dengan keperluan elektrik?

Saya mendapati bahawa TNB telah menjalankan ujian untuk menggunakan minyak kelapa sawit untuk menghasilkan elektrik di Stesen Kuasa Prai. Walaupun eksperimen ini adalah percubaan yang bagus tetapi minyak kelapa sawit sepatutnya digunakan untuk menggantikan *premium fuel* seperti disel. Bukankah terlalu mahal bagi TNB untuk menggunakan *medium density fuel* dengan minyak kelapa sawit?

Mengikut pendapat sesetengah pakar dalam bidang kejuruteraan elektrik, minyak kelapa sawit haruslah digunakan dalam *internal combustion engine* seperti bas, lokomotif, kapal dan penjaan kuasa di Sabah dan Sarawak. Memandangkan harga minyak kelapa sawit adalah lebih mahal berbanding dengan disel, jadi adalah tidak wajar bagi TNB untuk menggunakan fuel yang begitu mahal untuk menggantikan disel.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menerima pengajaran daripada krisis tenaga yang pernah berlaku dalam tahun-tahun yang lepas, semasa rizab margin elektrik kita berada pada tahap 50% di mana masalahnya berasal daripada pemilihan IPP dan juga *mismanagement*. Kita perlu dasar tenaga kebangsaan untuk menangani masalah pengeluaran tenaga, kita juga memerlukan kajian yang teliti tentang data pengeluaran dan pengeluaran yang digunakan oleh sektor domestik dan perindustrian, menggalakkan penjimatan dan pengeluaran lebih tenaga yang boleh diperbaharui.

Kerajaan tidak seharusnya menganggap pemberian kontrak urusan tenaga kepada IPP seperti projek Empangan Bakun sebagai hadiah kepada kroni tetapi kerajaan sepatutnya mengambil kira tentang keperluan dan permintaan pasaran terhadap tenaga sebelum memberi kontrak kepada mereka. Kelebihan kuasa yang dijanakan seperti apa yang berlaku dalam projek Bakun, akhirnya akan menyebabkan kenaikan tarif elektrik dan merugikan pengguna. Perkara seperti ini haruslah dielakkan, khususnya dalam tempoh kemelesetan ekonomi yang dialami oleh kita semua sekarang.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bentong.

11.47 pagi.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan rang undang-undang untuk meminda Akta Bekalan Elektrik 1990.

Saya menyokong penuh usaha kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan kawal selia bekalan elektrik dan gas negara. Kita meminda kuasa daripada Jabatan Elektrik kepada gas dan gas kepada Suruhanjaya Tenaga yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2000 adalah satu langkah yang bijak kerana memandangkan peningkatan permintaan tenaga elektrik tenaga mempunyai *coordination* yang begitu kuat dengan peningkatan ekonomi negara pada kadar kurang 1.6 hingga 1.7 kali ganda.

Sekiranya kita menganggarkan pertumbuhan GDP negara kita pada kadar 5.5% pada tahun 2001 dan 6% pada tahun 2002, maka peningkatan permintaan tenaga elektrik adalah pada kadar 9 hingga 10%. Oleh itu, keberkesanan dalam mengawal selia bekalan elektrik ini adalah perlu diberi perhatian yang berat.

Saya memuji pentadbiran Tenaga Nasional Berhad yang berkesan di mana dari segi kutipan bil dan juga dari segi memberi rebat kepada pengguna-pengguna, terutama sekali dari segi, contohnya seksyen baru 28A yang memastikan bahawa seseorang pemegang lesen hendaklah membayar kepada seseorang tertakluk kepada syarat dan pada kadar sebagaimana yang ditetapkan sejumlah wang yang bersamaan dengan bunga tahunan atas cagaran yang diberikan di bawah seksyen 28A. Ini adalah satu peruntukan yang baik untuk kebaikan semua pihak pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memberi sokongan penuh kepada seksyen baru 26A di mana seseorang pemegang lesen boleh mengenakan surcaj kepada pengguna-penggunanya. Tetapi apa yang kita merasa tidak faham adalah kerana

semenjak tahun 2000 ini, TNB telah pun mengenakan surcaj yang tinggi terhadap pengguna-pengguna yang tidak membayar elektrik pada masa yang ditetapkan.

Contohnya dahulu apabila kita mohon memasang balik bekalan elektrik, pihak pengguna hanya diberi denda sebanyak RM3.00 hingga RM10.00. Tetapi baru-baru ini kita mendengar banyak aduan daripada pihak pengguna kerana pemegang lesen telah mengenakan surcaj yang begitu tinggi iaitu RM80.00 kepada pengguna yang tidak membayar bil elektrik pada masa yang ditetapkan. Oleh itu saya ingin mengetahui siapa yang memberikan kuasa kepada TNB untuk menetapkan kadar itu iaitu RM80.00 dan adakah sah untuk pihak TNB mengumpul surcaj ini.

Saya juga ingin bagi pihak pengguna-pengguna dan juga penduduk-penduduk di kawasan saya yang telah menyuarakan aduan bahawa memang pihak TNB tidak memberikan notis yang secukupnya apabila diberikan notis pemotongan bekalan. Kita mendapati bahawa pemotongan bekalan notisnya langsung tidak diberi. Mereka hanya membawa surat pemotongan bekalan elektrik apabila sampai masa 14 hari. Oleh itu, kita merayu kepada pihak berkuasa sekiranya mereka ingin memotong bekalan elektrik adalah diperlukan untuk memberi notis kerana ini akan memastikan perancangan dan perniagaan dapat dijalankan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Seksyen 38A akta ini di mana seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa bagi memotong bekalan elektrik ke mana-mana premis bagi satu tempoh tidak melebihi satu bulan kalendar, di bawah Seksyen 21A Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953. Ini satu dasar yang baik untuk mem basmi perjudian di peringkat tempatan. Saya juga menyokong seruan daripada Yang Berhormat bagi Gelang Patah tadi bahawa bidang kuasa ini juga perlu diberi kepada Yang di Pertua dan juga Pegawai Daerah bagi menjalankan kerja ini dengan lebih berkesan kerana kita melihat lesen-lesen yang dikeluarkan untuk premis-premis ini adalah dikeluarkan oleh pihak tempatan dan selalunya disalahgunakan oleh pihak peniaga-peniaga.

Yang penting sekarang adalah dari segi penguatkuasaan. Kita mempunyai undang-undang yang baik untuk memastikan aktiviti-aktiviti perjudian tidak boleh dijalankan dengan sewenang-wenangnya, tetapi dari segi penguat kuasa kita rasa adalah menjadi masalah apabila kita menjalankan tugas. Saya juga mendapat aduan di mana ada kedai-kedai *cyber café* ataupun slot machine video games yang menyewa kedai untuk menjalankan aktiviti ini dan tidak membayar bil elektrik lebih kurang enam bulan. Mereka tidak membayar bil elektrik tetapi masih lagi boleh berniaga, dan selepas itu syarikat ini berpindah tempat dan tuan punya kedai kena membayar bil elektrik yang tertunggak ini. Oleh itu saya rasa dari segi salah guna kuasa dan juga pihak TNB perlu memastikan bahawa penyalahgunaan kuasa ini tidak berlaku apabila kita menjalankan tugas lebih-lebih lagi sekarang ini kuasa diberikan kepada pihak penguasa tempatan iaitu pihak polis. Saya berharap seksyen ini tidak digunakan dengan sewenang-wenangnya untuk mendenda tuan punya kedai tetapi juga kita perlu memastikan penyewa-penyewa kedai juga dipertanggungjawabkan. Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong, sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bismillah, alhamdulillah, wassolatu wassalam mualarasulillah.

Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang sama untuk membahaskan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) ini dan saya merujuk kepada Fasal 2 pindaan ini iaitu akta ibu dalam akta ini dipinda dengan menggantikan tajuk panjang dengan tajuk panjang yang berikut: "Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengawal seliaan industri pembekalan elektrik pada harga yang munasabah" dan sebahagian besar daripada perbahasan saya tertumpu kepada pembekalan elektrik pada harga yang munasabah.

Adalah penting untuk para pengguna dan rakyat Malaysia mendapatkan harga elektrik pada harga yang lebih murah. Saya berpendapat bahawa kadar elektrik yang sedia ada sekarang boleh diturunkan lagi jika sekiranya Suruhanjaya Tenaga dan pemain-pemain dalam industri tenaga terutama sekali Tenaga Nasional Berhad dapat mengambil kira beberapa langkah ataupun faktor seperti berikut.

Pada Jun tahun ini satu perjanjian pembelian tenaga ataupun *power purchasing agreement* telah dicapai di antara TNB dan Malakoff. Dan kita telah menyaksikan perjanjian baru PPA ini, ataupun pembelian tenaga ini telah menyaksikan kadar termurah bagi tenaga elektrik dari IPP ataupun yang dibekalkan oleh IPP kepada Tenaga Nasional Berhad. Berbanding dengan kadar sebelumnya kadar baru ini ialah 12.14 sen bagi tiap-tiap kilowatt berbanding dengan 14 hingga 15 sen seunit..

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa Tenaga Nasional Berhad memberikan ataupun membeli sebahagian daripada tenaga lebih kurang 40% bagi penggunaan tenaga di Semenanjung Malaysia daripada IPP. IPP secara automatik adalah satu industri yang paling menguntungkan kerana mereka telah terjamin segala pengeluaran elektrik mereka akan dibeli oleh Tenaga Nasional Berhad melalui satu perjanjian pembelian tenaga. Dan perjanjian pembelian tenaga ini biasanya mengandungi dua perkara ataupun dua caj. Satu ialah kapasiti caj dan yang kedua ialah supply charges. Berasaskan dua charges ini IPP sudah boleh tidur lena kerana mereka akan mendapat keuntungan daripada tiap-tiap pembelian yang dibuat oleh Tenaga Nasional Berhad yang dimestikan melalui perjanjian pembelian tenaga, sedangkan Tenaga Nasional Berhad pada aspek yang lain kos mereka dan perniagaan mereka tidak seteguh ataupun kurang risiko berbanding daripada IPP dalam beberapa aspek.

Tenaga Nasional Berhad memerlukan *transmission* yang memerlukan kos yang besar untuk mengalihkan tenaga daripada jana kuasa yang dibekalkan oleh IPP kepada para pengguna dan *transmission costs* ini ditanggung oleh Tenaga Nasional Berhad sedangkan IPP tidak perlu menanggung *transmission costs*. IPP hanya membuat loji dan mengadakan satu perjanjian, dengan sendirinya tenaga yang mereka bekalkan akan dibayar oleh Tenaga Nasional Berhad tanpa sebarang soalan. Tetapi Tenaga Nasional Berhad selain daripada menanggung kos *transmission* perlu menyalurkan tenaga ini kepada pengguna yang biasa sama ada kilang, orang ramai dan pengguna-pengguna lain yang kadang-kadang tidak membayar seperti yang sepatutnya kepada Tenaga Nasional Berhad. Oleh kerana itu risiko Tenaga Nasional Berhad adalah lebih besar tetapi IPP adalah duduk di *layer* yang paling atas tidur lena dan mengaut keuntungan yang mudah asal sahaja mereka mendapat lesen operasi IPP.

Dari segi *modus operandi* lesen IPP dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, oleh Economic Planning Unit, bukan oleh Tenaga, bukan oleh Suruhanjaya Tenaga. Ini yang saya hendak persoalkan. Saya rasa kelulusan lesen IPP mestilah melalui Suruhanjaya Tenaga, bukan diletakkan di bawah Economic Planning Unit di bawah Perdana Menteri. Dalam keadaan kita sekarang ini Economic Planning Unit boleh mengeluarkan lesen IPP kepada mana-mana pemain. Lima pemain besar telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Seputeh. Apabila mereka mendapat lesen IPP ini mereka terus membina loji janakuasa mereka. Sekarang saya dengar ada 5-6 loji janakuasa yang telah pun mendapat lesen dan telah pun dibina oleh pemain-pemain Tenaga tetapi mereka belum lagi mempunyai PPA ataupun Purchase Power Agreement dengan Tenaga Nasional Berhad. IPP sudah dibina, loji sudah dibina, lesen telah diperolehi, menyebabkan satu tekanan terhadap Tenaga Nasional Berhad. Hendak tidak hendak Tenaga Nasional Berhad mesti menandatangani PPA dengan IPP ini, dengan loji-loji baru ini kerana loji-loji ini telah mendapat kelulusan daripada Economic Planning Unit di bawah Jabatan Perdana Menteri. Coordination ini tidak wujud dan menyebabkan *bargaining power* di sebelah Tenaga Nasional Berhad adalah lemah.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Pohon penjelasan.

[Timbalan Yang di-Pertua Datuk Lim Si Cheng mempengerusi mesyuarat]

Tuan Husam bin Haji Musa: Selamat datang.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, berkaitan dengan IPP dan urusannya oleh EPU dan sebagainya, saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Kubang Kerian sama ada pemilihan syarikat-syarikat yang berjaya mendapat lesen menjadi pembekal kuasa jana elektrik ini adakah EPU mengadakan proses yang adil, proses yang melibatkan tender yang terbuka dan pengurusan kalau ada tender dan pemilihan seperti ini, dan pemilihan pembekal ataupun IPP yang berjaya ini adakah dilakukan dengan terbuka, dengan adil, dengan

mengambil kira kepentingan negara, kepentingan pengguna-pengguna elektrik akhirnya, oleh pihak kerajaan?

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya tidak boleh sebut sama ada berlaku adil ataupun tidak tetapi jika kita lihat pemain ini, pemain yang sama. Misal kata Ananda Krishnan - ada setengah orang panggil ayahanda walaupun nama sebenarnya Ananda - mendapat lesen di bawah Power Tech dan YTL - semua orang tahu apa dia YTL - dan juga sekarang ini yang paling akhir yang mendapat beberapa lesen IPP yang terbaru dan *new player* yang begitu agresif ialah Tuan Syed Mokhtar. Dan saya akan ceritakan keadaan ini selepas daripada ini. Bermakna ialah pemain terpilih tertentu mendapat peluang bagi perniagaan yang begitu terjamin. Walaupun investment adalah besar tetapi begitu terjamin. Tenaga Nasional Berhad mesti membayar tarif ataupun bekalan elektrik seperti yang telah ditentukan oleh PPA yang telah ditandatangani, hendak tidak hendak orang tidak membayar kepada tenaga pun, tenaga mesti membayar kepada IPP yang telah mendapat lesen. Yang saya hendak tekankan di sini ialah mengapakah lesen IPP ini dikeluarkan terlebih dahulu sebelum PPA ini ditandatangani, tanpa mengambil kira keperluan sebenar Tenaga Nasional Berhad?

Saya akan tunjukkan contoh selepas daripada ini bahawa menjelang 2005 kita dijangka mempunyai lebih tenaga. Loji Tenaga Nasional Berhad yang baru sahaja akan mengeluarkan lebih kurang 3,700 megawatt - menjelang 2005 - dan 3,500 oleh IPP swasta, sedangkan permintaan kepada tenaga akan dijangka berkurangan daripada 11% ataupun 12% sebelum ini kepada 8%. Lebih tenaga akan berlaku, tetapi oleh kerana IPP ini sedang mendapat lesen loji mereka, hendak tidak hendak, dari segi politik Tenaga Nasional Berhad tertekan untuk menandatangani PPA. Tetapi saya hendak berikan pujian sedikit kepada Pengerusi Tenaga Nasional Berhad - dia tidak datang, Yang Berhormat Rompin, kalau ada sesiapa kawan dia boleh menyampaikan pujian ini - iaitu oleh kerana Tenaga Nasional Berhad ini ada sedikit kekuatan politik kebelakangan ini, mereka telah melengahkan pembelian ataupun penandatanganan PPA ini. Yang terakhir mereka tandatangan ialah dalam awal bulan Jun yang lalu dengan Malakoff di mana Malakoff telah sanggup menurunkan harga elektrik yang dibekalkan dahulunya 14 sen hingga 15 sen bahkan lebih daripada 15 sen bagi *first generation* of IPPs - dengan izin - kepada 12 sen. Maknanya lebih kurang 3 sen dapat dikurangkan. Ini bererti bahawa Tenaga Nasional Berhad sama ada akan mendapat keuntungan yang lebih ataupun dia boleh mengurangkan tarif kepada para pengguna.

Jadi saya berharap PPA yang baharu ditandatangani di antara TNB dengan Malakoff digunakan sebagai benchmark untuk mengkaji semua harga bekalan elektrik yang ditandatangani, yang dibekalkan oleh IPP sebelum ini, bagi *first generation* yang 14 sen, 15 sen dikaji supaya dikurangkan sama seperti yang ditandatangani oleh Malakoff baru-baru ini iaitu 12.14 sen.

Hujah saya ialah bermakna..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Arau bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sekejap saya habiskan dahulu. Bermakna bahawa memang boleh turun. Harga elektrik memang boleh turun, kalau tidak macam mana Malakoff sanggup tandatangan perjanjian dengan harga 12 sen, dahulu 15 sen, sekarang 12 sen kerana terdesak tidak ada PPA. Bermakna dahulu Tenaga Nasional Berhad sama ada terburu-buru ataupun duduk dalam *position* yang lemah untuk mengadakan satu tawar menawar harga yang lebih berpatutan. Jika sekiranya balik semua harga yang dibekalkan oleh IPP kepada 12 sen, tarif elektrik boleh diturunkan kepada para pengguna. Dalam satu aspek ini sahaja ini pun Tenaga Nasional Berhad mempunyai keupayaan menurunkan tarif bagi meringankan beban para pengguna.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian kerana memberi peluang kepada saya. Saya amat menghargai pandangan Yang Berhormat. Pandangan itu pandangan yang *fair* kerana Yang Berhormat tadi menyebutkan tarif yang diberikan kepada IPP termasuk YTL begitu tinggi. Sebenarnya perkara ini juga kita bincangkan. Saya masih ingat semasa di Dewan Negara, memang beberapa kali kita bangkitkan persoalan ini dan terima kasih di atas pengiktirafan Yang Berhormat bahawa ada usaha-usaha kita untuk melihat kepada masalah ini. Ini juga masalah yang timbul-

kan rasa tidak puas hati di kalangan kakitangan dan juga pengurusan pegawai-pegawai kita dalam Tenaga Nasional itu sendiri pada satu ketika dahulu.

Cuma Yang Berhormat, saya ingin tanya Yang Berhormat, mengikut sejarahnya perkara ini berlaku, bila agaknya berlaku dari segi harga yang kita lihat bahawa harganya agak tidak seimbang atau lebih menguntungkan kepada pihak IPP yang membekalkan tenaga kepada Tenaga Nasional, bila perkara ini berlaku dan pengurusan lama, adakah mereka ini dilihat sebagai bertanggungjawab atau ada pihak lain yang bertanggungjawab dalam soal ini. Terima kasih.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya pelik sedikit Tuan Yang di-Pertua. Wakil Arau dari Barisan Nasional, benda ini berlaku di bawah rancangan Barisan Nasional [Tepuk] Kita belum tukar kerajaan lagi. Jadi saya tidak faham soalan dia. Adakah maknanya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak faham, tidak payah jawablah, teruskan ucapan.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mudah sedikit saya. Tenaga Nasional Berhad, saya telah katakan ada tiga komponen. Satu ialah penjanaan kuasa, 60% di Semenanjung dijanakan sendiri. 40% dibeli daripada IPP yang *secured profit* kepada IPP ini, dia boleh buat untung begitu mudah dan *player* itu terpilih. Kemudian *transmission cost*. Belanja transmisi adalah besar. Satu lagi daripada cara kita mengurangkan kos kepada pengguna ialah kita mesti *close* dalam *contract transmission* pasal kos *transmission* adalah begitu besar dan sekarang *transmission* baru dilaksanakan oleh MRCB dan saya yakin kontrak telah diberikan tidak melalui satu pertandingan terbuka dan kos akan jadi tinggi.

Jadi kalau Suruhanjaya Tenaga ini serius hendak melaksanakan harga yang munasabah bagi para pengguna, Suruhanjaya ini mestilah memastikan sebarang kontrak lojinya, *transmission*nya mestilah terbuka. Jika sekiranya *transmission* projek ini dapat dijalankan secara terbuka, saya yakin lebih banyak kos dapat dikurangkan. Sebagai satu contoh, Malakoff dalam lojinya di GB3 di Perak yang masih dalam pembinaan. Bila Malakoff tidak ada PPA, tidak ada perjanjian pembelian tenaga dengan TNB, mereka telah berusaha menjimatkan kos loji daripada RM1.5 bilion telah dapat diijamatkan kepada RM1.4 bilion; RM100 juta dapat diijamatkan atas perbelanjaan loji sahaja, dalam satu pembinaan loji baru sahaja, ini tidak termasuk perbelanjaan *transmission*. Jadi saya hendak tekankan sekali lagi jika sekiranya kerajaan Barisan Nasional benar-benar prihatin dan tidak mudah lupa. Ini satu aspek yang perlu dilihat supaya semua urus niaga dan anugerah kontrak yang melibatkan tenaga mestilah melalui satu projek, satu tender terbuka bagi tujuan mengurangkan kos.

Kemudian Seksyen 3 ialah tenaga mengagihkan *electricity* daripada pencawang utama kepada rumah-rumah, kilang-kilang dan para pengguna dan ada setengah bayar, ada setengah tidak bayar. Sebab itu kita hendak kenakan surcaj. Ada sesetengah stesen TV pun saya dengar tidak bayar elektrik, itu cerita lain [Ketawa] tetapi yang saya hendak cerita ialah bahawa loji adalah *section* ataupun bahagian yang paling menguntungkan dalam industri tenaga. Yang paling pening kepala, masa hendak hantar ke rumah-rumah, ke kilang-kilang tetapi mengapakah dalam senario ini, kita telah memberikan peluang kepada swasta di peringkat IPP, di peringkat penjanaan elektrik dan awal tahun ini, kita masih ingat kenyataan kerajaan sendiri bahawa semua loji-loji Tenaga Nasional Berhad sendiri akan diswastakan bukan sahaja lesen IPP baru diberi kepada pihak swasta tetapi juga loji Tenaga Nasional Berhad yang menghasilkan keuntungan kepada Tenaga itu sendiri hendak diswastakan. Mujur juga pihak-pihak tertentu sudah letak jawatan dan dasar baru telah diambil dan saya ucap tahniah kepada Pengerusi Tenaga Nasional Berhad. Kalau patut tahniah, kena tahniah juga Timbalan Yang di-Pertua kerana sedikit sebanyak, saya tidak tahulah apa dia punya kira-kira akan datang tetapi sedikit sebanyak beliau telah berjaya mempertahankan Tenaga Nasional Berhad daripada melupakan kepentingan dalam loji-loji Tenaga Nasional Berhad kerana ini adalah....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Oh ya, tidak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kepada Tenaga Nasional Berhad. Jadi kalau dia jual loji, tidak ada *section* yang menguntungkan, dia ambil *section* yang pening kepala sahaja tetapi oleh kerana perubahan dasar ini berlaku, alhamdulillah Tenaga masih dapat mengekalkan. Cuma yang saya hendak kepastian di sini, Tenaga Nasional Berhad pada masa yang sama, dia ada *shares*, dia ada kepentingan dalam IPP, dalam loji-loji swasta; ada setengah sampai 30% dan EPF pun ada, Tabung Haji saya tidak tahu tetapi EPF ada.

Saya hendak tahu daripada kementerian, berapakah dividen yang telah diperolehi Tenaga dalam *investment* mereka dalam IPP iri, macam Genting Sanyen Yeng. Saya difahamkan Genting Sanyen dalam pengumuman kewangan ini untung tetapi saya difahamkan Genting Sanyen tidak bayar dividen kepada Tenaga kerana Tenaga Nasional Berhad telah diikat untuk masuk sebagai satu *cosmetic exercise* ke dalam IPP tetapi mereka tidak ada kuasa kawalan ke atas pengurusan. Mereka ada saham tetapi tidak ada kuasa kawalan. Dalam dunia korporat, macam-macam manipulasi boleh dilakukan untuk mengelakkan pembahagian dividen. Jadi Tenaga Nasional Berhad memasuki IPP dengan modal mereka, ekuiti mereka tetapi mereka tidak mendapat hasil. Jadi lebih baik tidak masuk daripada masuk tetapi tidak dapat hasil. Jadi ini satu aspek yang mesti dikaji oleh Suruhanjaya Tenaga ini sama ada Tenaga Nasional Berhad mesti kekal seperti keadaan sekarang ataupun Tenaga mengambil langkah menjual kepentingan mereka dalam IPP dan menggunakan kepentingan ini untuk tujuan-tujuan pembayaran hutan dan lain-lain umpamanya.

Jadi ini pun satu aspek yang sangat penting. Saya hendak ulang sekali lagi, saya berharap kementerian ini dapat memberikan gambaran kepada saya, berapakah dividen yang telah dikutip oleh Tenaga Nasional Berhad dalam semua IPP yang Tenaga Nasional ada saham dan kepentingan mereka terutama sekali bagi Genting Sanyen seperti yang telah saya sebutkan. Itu belum masuk pelaburan Tenaga yang saya hendak beri satu contoh *contradict*. Pada masa kerajaan awal tahun ini berhasrat semua loji Tenaga Nasional Berhad dijual kepada pemain swasta. Tenaga Nasional Berhad pula diminta melabur di Pakistan, satu loji janakuasa yang bernilai RM1 bilion dan terbengkalai selama tiga tahun, masih tidak dapat mengeluarkan tenaga dan dibeli oleh Pakistan. Jadi rugi, itu satu contoh bagaimana Tenaga Nasional Berhad tidak dibenarkan pada awalnya beroperasi dalam penjana kuasa di Malaysia tetapi mereka diminta pula untuk melabur dalam janakuasa di luar negara sehingga mereka mengalami kerugian dan ini saya rasa merugikan pengguna negara kita.

Yang kedua satu aspek yang boleh mengurangkan kos elektrik ialah menstrukturkan semula hutang tenaga. Kita semua tahu Tenaga Nasional Berhad mempunyai hutang yang sangat besar iaitu RM27 bilion dan sebahagian daripada hutang ini ialah hutang daripada luar negara, daripada Amerika dan Jepun, Yen sahaja saya ingat dalam RM7.4 bilion. Sebelumnya kita mempunyai hutang yang besar dalam bentuk USD. Saya hairan bagaimana satu institusi perniagaan macam Tenaga yang kemasukannya ialah dalam bentuk Ringgit. Pengguna bayar harga elektrik kepada tenaga dalam bentuk Ringgit tetapi dia boleh berhutang dalam mata wang asing. Kalau Petronas, kita tidak pelik kerana Petronas jual minyak dalam Dollar, Yen, dalam mata wang asing. Kalau dia ada hutang luar negara dalam mata wang asing, Petronas boleh menggunakan mata wang asing daripada penjualan minyak dan gasnya untuk membayar hutang dalam mata wang asing. Tetapi bagi Tenaga Nasional Berhad adalah satu benda yang lemah urus, paling lemah, bagaimana satu institusi perniagaan yang mendapat pulangan dalam bentuk Ringgit meminjam dalam bentuk Dollar. Bila mata wang kita jatuh, kita mengalami masalah baru-baru ini. Alhamdulillah nasib baik, mata wang Yen pun jatuh juga. Oleh kerana mata wang Yen jatuh, kita mempunyai kelebihan dari segi pengembalian pembayaran hutang kita. Untuk tahun kewangan tahun 2000, Tenaga Nasional Berhad mempunyai *net profit* secara teknikal sebanyak RM540 juta kerana kejatuhan Yen dan oleh itu potongan pembayaran Yen kita mendapat lebih dalam kedudukan kita untuk membayar hutang dalam bentuk Yen.

Tetapi *point* saya ialah kedudukan hutang luar negara ini mesti dikaji semula. Sebarang kedudukan hutang yang begitu besar dalam mata wang asing, jika berlaku keadaan sebaliknya katakanlah *re-peg* Ringgit Malaysia yang ditambat ini dibuka tambatannya, ditambat semula katakan seperti ura-ura katakan RM4.50 ataupun sampai RM5.00. bermakna pembayaran hutang kepada Yen Jepun dan USD bagi

Tenaga akan mengalami kedudukan yang sangat teruk. Jadi saya berharap langkah yang segera mesti dilakukan oleh Tenaga Nasional Berhad untuk mengalih hutang luar negaranya kepada hutang dalam negara. Baru-baru ini dalam bulan April saya difahamkan Tenaga mengeluarkan satu bon baru, USD600 juta. Sekali lagi saya difahamkan pinjaman dalam bentuk Dollar dan ini akan mengekang kedudukan Tenaga jika sekiranya kedudukan pertukaran mata wang sekarang tidak menyebelahi negara kita berbanding dengan Dollar dan Yen dan ini akan menyebabkan Tenaga terpaksa menaikkan tarif. Hari ini dia selesa pasal Yen rendah tetapi kalau Yen itu berubah, saya yakin yang menjadi mangsa ialah pengguna. Bukan sahaja penyokong Barisan Nasional kena bayar lebih, penyokong Barisan Alternatif pun kena bayar lebih. Jadi kita tidak hendak kedua-dua penyokong Barisan Alternatif dan Barisan Nasional ini bayar lebih semata-mata kerana Tenaga Nasional Berhad tidak boleh *restructure* dia punya hutang kerana lemah urus Kerajaan Barisan Nasional untuk makluman Arau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Arau bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya? Boleh, boleh, sila, sila.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat sebut saya, saya tadi pun dengar apa yang Yang Berhormat sebut. Cuma saya hendak tanya adakah Barisan Alternatif ini? Didaftarkan di mana? Dalam perlembagaan mana ada? Setahu saya tidak ada Barisan Alternatif *[Ketawa]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rujuk masalah luar negara ini sekali lagi. Tenaga Nasional Berhad ada lantik financial advisor dari Australia dan bayaran fee berpuluh-puluh juta satu tahun. Bila Ketua Pembangkang pergi Australia, Ketua Pembangkang dituduh sebagai menjadi alat Australia, menjadi alat penjajah. Saya tidak tahu macam mana Tenaga boleh lantik satu konsultan daripada Australia, dibayar berpuluh-puluh juta dan saya hendak tahu daripada pengurusan Tenaga dan Suruhanjaya Tenaga sendiri, adakah tidak ada badan-badan penasihat ataupun konsultan kewangan di Malaysia yang boleh menguruskan hal yang sama umpamanya katakan CIMB, ASEAM Bankers dan lain-lain.

Jadi kalau pergi Australia pun sudah jadi alat, bayar pada Australia sedangkan syarikat tempatan ada, saya rasa *[Ketawa]* lebih 'haprak' lagilah Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, kalau salah penggunaan itu. Tetapi saya seronok dengan haprak, manis bunyinya *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada yang lain hendak berucap Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya. Bekalan gas. Kita, IPP kita dan loji kita sebahagian besar, lebih kurang 75% bergantung kepada penjana gas walaupun ada yang hendak buat arang batu, hendak buat minyak kelapa sawit dan macam-macam tetapi 75% pada asasnya ialah daripada penjanaan bekalan berasaskan gas. Harga gas sekarang ialah RM6.20 per MMBTU, betul atau tidak Tuan Yang di-Pertua? MMBTU RM6.20 sedangkan harga pasaran ialah RM15. Kita ucap terima kasih kepada Petronas kerana mengekalkan harga pada RM6.20 buat masa sekarang. Tetapi Gas Supply Agreement (GSA) ini akan tamat pada akhir tahun ini. Jadi jika sekiranya kerajaan tidak mengambil satu pendirian politik menyebelahi rakyat jelata kerana rakyat kita ini setengah mudah lupa. Jadi kerajaan kadang-kadang ambil kesempatan daripada mudah lupanya rakyat kita, jadi kita kena peringat awal-awal lagi. Kita tidak hendak tarif ini naik dalam keadaan kelembapan ekonomi yang ada sekarang. Kita tidak hendak Tenaga Nasional menaikkan harga bekalan elektrik untuk sekurang-kurangnya lima tahun akan datang. Kunci yang paling utama ialah sekurang-kurangnya sampai Barisan Alternatif mentadbir Malaysia, insya-Allah. Jadi, kuncinya ialah harga-harga gas. Kita hendak Petronas mengekalkan harga yang ada sekarang, RM6.20. Bagi sesetengah orang dia lihat, kasihan Petronas, harga pasaran RM15.00, harga gas RM6.20 yang dibekalkan. Sebenarnya, bukan kasihan Petronas telahpun mendapat keuntungan dengan kadar tersebut, cuma Petronas tidak boleh memaksimumkan keuntungannya, dia tidak rugi. Dengan harga tersebut, Petronas tidak rugi, cuma dia tidak boleh memaksimumkan keuntungan tetapi, ini saya rasa adalah *fair* kerana ini adalah untuk rakyat jelata dalam ekonomi yang begitu lembap.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jeli bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Oleh kerana saya lihat Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bimbang kalau Petronas Gas akan menaikkan *chargenya* pada tahun hadapan, apakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya bahawa sekiranya Petronas Gas berhasrat untuk mengurangkan ataupun mengekalkan harga pada kadar semasa pada tahun-tahun akan datang, maka sepatutnya projek saluran gas yang disalurkan melalui Thailand yang menghadapi masalah sekarang ini, yang melibatkan perbelanjaan lebih daripada RM1.5 bilion dialihkan ke Kelantan yang hanya berjarak 74 kilometer walhal ke Thailand berjumlah 248 kilometer dan kos untuk ke Kelantan ini hanya sekitar RM600 ke-RM700 juta.

Apakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya kerajaan memberi keizinan kerana mengikut maklumat Presiden Petronas, telahpun bersetuju pada bila-bila masa untuk mengubah laluan gas ini daripada ke Thailand ke Kelantan demi menjimatkan dan lebih menguntungkan Petronas Gas. Terima kasih.

Tuan Husam bin Haji Musa: Habis sudah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jeli. Memang kita sekali lagi masih pelik dengan kerajaan Barisan Nasional. Ada tempat dekat tetapi dia hendak lalu jalan jauh. Tambang murah ada, dia hendak bayar tambang mahal, orang lain pula untung. Jadi, kita memang tidak faham dan inilah satu sebab kita menentang kerajaan Barisan Nasional dan kita yakin jika kita dapat menukar pemikiran seperti ini, banyak lagi faedah yang diperolehi oleh rakyat dan perkara selanjutnya, saya rasa kita boleh bincang dalam Akta Bekalan Gas. Kalau kita bincang di sini, habislah modal kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ingin saya maklumkan, kebanyakan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, bukan melibatkan rang undang-undang pindaan. Jadi, saya mintalah supaya kita bangkitkan dalam pindaan ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang suka dengan Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya rasa Tuan Yang di-Pertua lambat masuk sikit tadi. Premis saya tadi ialah suatu akta..... *[Disampuk]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tumpat bangun sekarang. Tumpat bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sekejap, sekejap,.....untuk mengadakan peruntukan bagi pengawalseliaan industri pembekalan elektrik kepada harga yang munasabah. Ini satu perkara yang sangat panjang yang kita boleh bincangkan bagaimana hendak mengurangkan kos elektrik pada harga yang munasabah, termasuklah harga bekalan gas. Ini sangat penting pada saya. Jika gas naik, automatik *clause* ini tidak ada makna apa-apa. Kita sahaja cakap hendak harga munasabah, harga gas sudah naik, elektrik automatik naik. Tetapi, bagaimana kita hendak menentukan harga gas pada kedudukan yang baik? Itu yang saya hendak membincangkan sekarang dan saya angkat tabik. *[Ketawa]*.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis, Yang Berhormat? Sudah habis?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Mohon penjelasan, mohon penjelasan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, sila.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya belum berpuas hati dengan jawapan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kepada soalan penjelasan daripada Yang Berhormat Jeli berkaitan dengan cara kaedah kerajaan Malaysia cuba menghantar gas daripada lautan Malaysia Thailand melalui tanah besar Thailand untuk sampai akhirnya ke negeri Kedah. Lagi pula, kita perhatikan bahawa rakyat Thailand sendiri memprotes,

membantah dengan cara tunjuk perasaan dan sehingga ke hari ini, kerajaan Thailand belum dapat buat keputusan kerana rakyat protes. Kalau di Malaysia, rakyat protes boleh kita uruskan dengan cara tahanan ISA. Tetapi, di Thailand tidak boleh. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat Kubang Kerian dalam hal ini? *[Tepuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Dungun dahulu ada cakap dari segi politiknya, sudah *desire, politically desirable*. Jadi, dia buat. Saya ingat kerajaan kita memang suka protes. Lagi protes, lagi baik. Kalau tidak ada protes, kerajaan kita tidak.....*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah semua ini ada berkaitan dengan rang undang-undang pindaan? *[Ketawa]*.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya akan masuk dalam rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cepat sikit Yang Berhormat, ada lain-lain Ahli-ahli Yang Berhormat sedang menunggu giliran mereka.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, tidak lama dah, Tuan Yang di-Pertua.

Berbalik kita kepada pembekalan elektrik pada harga yang munasabah. Saya telah sebutkan bahawa bekalan gas adalah faktor yang paling penting mengekalkan harga elektrik pada harga yang munasabah supaya tujuan Suruhanjaya Tenaga ini benar-benar tercapai dan tidak atas kertas seperti yang kita bacakan dalam Dewan ini.

Saya telah sebutkan bahawa Petronas telahpun memperolehi keuntungan daripada harga gas yang sedia ada dan Petronas tidak perlu mengikut harga pasaran antarabangsa kerana khazanah minyak itu sendiri, khazanah gas itu sendiri adalah milik bersama rakyat. Jadi, milik bersama rakyat ini mesti digunakan pada keperluan pada masa-masa yang diperlukan. Dalam keadaan sekarang, bekalan yang dibekalkan pada harga RM6.20 adalah munasabah dan saya berharap perjanjian baru pembekalan gas ini, Gas Supplied Agreement (GSA) ini dapat ditandatangani di antara Petronas dengan IPP dan juga Tenaga Nasional Berhad dalam masa yang singkat. Tidak payah *hanging* lama-lama dan kadar ini ditentukan pada harga sekarang kerana premis saya ialah ini untuk faedah rakyat jelata.

Jika Petronas boleh memberikan faedah kepada orang perseorangan dalam negara kita, di atas khazanah negara, kekayaan negara, kepada orang perseorangan, mengapakah rakyat tidak berhak mendapat faedah ini? Ini hak rakyat, ini bukan keistimewaan kepada rakyat. Ini adalah hak rakyat di atas khazanah mereka untuk digunakan pada masa yang terdesak bagi keperluan keseluruhan kepentingan mereka untuk mendapatkan harga yang berpatutan.

Saya bagi contoh, bagaimana Petronas telah 'diperkudakan' untuk memberi kekayaan yang lumayan kepada satu, dua individu.

Menara Kembar Petronas telah disewa oleh Petronas dengan harga RM9.00 satu kaki persegi bagi kedua-dua menara. Kedua-dua menara disewa oleh Petronas daripada anak syarikatnya MidCity yang sepatutnya Petronas *owned the tower* tetapi pada masa yang sama, Petronas bayar sewa untuk kedua-dua menara ini pada harga RM9.00 sekaki persegi bagi keseluruhan menara dan kita semua tahu bahawa 48% daripada KLCC Holdings yang asalnya ialah Kuda Lari, Sri Kuda, 'KL' itu mungkin 'Kuda Lari' yang dimiliki oleh Ananda Krishnan. Jadi, pemilikan tidak langsung Ananda ke atas Twin Tower ini ialah 24%, seorang rakyat yang bertuah.

Jadi, kalau seorang dapat bayaran sewa daripada Petronas ke atas menara yang Petronas telah binakan sama ada dengan kewangannya ataupun hutangnya kepada bank, bagaimanakah rakyat jelata yang keseluruhannya rakyat kita ini tidak dibenarkan mendapat faedah daripada khazanah negara. Ini satu persoalan yang amat penting. Saya ingin penjelasan yang terperinci dalam urus niaga ini. Kalau seorang diberi peluang mendapat, mengaut kekayaan di atas khazanah negara, mengapa rakyat tidak boleh diberikan harga gas yang munasabah walaupun Petronas tidak mengaut keuntungan yang besar daripada peluang kenaikan gas yang ada sekarang, ini persoalan. Kalau naik juga gas, RM6.20 sekarang kepada RM15.00 ataupun kurang, bermakna kita telah membelakangkan kepentingan rakyat sedangkan pada masa yang sama, kita memberikan keistimewaan kepada rakyat kita yang terpilih. Ini satu isu ataupun satu kedudukan yang sangat penting. Satu pertimbangan politik yang sangat penting untuk kita adili dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, sekali lagi saya berharap gas ini dapat dikekalkan pada harga yang ada sekarang dan akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, apabila Perdana Menteri mengumumkan Tenaga Nasional Berhad akan terlibat dalam Empangan Bakun, harga saham turun 11% dalam satu hari, hari Jumaat. Saya masih ingat lagi, hari Jumaat, dia umum pagi, saham jatuh merudum 11% dan selepas sahaja salam sembahyang Jumaat, Pengerusi Tenaga Nasional Berhad terus bergegas membuat *press conference* kepada para media dan dia kata TNB tidak terlibat dalam Bakun, dalam *stake* ataupun jumlah pegangan yang besar tetapi pasaran telah panik dan sampai hari ini, perkara ini menghantui pemikiran para pelabur iaitu, jika Tenaga Nasional Berhad terlibat dalam Empangan Bakun, kesan yang terakhir ialah harga tarif akan terpaksa dinaikkan kerana pada waktu itu, *ratio* ekuiti ini, nisbah hutang dan aset tenaga akan menjadi tiga kali ganda melebihi ekuiti Tenaga Nasional Berhad.

Sekarang pun sudah 185% tahapnya dan ia akan jadi tiga kali ganda kerana projek Bakun dianggarkan tidak kurang daripada RM9 bilion dan harga yang dibekalkan oleh Bakun nanti ialah 18 sen satu kilowatt sedangkan harga daripada IPP hanyalah dalam 12 sen hingga 15 sen, lebih mahal. Jika sekiranya benar-benar Tenaga Nasional Berhad terpaksa dilibatkan dengan Bakun, jadi satu masalah baru akan berlaku dan kenaikan tarif saya rasa tidak dapat dielakkan. Jadi, saya berharap kerajaan berfikir panjang, kalaulah projek Bakun ini tidak *feasible* dari segi ekonomi, kita boleh tangguhkan dahulu, kita boleh lakukan kemudian, ataupun pilihan yang kedua, jangan sama sekali libatkan Tenaga Nasional Berhad sebagai pemegang saham terbesar dalam projek ini.

Dan sekali lagi saya masih sangsi apakah keperluan sebenar bagi kerajaan melaksanakan projek Bakun, pasal Bakun bila hendak mulakan projek pembersihan hutang, penebangan balak telah diberikan satu syarikat iaitu Syarikat Ekran yang ada hubungan rapat dengan pemimpin tertentu dan ini bukan tuduhan. Saya telah mendapat jawapan daripada kementerian ini bahawa keseluruhan balak dalam kawasan Empangan Bakun - saya lupa, dalam 20,000 hektar ataupun ekar, telah diberikan kepada Ekran tanpa sebarang tender dan di luar daripada kuota kawalan tebingan hutang simpan kawasan hutang yang sangat kaya yang pokoknya adalah sudah benbu tahun, yang besar-besar balak-balaknya telah diberikan kepada satu syarikat tunggal telah mengaut keuntungan pada peringkat awal projek lagi. Satu kawasan yang sangat besar, yang sangat luas dan kemudian Syarikat Ekran sekali lagi telah diberikan projek ini yang telah diumumkan seperti yang disiarkan oleh surat khabar sebahagian daripada projek iaitu, berjumlah RM200 juta.

Ini semua menimbulkan kesangsian adakah projek ini benar-benar atas kepentingan negara sebagai *pump priming* untuk menolong ekonomi negara kita berkembang ataupun satu kepentingan tertentu yang perlu dijelaskan. Jadi, saya sangat berharap Tenaga Nasional Berhad tidak dilibatkan untuk menjanakan hutang yang lebih besar untuk menjayakan projek Bakun.

Akhir sekali, untuk membolehkan tarif elektrik diberikan dengan harga yang lebih murah, ada tiga cadangan saya iaitu, Tenaga Nasional Berhad harus diberi kebebasan penajaan secara kompetitif iaitu Tenaga Nasional Berhad masih kekal sebagai penguasa loji dan pertandingan bebas dilakukan di antara Tenaga Nasional Berhad dengan IPP yang mana lebih rendah, yang mana lebih murah, yang mana lebih menjimatkan, Tenaga Nasional Berhad ambil daripada situ dan tidak memerlukan penandatanganan PPA dalam keadaan yang tergesa-gesa.

Yang kedua, ialah proses kerja-kerja termasuk tender *transmission* dilakukan secara yang terbuka dan yang akhir sekali ialah kuasa perundingan Tenaga Nasional Berhad mesti dipulihkan dan saya yakin bahawa jika Tenaga Nasional Berhad diberikan perlindungan politik yang kukuh, mereka berani untuk mengubah terma-terma perjanjian di antara Tenaga dengan IPP yang sedia ada dan terma-terma baru yang dilaksanakan tetapi jika sekiranya masih lagi keadaan seperti yang saya telah sebutkan, iaitu lesen IPP datangnya daripada Perdana Menteri, daripada Jabatan Perdana Menteri dan kemudian pemegang lesen ini pergi berunding dengan Tenaga Nasional Berhad, Tenaga Nasional Berhad sudah ada dalam satu kedudukan perundingan yang lemah, orang akan takut dengan pemegang lesen IPP kerana mereka ada hubungan rapat dengan Perdana Menteri dan ini akan dianggap sebagai satu tekanan kepada Tenaga Nasional Berhad menerima apa sahaja terma daripada IPP tanpa satu kedudukan yang lebih baik.

Saya berharap perkara-perkara ini dapat ditimbangkan oleh kementerian bagi mendapatkan harga yang lebih murah bagi rakyat Malaysia tidak kira Barisan Nasional ataupun Barisan Alternatif. Sekian, terima kasih. .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sipitang.

12.35 tgh.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk ikut membahas pindaan Rang Undang-undang Akta Bekalan Elektrik 1990 yang menggantikan Akta ibu untuk membolehkan pembentukan Suruhanjaya Bekalan Elektrik menggantikan Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa fasal yang dibentuk, iaitu Fasal 19 yang memasukkan seksyen baru 26A yang mana fasal ini membolehkan pemegang lesen mengenakan surcaj kepada pengguna yang membayar lewat bil mereka. Kita melihat bahawa fasal ini memberi perlindungan kepada pemegang lesen dan membolehkan pemegang lesen mengenakan surcaj kepada pengguna. Dalam beberapa keadaan pemegang-lemas juga sebenarnya melakukan beberapa kesilapan yang mana dalam keadaan tertentu apabila mereka membekalkan bekalan elektrik kepada pengguna terdapat beberapa ketika bahawa bekalan elektrik yang mereka bekalkan menghadapi gangguan. Misalnya, beberapa insiden yang lalu seperti insiden besar di Pulau Pinang di mana kabel elektrik terputus oleh kerana kebakaran dan terdapat gangguan-gangguan kepada pengguna.

Begitu juga beberapa bekalan elektrik di daerah-daerah sama ada ia dibekalkan oleh TNB ataupun syarikat-syarikat lain yang menjual tenaga kepada TNB dan dibekalkan kepada pengguna juga terdapat beberapa gangguan. Gangguan bekalan elektrik ini memberi kos yang tinggi kepada pengguna. Misalnya, kalau bekalan elektrik kepada kilang terputus, kilang tidak boleh beroperasi dan tentunya pengeluaran mereka terhenti. Jika bekalan elektrik kepada kedai ataupun premis-premis perniagaan yang lain, hawa dingin kedai mereka tidak boleh beroperasi, pengunjung tidak akan datang ke kedai tersebut dan perniagaan mereka juga terjejas. Bagi pejabat pula kalau bekalan elektrik terputus maka sistem pengurusan pejabat juga terganggu dengan keadaan panas, komputer tidak berjalan dan hawa dingin tidak berfungsi, urusan pejabat juga terganggu. Bagi pengguna biasa misalnya di rumah-rumah apabila bekalan elektrik terputus urusan rumah tidak begitu berjalan dengan baik. Misalnya, lampu yang tidak ada waktu malam menyebabkan anak-anak tidak boleh mentelaah pelajaran atau tidak boleh belajar, peti ais yang tidak berfungsi dan lain-lain juga menyebabkan keadaan tidak selesa.

Jikalau gangguan ini sementara, Tuan Yang di-Pertua, ia tidaklah begitu membebankan, tetapi apabila ia berlaku kerap dan dalam jangka masa yang lama tentu sekali kos yang ditanggung oleh pengguna-pengguna ini juga begitu tinggi. Terdapat pembekal elektrik di mana bekalan elektrik yang tidak menentu yang menyebabkan kerosakan. Misalnya, jikalau gelombang elektrik itu tidak menentu boleh menyebabkan kerosakan kepada komputer di rumah dan juga peti ais, televisyen dan lain-lain juga barangan elektrik dan ini merugikan pengguna. Oleh itu, dalam rang undang-undang ini kita berharap Suruhanjaya Elektrik dapat memasukkan seksyen baru yang membolehkan pengguna juga dilindungi, iaitu satu kaedah bagaimana badan ataupun orang awam membuat aduan terhadap gangguan bekalan elektrik di kawasan mereka.

Pada masa ini memang ada pejabat perhubungan awam di TNB tetapi selalunya tidak mendapat tindakan dan pengguna ini tidak mendapat perlindungan seperti yang diharapkan. Kita tahu pembekal elektrik ini atau pemegang lesen dan juga TNB mengecapi keuntungan yang begitu besar setiap tahun dengan bilion ringgit, di samping ada peruntukan-peruntukan daripada keuntungan ini untuk membekalkan elektrik di luar bandar dan sebagainya. Kalau boleh kita juga ada peruntukan, mengambil sedikit peruntukan daripada keuntungan ini dikumpulkan sebagai mengganti rugi kepada pengguna-pengguna yang mengalami kerugian akibat gangguan daripada bekalan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad ataupun pemegang-lemas ini. Jikalau krisis itu tidak disengajakan oleh kerana kemalangan dan sebagainya, itu boleh kita terima. Tetapi ada beberapa keadaan bahawa gangguan bekalan elektrik adalah atas sebab ketidakcekapan. Misalnya, jentera generator yang sudah usang, sistem mesin-mesin ataupun pembekal pemegang lesen yang tidak cekap pengurusannya menyebabkan kerosakan yang berulang-ulang.

Kita berharap aduan-aduan daripada pengguna kepada Suruhanjaya ini boleh direkodkan, diterima dan Suruhanjaya boleh menyiasat demi kepentingan pengguna dan jikalau hasil siasatan itu didapati adalah berpunca daripada ketidakcekapan ataupun kelalaian daripada pihak pemegang lesen ataupun daripada TNB di kawasan-kawasan tertentu, bolehlah Suruhanjaya itu mengusulkan ataupun memberi kelulusan daripada peruntukan yang dikumpulkan untuk membayar ganti rugi kepada pengguna-pengguna yang menghadapi kerugian akibat daripada ketidakcekapan ini. Kita berharap perkara ini dapat diwujudkan untuk memudahkan kepada pengguna-pengguna, bukan sahaja apabila pengguna tidak membayar bil terus pengguna itu diberi amaran dan dipotong bekalan elektrik mereka. Memang tugas pengguna membayar, tetapi dalam keadaan tertentu walaupun pengguna membayar tetapi kerugian juga mereka terima akibat daripada kelalaian ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Fasal 21 iaitu seksyen baru 28A yang mana pemegang lesen membayar sejumlah wang yang menghendaki pemegang lesen, ini memang kita beri sokongan sepenuhnya supaya ini dapat dibuat supaya kerajaan tidak menanggung kerugian.

Di bawah Fasal 31, iaitu di mana pengerusi yang boleh boleh kompaun dan juga di bawah Fasal 29 yang mana pegawai polis boleh memohon kepada Suruhanjaya supaya bekalan elektrik dipotong kepada premis yang mengadakan perjudian terbuka. Saya melihat di sini sepatutnya dimasukkan 'bukan sahaja perjudian terbuka tetapi juga kepada premis-premis yang mengendalikan aktiviti-aktiviti haram.' Misalnya, kilang-kilang yang beroperasi secara haram boleh dipotong dengan kerjasama Majlis Perbandaran ataupun Dewan Bandaraya yang mana lesen-lesen mereka tidak dikeluarkan dan bekalan elektrik juga dipotong. Begitu juga dengan aktiviti-aktiviti lain seperti sekarang ini misalnya cybercafe yang mengadakan aktiviti yang tidak sihat boleh juga dikenakan potongan melalui akta ini. Sepatutnya ia dibuat dengan tindakan bersepadu oleh jabatan-jabatan yang bersangkutan kerana elektrik ini adalah satu sumber penting untuk menghidupkan aktiviti itu seharusnya pemotongan tenaga ini digunakan untuk menghalang ataupun menghambat aktiviti-aktiviti yang tidak sihat di negara ini. Bukan sahaja itu misalnya, sekarang ini ada percetakan cakera padat secara haram dan juga cybercafe yang menunjukkan tayangan porno dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir sekali iaitu mengenai dengan pemberian lesen kepada IPP. Saya bersetuju dengan saranan daripada rakan kita dari Kubang Kerian dan juga rakan kita dari Jeli, memang sepatutnya lesen elektrik ini dikeluarkan dan dikawal oleh Suruhanjaya Elektrik dan mungkin juga salah satu fungsi jawatan-kuasa ataupun suruhanjaya ini ditubuhkan ialah untuk memantau adanya pembekal-pembekal ataupun pemegang lesen elektrik ini dan jikalau ini dibuat, dipantau secara teratur sudah tentu tidak bergantung kepada sesiapa dan ia lebih bebas dan boleh dibuat pemantauan secara lebih berkesan.

Dengan saranan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong akta ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bachok.

12.46 tgh.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada pindaan yang dibawa di bawah Rang Undang-undang Bekalan Elektrik 1990 ini sebagai suatu pandangan bagi memastikan hal pengurusan bekalan elektrik dalam negara kita lebih membantu kepada pertumbuhan dan pembangunan negara kerana daripada penggunaan tenaga yang ada pada hari ini kita nampak 73% adalah untuk sektor perindustrian dan pengangkutan dan selebihnya daripada penggunaan-penggunaan lain termasuklah penggunaan domestik ataupun di rumah-rumah dan pejabat.

Disadari juga pindaan ini memenuhi beberapa constraints semasa dalam memastikan pengurusan tenaga juga untuk ditingkatkan lagi kecekapannya memandangkan rizab ataupun simpanan tenaga yang ada daripada minyak dan gas terpaksa menghadapi beberapa catuan bagi memastikan sumber yang tidak boleh diperbaharui ini mendapat satu bekalan yang berterusan untuk tempoh-tempoh yang akan datang.

Pengurangan pengeluaran minyak juga merupakan satu perkara yang perlu diberi perhatian di samping gas sendiri telah pun menghadapi perkara sama dari segi pengeluarannya. Cuma apa yang telah dibangkitkan oleh sahabat dari Kubang Kerian

serta dibangkitkan oleh pihak Yang Berhormat bagi Jeli tadi, perlu benar pihak kerajaan memberi perhatian dan memastikan jangka panjangnya sumber tenaga kita berterusan dan diurus dengan lebih cekap dan memberi satu keuntungan bersama pihak pemegang lesen mengikut akta ini dan pihak pengguna sebagaimana yang disebut dalam akta ini juga.

Memandangkan perkara-perkara yang berbangkit di sebalik pengurusan tenaga dalam negara ini, kita memerhatikan mengikut apa yang disebutkan dalam pindaan Akta Bekalan Tenaga yang dibawa ke Parlimen pada hari ini, terutama sekali berhubung dengan maksud pengawalseliaan sebagaimana telah pun diulas begitu panjang oleh pihak Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Yang penting di sebalik maksud pengawalseliaan ini sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 2 dalam rang undang-undang yang dibentangkan ialah bagi memastikan industri tenaga kita berkembang pesat dan memenuhi keperluan semasa dan juga melangkaui dari sudut keperluan jangka panjang iaitu pada tempoh masa hadapan.

Yang berbangkit di sebalik isu pengawalseliaan ini ialah strategi dan langkah penguatkuasaan ataupun langkah pelaksanaan. Kita jangka banyak mengambil kira pertimbangan dari sudut kepentingan yang bersifat ekonomi dan tidak bersifat social obligation kepada pengguna itu sendiri.

Ini satu perkara yang saya nampak agak malang dari sudut pertimbangan-pertimbangan yang dibuat oleh pihak pemegang lesen khususnya ialah Tenaga Nasional Berhad (TNB) sendiri yang banyak merundingkan urusan-urusan pemindahan saham dan pembelian ataupun membeli tenaga-tenaga yang dibekalkan oleh IPP itu sendiri dan mengutamakan kepentingan IPP dan orang-orang yang tertentu di sebalik syarikat-syarikat yang menguruskan penjanaan tenaga tadi. Itu satu peringatan yang harus kita lihat sekiranya kita memandangkan bahawa dalam tempoh mendatang perkara ini perlu kepada suatu tanggungjawab sosial kepada rakyat itu sendiri.

Kemudian di bawah pindaan Seksyen 9 apabila memasukkan subseksyen 2A, ia menampakkan kesulitan pihak Suruhanjaya Tenaga bagi memastikan komitmen tinggi pihak pembekal tenaga terhadap tanggungjawab pembayaran mengikut jadual. Jadi, boleh kita katakan bahawa....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Bachok. Yang Berhormat ada sebut tadi masalah pengawalseliaan dan satu daripada unsur pengawalseliaan dalam rang undang-undang ini ialah untuk memastikan pendawaian sentiasa dalam keadaan baik supaya para pengguna tidak terdedah kepada bahaya litar pintas. Saya rujuk kepada muka surat 10, subseksyen (4) iaitu "*Langkah berawas-awas yang wajar telah diambil dan dipatuhi semasa mengerjakan mana-mana pepasangan atau loji atau kelengkapan elektrik*".

Saya hendak tahu adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya suruhanjaya ini menetapkan had masa tiap-tiap pendawaian. Macam DTC umpamanya pendawaian 37 tahun tidak dibaiki dan DTC amat dukacita telah terbakar dan laporan awal oleh bomba, jabatan kimia dan polis menunjukkan bahawa masalah ini berpunca daripada litar pintas dan bukannya oleh sabotaj mana-mana mahasiswa. Jadi, had masa pendawaian itu adakah Yang Berhormat hendak cadangkan supaya suruhanjaya tentukan supaya mana-mana pihak tidak dituduh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....tadi Yang Berhormat baru berucap, perkara ini mengapa tidak bawa sekali? *[Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mengangkat tangan sebelum terus duduk]* Yang Berhormat Bachok, teruskan.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih. Sebenarnya kepekaan bersama dalam menangani masalah-masalah yang dihadapi di sebalik pengawalseliaan oleh pihak Tenaga Nasional, khususnya, adalah satu perkara yang harus kita banggakan. Ini satu perkara yang harus kita ambil perhatian. Jadi, kes yang dirujuk oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya ingat perkara ini perlu diperkemas lagi dari sudut aturan kerja pihak pengawalseliaan khususnya pihak Suruhanjaya

Tenaga itu sendiri dalam tempoh memastikan bekalan tenaga tadi mendapat satu pemeriksaan secara berkala bagi memastikan keselamatan dari sudut pembekalan elektrik demi mengelak kebakaran dan seumpamanya.

Sebenarnya perkara yang dibangkitkan tidak tertumpu kepada dewan seperti DTC di Universiti Malaya sahaja tetapi keseluruhan pejabat-pejabat kerajaan, bangunan-bangunan yang selalu digunakan dengan maksimum oleh pihak orang ramai. Begitu juga di rumah-rumah dan yang penting lagi adalah pendawaian ataupun talian grid yang menghubungkan di antara satu pencawang kepada satu pusat jana kuasa. Kerana apa yang kita ketahui secara sedar atau secara tidak sedar banyak talian grid yang dihubungkan di antara pusat-pusat bekalan tenaga dan stesen-stesen tertentu didapati putus tanpa suatu faktor yang munasabah. Ini satu perkara yang perlu kepada pengawalseliaan rapi pihak penajaan ataupun pihak pemegang lesen.

Kemudian saya hendak sebutkan tadi ialah di sebalik pindaan di bawah akta ini khususnya apabila memasukkan subseksyen 2A yang menampakkan tanggungjawab khusus Suruhanjaya Tenaga untuk memastikan komitmen tinggi pihak pembekal tenaga bagi memastikan tanggungjawab pembayaran. Apa yang saya nampak di bawah subseksyen 2A ini ialah pihak pembekal boleh mengenakan peraturan untuk memaksa ataupun mendenda pihak pengguna. Ini satu perkara yang perlu dilaksanakan secara teliti supaya tidak wujud suatu penindasan kepada pihak pengguna ataupun satu langkah yang boleh menyebabkan pengguna tertekan dari sudut kos bayaran bil dan seumpamanya.

Kerana daripada apa yang dipraktikkan oleh pihak Tenaga Nasional daripada bil-bil yang dikenakan kepada pihak pengguna sebelum rang undang-undang ini dibawa ataupun rang undang-undang yang dimaksudkan ini hanya hari ini baru dibentangkan di Parlimen untuk mendapat kelulusan tetapi pihak TNB telah pun mengenakan bayaran surcaj sebanyak 1% kepada pengguna-pengguna yang lewat membayar dan ini dikaitkan lagi dengan kuasa yang ada di bawah seksyen 26 yang mana TNB boleh melewikan apa-apa tarif yang diluluskan oleh pihak Menteri berhubung dengan perkhidmatannya.

Jadi, setahu saya cadangan ataupun usaha ini telah pun dilaksanakan ataupun amalannya telah pun dilaksanakan oleh pihak TNB lebih awal lagi yang menampakkan TNB begitu tertekan dengan masalah untuk mendapatkan pulangan lebih cepat daripada perkhidmatan yang hasilnya pihak pengguna dikenakan satu bayaran ataupun satu denda yang lebih awal daripada lulusnya pindaan yang dibawa pada hari ini.

Ini satu langkah yang tidak menampakkan satu simpati sosial pihak TNB kepada pihak pengguna yang sudah pasti penggunalah yang akan menjadi mangsa di sebalik langkah-langkah yang dibuat oleh pihak TNB tadi. Demikian juga pengenaan kepada bayaran yang melibatkan pemotongan dan penyambungan semula apabila dinaikkan daripada caj biasa sebelumnya ialah RM10 kepada RM80, ini satu kenaikan yang tidak munasabah dan perlu dikaji pada suatu harga yang munasabah ataupun kenaikan yang munasabah.

Paling malang lagi dari sudut pemotongan bekalan-bekalan elektrik kepada pengguna dan kepada kilang-kilang ini dari sudut amalannya tidak ada suatu penyelarasan yang cekap di pihak pengurusan Tenaga Nasional Berhad. Kerana daripada kes yang dilaporkan kepada saya, ada sebuah rumah yang telah pun menerima bil pemotongan dan diarah untuk membayar supaya terelak daripada pemotongan, maka dia terus pergi membayar. Dalam perjalanannya untuk membayar, telefon yang diterima daripada anak yang mengatakan bahawa rumahnya telah dipotong bekalan elektrik sedangkan perkara itu diterima notis sebegitu singkat untuk dibuat pembayaran dan apabila bayaran dibuat, didapati bekalan elektrik rumahnya telah dipotong. Ini satu langkah penyeliaan sebenarnya tidak berpandu kepada satu standard kecekapan yang sebenar.

Kemudian, apabila pindaan yang dibawa pada hari ini, Bahagian VA disebutkan bahawa sebahagian perkara-perkara yang melibatkan pembudayaan pengguna elektrik dengan cermat. Pada saya dengan membawa suatu kesedaran kepada peningkatan budaya kepenggunaan elektrik dengan cermat yang dicadangkan menerusi pindaan ini, di Bahagian VA, suatu langkah yang dialu-alukan. Tetapi suka saya sebutkan Tuan Yang di-Pertua, iaitu usaha-usaha sebenar sepatutnya dimulakan oleh pihak Tenaga Nasional sendiri sebagai pemegang utama dalam kes-kes bekalan

tenaga ini. Kita nampak Tenaga Nasional sendiri melahirkan suatu amalan yang membazir dari sudut penggunaan tenaga kerana setiap malam, saban hari saya melalui pejabat Tenaga Nasional di jajahan ataupun di daerah saya di Bachok, saban hari saya melihat nilai pembaziran penggunaan elektrik dilakukan oleh pihak Tenaga Nasional sendiri sebab seluruh pagar dan bangunannya diterangi dengan lampu-lampu yang begitu gah sekali dan menampakkan suatu unsur pembaziran dari sudut penggunaan tenaga yang boleh dicermatkan lagi, yang boleh dijimatkan lagi sekiranya asas budaya kepenggunaan elektrik ini dapat dipertingkatkan dengan cermat di kalangan pengguna-pengguna awam.

Demikian juga lampu-lampu jalan yang dipasang khas ataupun ditempah khas oleh pihak pengguna, apabila dibuat laporan supaya tidak berlakunya nyalaan lampu jalan ini pada siang hari iaitu bermula daripada waktu subuh sampailah kepada malam keesokan subuhnya – 24 jam terus menyala lampu jalan ini suatu nilai yang kita nampak pembaziran. Apabila perkara ini direpotkan kepada pihak berkenaan, di pihak TNB, alasan yang diberikan kenapa disibuk lampu yang menyala, semua orang sibuk lampu yang tidak menyala. Jawapan begini begitu negatif dari sudut untuk mempraktikkan pindaan yang dibawa di bawah Bahagian VA ini.

Demikian juga kalau kita memerhatikan lagi dari sudut usaha-usaha TNB daripada yang lepas-lepas dan saya yakin untuk tempoh akan datangnya disebabkan TNB kebelakangan ini lebih bersifat komersial tidak memberi suatu nilai kesedaran....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada petang ini.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Hendak sambungkah? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat disambungkan semula. Yang Berhormat dari Bachok, sila.

2.32 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya suka menyambung sedikit lagi berhubung dengan mewujudkan Seksyen 2A di bawah Seksyen 9, menyambung di bawah Bahagian VA berhubung dengan pembudayaan penggunaan elektrik dengan cermat.

Apa yang saya cadangkan sebelum ini ialah penglibatan secara serius pihak Tenaga Nasional Berhad yang menguasai bekalan tenaga ini untuk memandu dan mengambil bahagian secara aktif supaya menjadi contoh kepada pengguna dalam memastikan tenaga elektrik digunakan dengan cermat oleh pihak pengguna dan seumpamanya.

Dalam istilah penggunaan elektrik dengan cermat ini, pada pandangan saya, meliputi semua aspek termasuklah aspek pengawalseliaan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad sendiri dan pihak pengguna. Kerana daripada laporan-laporan kes-kes kebakaran yang dilaporkan oleh pihak bomba, penyiasatan dibuat sebahagian besar kes itu bermula daripada litar pintas ataupun kerana pendawaian yang telah pun lama. Kes terbaru sebagaimana laporan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat berhubung dengan kes kebakaran Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya yang telah pun menafikan beberapa tohmahan bahawa adanya sabotaj, ini menampakkan suatu bukti yang kukuh betapa pendawaian elektrik itu tidak diselia dengan sebegitu rupa.

Kemudian, penggunaan cermat memberi suatu makna bahawa keupayaan penggunaan elektrik itu mestilah seimbang dengan kuasa elektrik yang dijanakan kepada premis ataupun mana-mana bahagian elektrik itu untuk diguna pakai.

Jika sekiranya benar perkara-perkara ini berbangkit, sebagaimana juga laporan kebakaran DTC Universiti Malaya baru-baru ini didapati penggunaan elektrik

melampaui daripada biasa dan memungkinkan ianya menjadi suatu kebakaran yang mengejut ataupun di luar jangka.

Dalam hal ini juga, saya mencadangkan supaya pihak Suruhanjaya Tenaga mengambil suatu langkah proaktif ataupun langkah yang lebih membina supaya mengenakan suatu peraturan yang khusus kepada pihak pembekal tenaga elektrik ini supaya membuat suatu syarat apabila suatu tambahan penggunaan tenaga hendak dibuat mestilah diluluskan oleh Jabatan Bekalan Tenaga atau seumpamanya yang lebih berwibawa untuk memastikan penambahan point-point elektrik itu dibuat mengikut keupayaan sebenar tenaga yang dibekalkan.

Demikian juga dalam istilah penggunaan elektrik yang cermat juga, seharusnya mengambil kira pemeriksaan ke atas pendawaian dari semasa ke semasa secara tetap atau berkala, lima tahun sekali atau mungkin sepuluh tahun sekali.

Jadi, oleh kerana itu pihak Suruhanjaya Tenaga boleh memastikan istilah penggunaan elektrik cermat ini dengan lebih berkesan.

Oleh kerana itu, saya juga mengambil tanggungjawab untuk menyebutkan bahawa dalam kebanyakan laporan kebakaran disebabkan oleh punca elektrik ini, kita nampak Jabatan Bomba dan Penyelamat sahaja yang mengambil tanggungjawab aktif untuk mengadakan suatu penyiasatan di samping Jabatan Kimia dan sebagainya, tetapi tidak ada suatu laporan khusus yang diperlukan daripada pihak Tenaga Nasional Berhad ataupun oleh pihak Jabatan Bekalan Tenaga di bawah kementerian yang berkaitan. Ini membuktikan bahawa kes-kes kebakaran biasanya merujuk kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk menangani kebakaran tidak kepada punca kebakaran.

Beralih kepada tajuk seterusnya, suka saya sebutkan bahawa di dalam rang undang-undang ini juga disebut pindaan yang berkait dengan seksyen baru, dimasukkan suatu seksyen baru 28A yang pada pandangan saya perlu dibuat suatu pendekatan yang lebih harmoni dari sudut pandangan Islam.

Kerana daripada seksyen baru 28A diwujudkan dalam rang undang-undang ini, pada saya tidak sedap dengar sedikit kerana digunakan istilah *annual interest* kepada mana-mana pengguna atas cagarannya iaitu bayaran boleh dikenakan kepada cagaran-cagaran pengguna dalam sebutan *annual interest* ataupun bunga tahunan ke atas cagaran-cagaran yang dikenakan oleh pihak pembekal tenaga.

Maka pada pandangan saya, boleh diharmonikan sebutan *annual interest* ini dengan suatu kenaikan tambahan nilai di atas cagaran ataupun seumpamanya mengelakkan daripada sebutan perkara yang berkait dengan bunga tahunan yang lebih sentimen kepada tidak Islamic.

Oleh kerana itulah ianya serasi dengan dasar yang hendak dilaksanakan oleh pihak kerajaan sendiri supaya segala ruang yang ada yang boleh diterima pakai nilai-nilai yang harmoni ini harus dipakai hatta dalam akta pihak kerajaan sendiri.

Kemudian saya mengalu-alukan pindaan Seksyen 38 yang memasukkan kuasa pemotongan terhadap mana-mana premis perjudian sebagaimana yang dibentangkan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Sebagaimana juga selari dengan pindaan yang telah dibuat di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1993, iaitu kuasa yang diberikan kepada pihak tertentu khususnya pihak polis yang berpangkat Penolong Penguatkuasa dan pangkat yang lebih besar daripadanya untuk menjalankan pemotongan dan juga penyambungan semula.

Dan saya bersetuju dengan apa yang telah pun dicadangkan oleh pihak Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang tadi langkah seumpama ini juga harus kita peka kepada usaha untuk menangani gejala sosial bukan setakat perjudian, malah aktiviti cetak rompak terutama sekali ialah aktiviti menerbitkan VCD dan DVD cetak rompak ini secara berleluasa sekarang ini yang menjadi suatu isu penting dalam Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Oleh kerana itu, sekiranya penguatkuasaan akta ini boleh dilibatkan sama kepada aktiviti cetak rompak ini, selari dengan akta ataupun undang-undang mesin cetak, sudah pasti ia boleh menyokong usaha-usaha murni bagi mewujudkan suatu pertumbuhan yang lebih baik dari sudut ekonomi dan membela kepada pihak-pihak yang lebih berhak untuk mendapat pembelaan.

Demikian lagi usaha pemotongan ini harus diambil suatu tanggungjawab yang sama sebagaimana kehendak Subseksyen 2A yang dari sudut usaha penyambungan semula ini seharusnya dipertimbangkan dengan suatu keputusan rasmi pihak mahkamah bukan setakat keputusan secara budi bicara oleh pihak penolong penguat kuasa, pihak polis ataupun pihak polis yang lebih besar pangkat daripadanya.

Ini sebagai suatu langkah saya anggap lebih berkesan bagi memastikan penyambungan tenaga elektrik ini tidak dibuat sewenang-wenangnya dan tidak mengandungi suatu unsur yang lebih bersifat kira di belakang tabir ataupun perkiraan-perkiraan yang berunsur korupsi atau seumpamanya.

Kemudian suatu perkara yang dibangkitkan oleh pihak pengguna sendiri dalam isu-isu yang berkaitan ialah isu denda yang boleh dikenakan mengikut rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai denda kepada pihak pengguna yang tidak mengikut peraturan, mengikut Seksyen 53(1) dikenakan sampai RM5,000 dan dinaikkan kadar ini daripada sebelum ini ataupun penjara sampai setahun ataupun kedua-duanya sekali. Soalnya ialah ada pandangan mengatakan denda ini patut ditinggikan kerana penyalahgunaan dari sudut peraturan.

Tetapi pada pandangan saya pertimbangan rasional perlu dibuat di peringkat penguatkuasaan akta ini supaya kita melihat perimbangan denda itu dengan kesalahan yang berlaku, walaupun perkara ini sebenarnya suatu perkara yang agak remeh dari sudut tindakan tetapi kepada pengguna ia mengambil suatu kesan yang besar sekiranya denda ini ditambah daripada RM3,000 asalnya kepada RM5,000.

Oleh kerana itu dalam memastikan keseluruhan pindaan yang dibawa di persidangan Parlimen kali ini berhubung dengan Akta Bekalan Elektrik ini, yang penting ialah perlu diambil kira ialah hak pengguna. Selain daripada kepentingan-kepentingan perniagaan ataupun nilai komersial yang diraihkan oleh TNB serta pusat-pusat penjana kuasa elektrik yang digerakkan oleh IPP ialah nilai kepenggunaan itu perlu diambil kira, hak-hak kepenggunaan perlu diambil kira.

Misalnya satu kes yang berlaku pada pertengahan tahun lalu iaitu di satu kawasan namanya kawasan Kampung Lembah Semerak, Pasir Puteh, apabila berlaku kesusialan di pihak Tenaga Nasional Berhad dan saya padukan kesusialan itu sebagaimana kehendak di bawah Seksyen 33 yang tidak menetapkan suatu hak pengguna untuk mendapat suatu pampasan di sebalik kemalangan ataupun kes-kes kerana silap penyambungan ataupun silap teknikal daripada pihak penjana kuasa menambahkan voltan tenaga ataupun frekuensi tenaga yang mengakibatkan terbakarnya barang-barang elektrik di rumah-rumah dan berlaku sama ialah di masjid sebagaimana yang berlaku di kes Kampung Lembah Semerak, Pasir Puteh ini dan sehingga kini dilaporkan bahawa tidak ada suatu pampasan yang seimbang diberikan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad daripada kesusialan perubahan voltan ataupun frekuensi bekalan tenaga ini.

Ini suatu isu yang perlu diambil perhatian dan di sebalik itu juga perlu juga pada saya untuk menyebutkan beberapa perkara yang lebih praktikal dari sudut asas untuk memastikan bekalan tenaga masa depan negara cukup dan memenuhi keperluan pembangunan negara, di antaranya ialah memastikan dasar tenaga negara yang ada hari ini dapat diperbaharui balik dengan mengambil kira pendekatan untuk menambahkan penggunaan-penggunaan tenaga yang renewable daripada tenaga yang biasa, unrenewable yang berasaskan bahan-bahan semula jadi menerusi teknik-teknik bioteknologi.

Misalnya daripada pendedahan yang telah dibuat oleh pihak Tenaga Nasional Berhad sendiri usaha sedang dibuat dan perkara ini pun dalam proses iaitu untuk memastikan penjana tenaga tidak bergantung kepada gas ataupun minyak ataupun arang batu semata-mata, ianya hendak berlaku juga pergantungan kepada bahan seperti minyak sawit mentah. Ini suatu perkembangan yang baik dan saya merasai suatu perkembangan teknologi ini boleh menambahkan lagi peluang untuk penjana tenaga elektrik bagi menggantikan penggunaan gas dan minyak yang lebih banyak ini.

Walau bagaimanapun, sukacita saya sebutkan bahawa program yang dilaksanakan oleh pihak TNB bagi memastikan minyak sawit mentah atau ringkasnya MSM ini diperluaskan, kita nampak tidak ada suatu kebanggaan yang boleh disebutkan kerana TNB sendiri pun masih banyak bergantung kepada teknologi luar sebagaimana

diisytiharkan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad baru ini suatu perjanjian telah dibuat dengan satu syarikat daripada United Kingdom, Power Gen untuk mendapat suatu kepakaran bagi memastikan syarikat perunding ini boleh memberi suatu pandangan balas berhubung dengan perluasan penggunaan minyak sawit mentah di dalam penjanaaan tenaga elektrik.

Sebelum ini juga saya dilaporkan, saya diberitahu pihak Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia juga diarahkan untuk membuat penyelidikan ataupun R&D yang sama bagi memastikan penggunaan daripada sawit ini diperluaskan. Sejauh mana perkembangan ini benar ataupun sejauh mana perkembangan penyelidikan ini berlaku dengan penglibatan FRIM ini kerana apa yang saya tahu Tenaga Nasional sendiri pun mempunyai R&D yang tersendiri bagi memastikan penjanaaan tenaga elektrik berasaskan daripada sumber sawit ini.

Baru-baru ini juga disebutkan oleh pihak Tenaga Nasional iaitu kenyataan rasmi daripada Pengerusinya sendiri berhubung dengan penggunaan sekam padi dalam usaha untuk menambahkan lagi penjanaaan tenaga elektrik. Soalnya, sejauh mana perkara ini dapat dipastikan, diperlebarkan ke seluruh negara supaya kita kembali kepada suatu bahan asas tenaga yang boleh diperbaharui daripada sumber teknologi bio ini. Demikian juga, saya terkejut dengan laporan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri berhubung dengan lemahnya penumpuan syarikat-syarikat di Malaysia dan juga agensi-agensi kerajaan berhubung dengan aktiviti R&D ini.

Jadi, sehubungan dengan itu peruntukan yang dikeluarkan untuk R&D di Malaysia ini begitu rendah iaitu sebanyak 0.2% sahaja daripada KDNK. Ini menampakkan kita jauh lebih mundur berbanding dengan negara seperti Taiwan, Singapore dan Jepun dalam usaha R&D yang mereka telah mencapai pada tahap 2% hingga 3% penumpuan kepada R&D.

Jadi, oleh kerana itu saya mencadangkan supaya pihak Tenaga Nasional Berhad dan pihak-pihak yang berwibawa bagi menjanaaan suatu pertambahan sumber tenaga dalam negara ini lebih berjaya dan lebih cemerlang pada tempoh-tempoh akan datang supaya penumpuan R&D ini dibuat dengan sebaik mungkin dan pergantungan kepada kemajuan teknologi dari luar khususnya daripada Eropah dapat kita kurangkan, meskipun beberapa constraint pastinya kita hadapi untuk peringkat percubaan dan peringkat permulaan.

Akhir sekali suka saya sentuh, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kewujudan suatu penjanaaan elektrik yang lebih berkesan dan lebih berwibawa serta mampu untuk menampung keperluan tenaga pada masa akan datang adalah dialu-alukan dan penubuhan Suruhanjaya Tenaga menerusi penguatkuasaan Akta Bekalan Elektrik ini seharusnya dilaksanakan secara lebih berhati-hati dan lebih cermat supaya negara tidak menghadapi krisis tenaga sebagaimana pernah berlaku dalam tahun 1996 dan juga mengambil teladan daripada krisis tenaga di California yang mana kesannya begitu buruk kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Di antara langkah-langkah segera yang harus diambil perhatian ialah sebagaimana cadangan daripada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi kita mestilah mewujudkan suatu penawaran harga yang paling kompetitif dari sudut kos penjanaaan elektrik dan juga daripada kos untuk dikenakan kepada pihak pengguna. Dengan cara inilah kalau kita kembali kepada suatu sistem persaingan sihat dari sudut penawaran bekalan tenaga kepada pengguna dan juga keseluruhan penggunaan tenaga elektrik dalam pelbagai sektor dalam negara kita sudah pasti kita mendapat satu jaminan yang lebih baik dari sudut harga dan dari sudut kos yang berkait dengan tenaga itu sendiri.

Demikian juga dari sudut pengenaan-pengenaan lain yang berkait dengan penjanaaan tenaga elektrik ini mestilah dibuat secara lebih berstrategik supaya tidak membebankan pengguna. Misalnya, dalam usaha untuk mengambil alih pusat-pusat penjanaaan tenaga elektrik yang dimiliki TNB oleh IPP ataupun oleh pihak syarikat-syarikat tertentu, seharusnya kita melihat dari sudut pengawalan dan juga penyeliaan serta penguasaan langsung pihak kerajaan kepada pihak syarikat-syarikat yang akan mengambil alih pusat-pusat jana kuasa tersebut. Ini kerana sekiranya pihak-pihak tertentu yang ingin sabotaj dalam sekelip mata sahaja dengan usaha-usaha yang tidak terkawal sudah pasti kita menghadapi satu krisis yang lebih besar pada masa hadapan.

Jadi, di atas cadangan dan peringatan itu saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bukit Bintang.

2.51 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan cadangan pindaan ke atas Akta Bekalan Elektrik Tahun 1990.

Saya mendapati pindaan yang dicadangkan adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Suruhanjaya Tenaga 2000 dan menjadi pelengkap akta tersebut dalam mengawal selia industri pembekalan elektrik. Harapan saya ialah cadangan pindaan ini akan membawa kepada peningkatan penguatkuasaan akta induk walaupun cadangan menaikkan amaun denda hukuman belum cukup untuk menyekat penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, industri bekalan elektrik negara kian bertambah. TNB berupaya menjana bekalan sebanyak 63% dan IPP sebanyak 37% bagi keperluan negara tidak termasuk Sabah dan Sarawak. Ini dapat memelihara keupayaan terpasang terkumpul bekalan elektrik tahun 200 sebanyak 14,100 megawatt dan semasa permintaan puncak sebanyak 10,673 megawatt diperlukan dan rizab margin yang disediakan 32.2%. Dalam tahun 2005, rizab margin dijangka bertambah 35.1%. Negara kita bemasib baik dan patut berterima kasih kepada syarikat-syarikat utiliti dan IPP kerana berjaya membekalkan bekalan elektrik yang cukup untuk negara walaupun permintaan akan bertambah pada masa depan.

Langkah kerajaan menghidupkan semula projek hidroelektrik Bakun 2400 megawatt dengan meletakkan Syarikat Hidro Sdn. Berhad sebagai agensi pelaksana. Akan tetapi mengapa syarikat Ekran masih diberi kepercayaan untuk meneruskan projek walhal sebelum ini ia telah gagal menyudahkan projek. Biasanya kerajaan tidak akan menawarkan tender kepada pembina yang gagal menyiapkan projek dengan mengambil langkah menyenaraihitamkan mereka tetapi mengapa syarikat ini diberi keistimewaan?

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kita sering menerima rungutan penduduk mengenai kelemahan syarikat pembekal elektrik TNB melaksanakan tugas mereka. Kita mungkin terlalu sibuk membangunkan kawasan baru dan luar bandar tetapi kita terlupa dengan kawasan lama yang sudah lama dibangunkan yang terabai.

Saya maksudkan ialah ada kawasan pusat bandar sering menghadapi masalah kekurangan bekalan elektrik seperti di kawasan China Town, pusat bandar berpunca bekalan elektrik ke kawasan tersebut tidak mencukupi sedangkan permintaan adalah tinggi dengan terbina beberapa hotel besar, pusat membeli belah, ruang pejabat dan kian bertambah di bawah pembangunan semula bandar. Pejabat saya sering menerima aduan para pekedai dan penduduk tentang bekalan elektrik yang sering terputus di kawasan mereka menyebabkan perniagaan terjejas dan penghidupan orang ramai terganggu. Memang aneh masalah yang sudah bertahun-tahun dibangkitkan oleh masyarakat peniaga dan firma-firma serta pejabat kawasan di Jalan Petaling, Jalan Sultan, Jalan Tun H.S. Lee dan sebagainya tidak diberikan keutamaan.

Mereka mahu supaya satu penjana kecil yang baru dibina untuk menampung permintaan bekalan elektrik yang bertambah di situ tetapi saya tidak nampak apa-apa kemajuan yang dicapai. TNB harus faham bila di sesuatu kawasan sering membuat aduan bekalan terputus dalam tempoh tertentu, perkara ini hendaklah diketengahkan dan dicari jalan penyelesaiannya. Mengapa bangunan baru Star City atau Times Square, Jalan Imbi sudah disiapkan lebih awal bangunan pencawang elektrik yang baru untuk kegunaan mereka. Mengapa kawasan pusat bandar yang mempunyai bangunan tinggi diabaikan meneruskan bekalan elektrik ke kawasan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak TNB dapat meletakkan keutamaan perkara ini untuk meningkatkan bekalan elektrik ke kawasan pusat bandar Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga bekalan elektrik ke kawasan rumah pangsa dalam Bandaraya Kuala Lumpur yang sering terganggu atas punca yang sama seperti

di kawasan Jalan Hang Tuah dan Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur perlu diberikan perhatian berat. Walaupun aduan-aduan dibuat untuk meningkatkan bekalan tetapi masih belum dipulihkan sepenuhnya kerana di Bandaraya Kuala Lumpur selain TNB sendiri, pihak DBKL pun bertanggung-jawab dalam soal bekalan elektrik. Contohnya, lampu jalan ada tiang batu diurus oleh TNB manakala tiang zing pula diurus oleh DBKL. Kerja mereka yang tidak selaras sering mencelaruhan orang ramai untuk membuat aduan. Bukan itu sahaja, aduan-aduan yang dibuat sering mengambil masa yang lama untuk diperbaiki meski pun bulb lampu jalan terbakar. Sepatutnya aduan-aduan yang berlaku dalam bandar raya perlu tindakan segera, bukan memakan masa berhari-hari lamanya.

Perkara ini saya timbulkan adalah kerana jika bekalan terputus, pemiagaan terjejas, barang-barang makanan mudah rosak tidak dapat bertahan lama, rugi kepada pekedai dan penduduk-penduduk sendiri, juga barang elektrik menjadi rosak dan memerlukan wang untuk digantikan baru. Pernah berlaku tuntutan kepada DBKL supaya mengganti barang-barang elektrik yang rosak akibat terbakar kerana masalah bekalan, memakan masa yang lama untuk dibayar ganti rugi. Yang paling menyusahkan orang ramai ialah lif rumah pangsa tidak berfungsi. Ini mengakibatkan mereka terpaksa menggunakan anak tangga untuk turun naik. Bayangkan jika anda tinggal di tingkat 16 atau 17, kes-kes kecemasan seperti orang sakit.

Di samping itu, bahagian pemeriksaan elektrik gagal melaksanakan tugas-tugas memeriksa pendawaian elektrik yang sudah lama di kedai-kedai, rumah-rumah dan rumah pangsa dan bangunan berbilang tingkat, mereka jarang memeriksa bangunan. Jika tidak percaya tanya penghuni atau pemilik rumah dan kedai yang datang setiap bulan ialah bil elektrik yang perlu dibayar. Sepatutnya mereka mempunyai jadual tersusun untuk memeriksa premis bangunan lama diduduki bagi memastikan pendawaian elektrik yang dipasang. Banyak kes litar pintas berlaku adalah kerana pengabaian TNB, pemeriksa elektrik jabatan bekalan dan orang ramai sendiri. Banyak kes litar pintas berlaku yang mengorbankan rumah terbakar atas kesilapan manusia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh peruntukan yang dicadangkan untuk pindaan.

Yang pertama, Fasal 19 untuk memasukkan seksyen baru 26A yang memperuntukkan seorang pemegang lesen seperti TNB mengenakan surcaj ke atas pengguna yang lewat membayar bil elektrik bulanan mereka. Saya ingin mencadangkannya kerana TNB tidak patut mengenakan levi atau surcaj atas bil yang lewat dibayar. Pada masa sekarang surcaj 1% dikenakan ke atas bil sedemikian walaupun kelewatan hanya seminggu sahaja, ini tidak adil kerana walaupun lewat dibayar TNB boleh mengenakan caj sambung bekalan jika bekalan elektrik diberhentikan akibat tidak dibayar dalam tempoh tertentu.

Segala kutipan caj yang dikenakan sebelum berkuat kuasa rang undang-undang ini yang selama dikutip oleh TNB. Saya ingin bertanya adakah sah para pengguna telah membayar surcaj ke atas bil lewat dibayar selama tanpa ada penguat kuasa undang-undang terlebih dahulu. Ini tidak wajar dan keterlaluan, TNB hendaklah memulangkan semula surcaj sedemikian yang dikenakan selama ini kerana para pengguna tidak membantah.

Berhubung dengan fasal 29 bagi meminda Seksyen 38(1A) yang memberi kuasa kepada polis memohon bekalan dipotong bagi tempoh sebulan ke atas premis yang melanggar seksyen 21A Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 yang menjadikan premis sebagai operasi mesin judi. Saya berharap pihak berkuasa terbabit melaksanakan tugas ini dengan tegas bagi mencegah kemunculan semula premis yang menjalankan kegiatan mesin judi yang melibatkan kanak-kanak bawah umur. Apa yang berlaku sebelum ini apabila mesin judi disita dan dibinasakan, pengusaha akan memulakan semula bisnes mereka dengan membeli mesin baru kerana bekalan elektrik tidak dipotong. Peruntukan ini membolehkan bekalan elektrik ke premis dipotong serta merta dengan keizinan TNB tanpa menunggu masa yang lama. Walau bagaimanapun, saya bimbang pengusaha bisnes cyber café yang menjalankan kegiatan komputer judi boleh terkecuali dari tindakan kerana Akta Rumah Perjudian Terbuka tidak memperuntukkan dengan jelas cyber café yang mana komputer mereka untuk tujuan Internet walaupun boleh disalah guna untuk tujuan game.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga Pengerusi Suruhanjaya Tenaga yang diberikan kuasa untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan kepada had lima puluh peratus daripada denda maksimum dengan kebenaran pendakwa raya. Saya harap hukuman ini menjadikan pesalah serik dengan amalan buruk mereka yang tidak meletakkan nyawa manusia sebagai taruhan untuk mengejar keuntungan terutama barang-barang elektrik yang dijual kepada orang ramai tidak menurut piawaian yang ditetapkan. Dalam pasaran terdapat barang asli dan barang tiruan tetapi memakai kelulusan piawaian Malaysia yang sama dan tidak menimbulkan kekeliruan orang ramai. Hanya pegawai pemeriksaan elektrik sahaja yang dapat mengenalnya. Begitu juga amalan mencuri line TNB yang dibiarkan berlaku baik premis tetap dan sementara seperti rumah setinggian hendaklah diberhentikan kerana membahayakan keselamatan orang ramai. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jelutong.

3.03 ptg.

Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas rang undang-undang untuk meminda Akta Bekalan Elektrik 1990.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak bangkitkan empat perkara sahaja berkaitan dengan rang undang-undang ini. Yang pertama adalah berkaitan dengan fasal 7 yang meminda seksyen 4 berhubung dengan penggalakan penggunaan elektrik dengan cekap sebagai fungsi tambahan Suruhanjaya Tenaga. Dalam segi ini saya harap kementerian dapat memberitahu Dewan yang mulia ini jikalau jumlah keperluan elektrik Sarawak adalah 800 megawatt dan boleh ditampung oleh fasiliti penjanaan elektrik yang sedia ada, apakah rasional untuk membina Empangan Bakun yang akan menjana tiga kali keperluan sekarang atau 2,400 megawatt lagi dengan perbelanjaan RM9.12 bilion. Siapakah pengguna-pengguna yang telah disasarkan oleh projek Bakun ini. Saya juga harap kementerian dapat menerangkan apakah yang kita telah belajar dari terputusnya bekalan elektrik di California pada Disember tahun lalu dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengelakkan California *outage* ini dari berlaku di Malaysia.

Mengikut pengetahuan saya kejadian California *outage* ini berlaku kerana penjanaan elektrik yang telah diswastakan kepada syarikat awam tetapi tidak dapat membekalkan elektrik yang secukupnya kepada pengedar elektrik di California. Memandangkan kita juga menswastakan penjanaan elektrik di Malaysia kepada IPP (Independent Power Producers) bagaimana kementerian dapat memastikan IPP ini dapat memenuhi keperluan-keperluan elektrik negara supaya kejadian California *outage* ini tidak berlaku di Malaysia. Saya juga harap kementerian dapat menerangkan memandangkan insiden California *outage* ini adakah kementerian atau Suruhanjaya Tenaga mengambil langkah untuk mengkaji semula proses penswastakan industri penjanaan elektrik di negara ini.

Satu lagi perkara berkaitan dengan kawal selia sektor tenaga adalah berkaitan dengan letupan di substation. Dalam dua bulan yang lepas kawasan saya telah berlaku dua letupan substation yang menyebabkan *blackout* bagi sebahagian kawasan saya. Pada masa yang sama mengikut laporan pejabat Bomba dan Penyelamat, kebakaran yang berpunca dari litar pintas (*short-circuit*) adalah punca kebakaran yang paling tinggi sekali iaitu 680 kes bagi tahun 1999 dan tahun 2000 masing-masing. Apakah sebab-sebab letupan substation ini dan apakah langkah-langkah kementerian untuk mencegah atau mengurangkan kebakaran berpunca dari litar pintas (*short-circuit*).

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua adalah berkaitan dengan fasal 21 memasukkan seksyen baru 28 yang menghendaki TNB membayar faedah ke atas wang cagaran yang telah dibuat dengan TNB. Ini adalah satu cadangan yang baik tetapi saya harap kementerian dapat memberitahu apakah kadar bunga yang akan dibayar dan apakah kriteria untuk menentukan kaedah faedah ini. Saya juga harap kementerian dapat memberitahu sama ada wang cagaran ini dapat digantikan dengan jaminan bank (*bank guarantee*). Ini adalah kerana bagi pengguna elektrik yang besar seperti pengilang-pengilang, wang cagaran merupakan satu amaun yang besar dan boleh digunakan dengan lebih produktif lagi.

Perkara yang ketiga adalah berkaitan dengan fasal 19 yang memasukkan seksyen baru 26A ke dalam akta ini. Seksyen ini akan memberi kuasa kepada

pemegang lesen untuk mengenakan surcaj kepada pengguna bagi pembayaran lewat bil elektrik mereka.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini hanya akan mula berkuat kuasa daripada tarikh yang ditetapkan selepas diwartakan. Tetapi setahu saya pengguna-pengguna elektrik telah dikenakan surcaj sejak tahun 2000. Adakah tindakan ini salah di sisi undang-undang dan adakah TNB bercadang untuk membayar balik surcaj yang telah salah dikutip. [Tepuk].

Yang akhir sekali adalah berkaitan dengan fasal 29 yang memberi kuasa kepada polis untuk memotong bekalan elektrik ke mana-mana premis yang disyaki digunakan untuk perjudian. Walaupun saya mengalu-alukan langkah ini untuk mencegah perjudian saya harap satu mekanisme rayuan yang cekap dan murah dapat diadakan supaya pengguna-pengguna dapat merayu atas tindakan polis ini. Ini adalah penting kerana memotong bekalan elektrik merupakan satu tindakan yang drastik dan satu mekanisme rayuan yang efisien adalah penting supaya kuasa ini tidak disalahgunakan. Itu sahaja perkara-perkara yang saya hendak bangkitkan dan saya berharap Kementerian berkenaan dapat mengambil tindakan sewajarnya. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Jeli, selepas itu Arau, kemudian Kementerian akan menjawab.

3.03 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan sekalian.

Antara tujuan dibuat pindaan kepada akta ini adalah salah satunya hendak mewujudkan suruhanjaya. Biasanya bila mana mana-bisnes ataupun perniagaan dan entiti kerajaan pada asalnya yang menggunakan ketua pengarah sebagai ketua eksekutif apabila dikorporatkan dan diswastakan maka akan diwujudkan jawatan suruhanjaya. Kita melihat bahawa diwujudkan suruhanjaya ini adalah untuk menjaga kepentingan. Bukan hanya menjaga kepentingan pihak yang mengendalikan perniagaan tetapi juga untuk menjaga kepentingan awam orang ramai. Sebab itu suruhanjaya ini seboleh-bolehnya saya memohon kepada pihak Kementerian dan kerajaan dipilih mereka yang benar-benar berkecuali tanpa ada *inclination* dengan izin, dengan mana-mana parti politik, tetapi biarlah ia benar-benar sebagai hakim yang adil dari sudut hendak menjaga kepentingan bukan hanya peniaga, bukan hanya pengendali kepada janakuasa dan juga pengeluar tenaga tetapi juga rakyat umum.

Sebab itu kita lihat, Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan sekalian, apa yang saya hendak fokuskan pada petang ini ialah kepada pindaan seksyen 4 Akta 447 seperti mana yang telah dibacakan oleh teman saya daripada Jelutong yakni penggalakan penggunaan elektrik yang cekap sebagai fungsi tambahan suruhanjaya. Sehubungan dengan itu, saya ingin merujuk kepada Firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Furqan yang berbunyi [Membacakan sepotong ayat al-Quran] yang bermaksud "Orang-orang yang baik ialah bila mana mereka berbelanja mereka tidak boros dan mereka tidak kedekut dan mereka adalah pertengahan di antara kedua-duanya".

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rompin bangun ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih adinda. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Bila sesuatu suruhanjaya atau selepas jabatan kerajaan itu dikorporatkan, diswastakan, ditubuhkan satu suruhanjaya supaya dapat mengawasi pertumbuhan dan pembangunan sektor itu dan sewajarnya di komposisi suruhanjaya itu sudah semestinya mereka yang mempunyai kepakaran dan juga dari segi latar belakang mereka itu boleh dihormati oleh masyarakat.

Saya hendak bertanya, selain daripada isu yang dikatakan ada kepentingan politik tetapi adakah lebih penting supaya tidak ada kepentingan dalam sektor itu sendiri. Kalau satu suruhanjaya itu mengawasi sektor IT, telekom atau, *energy*, saya rasa dewasa ini, orang ramai melihat supaya mereka yang terlibat dalam mengawasi sektor itu supaya dia sendiri tidak ada kepentingan dalam sektor itu.

Saya rasa perbincangan ini dalam negara, rakyat yang mahu mendengar tentang isu ini. Saya hendak bertanya, tadi Yang Berhormat kata supaya wakil komposisi suruhanjaya itu jangan ada kepentingan politik. Itu boleh dibahaskan tetapi

saya rasa yang umum, semua boleh bersetuju, saya rasa, supaya mereka yang duduk dalam suruhanjaya itu tidak ada kepentingan dalam sektor itu. Itu saya rasa juga satu matlamat atau kehendak rakyat, saya kira. Saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih atas sebahagiannya cadangan, sebahagiannya memohon kepada jawapan. Yang sebenarnya, kita mahukan kedua-duanya sekali. Satu yang arif, yang mahir dalam bidang yang ditugaskan dan diamanahkan kepada beliau untuk memegangnya, untuk menganggotainya dan satu lagi kalau boleh - kalau tidak ada pilihan, melainkan sudah tidak ada pilihan, tetapi saya rasa di Malaysia ini banyak pilihan - biarlah mereka ini yang berkecuali dari sudut *inclination* politiknya.

Jadi, dengan itu saya ingin meneruskan kepada perbahasan saya pada petang ini, Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat bahawa fokus yang saya hendak tujukan pada petang ini ialah penggunaan elektrik yang cekap. Jadi, saya seawal-awal pada tahun 1995 dan 1996, oleh kerana saya seringkali berbincang dengan Pengerusi pertama TNB selepas diswastakan, beliau sentiasa merungut tentang satu *lop-sided agreement*, dengan izin, yang sekarang cuba dibetulkan oleh Pengerusi yang ada sekarang, syabas. Hal itu, syabas.

Bagaimana kita hendak, bagaimana kita bercita-cita untuk digunakan elektrik secara cekap sekiranya perjanjian antara Tenaga Nasional Berhad dengan pengeluar-pengeluar (*independent power producer*) sudah *lop-sided*, berat sebelah di mana di dalam perjanjian itu yang akan mengambil masa 15 tahun lebih kurang telah terang-terang menyatakan mana-mana kuasa yang dikeluarkan oleh *independent power producer* wajib dibeli oleh Tenaga Nasional Berhad tanpa mengira kemungkinan pada ketika itu. Pada ketika itu banyak kilang yang ditutup sepertimana yang berlaku sekarang ini.

Kilang-kilang yang ditutup bukan kilang-kilang caca merba, bukan kilang-kilang kecil tetapi kilang-kilang bersaiz gergasi yang mana kilang-kilang inilah yang banyak menggunakan tenaga elektrik. Cuba bayangkan pada waktu permintaan elektrik daripada Tenaga Nasional kecil ataupun mengurang, tiba-tiba Tenaga Nasional telah dipaksa untuk menerima semua tenaga yang dikeluarkan oleh *independent power producer*.

Sebab itu saya melihat bahawa kalau kita melihat satu *pattern*, kalau kita melihat satu *trend*, umpamanya, bilamana kerajaan hendak menswastakan sektor, umpamanya, saya lari sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Umpamanya kerajaan hendak menswastakan seksyen ataupun *department* mengeluarkan *road tax* kereta di mana diriuhan lesen-lesen terbang dan sebagainya, yang hari ini kita tidak tahu setakat manakah pendakwaan yang dibuat oleh mereka yang terlibat dengan lesen terbang yang mengatakan beribu-beribu, sampai satu ketika dipaksa semua orang mesti hantar balik lesen-lesen walaupun lesen itu lesen yang sah.

Tetapi sekarang kita lihat apa keadaannya, sejuk. Kerana apa? Fokus dan *trend* kerajaan ialah untuk menswastakan *department* yang tidak ada pesaing, tidak ada lawan yang pasti mendatangkan keuntungan. Sepertimana juga *independent power producer* yang tidak ada saingan, yang kalau siapa dapat lesen yang diberikan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri di bawah Jabatan Perdana Menteri, secara automatik orang itu akan mendapat keuntungan yang besar. Secara automatik. Sebab itu mereka boleh menggunakan IPP mereka ini untuk mencagarkan kepada apa jua jenis bidang-bidang perniagaan yang lain.

Sebab itu saya memohon kalau boleh dengan kemungkinan ada sedikit *political clout* Pengerusi yang ada sekarang ini. Kalau mungkin dahulunya tidak ada *political clout*, kekuatan politik, mungkin yang ada sekarang ini Ketua *Backbencher* Kerajaan sepatutnya mengkaji semula perjanjian yang sedia ada sekiranya ada *loophole* supaya rakyat atau pengguna boleh diberikan tenaga yang lebih murah berdasarkan kepada keadaan semasa kerana kita bimbang....

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, sila.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Adakah Yang Berhormat setuju dengan pandangan saya bahawa kalau dalam kes

royalti minyak Terengganu boleh ditukarkan menjadi duit ihsan, sedangkan melibatkan kepentingan ramai masyarakat tetapi dalam kes perjanjian antara pihak kerajaan dengan IPP ini, hanya melibatkan satu dua individu tertentu.

Apakah Yang Berhormat setuju bahawa nampak semacam kerajaan terlalu lemah dan takut berhadapan dengan satu-dua *figures* tertentu atau ada kemungkinan lain di sebalik itu? Terima kasih,.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu. Kita lihat umpamanya *trend*, kita mesti melihat *trend* bagaimana timbul ura-ura untuk tenaga ini diberikan kepada pihak swasta di mana berlaku insiden *function* kerajaan besar-besaran. Pertama di Pulau Pinang dan kedua di Langkawi di mana berlaku satu *blackout* yang besar dan akhbar telah memainkan peranan mereka untuk membesar-besarkan isu ini, walhal sebelum itu pernah berlaku perkara seperti ini.

Walhal kalau tidak ada *independent power producer*, saya rasa TNB dapat menyelesaikan sekiranya mereka *upgrade*, dengan izin, janakuasa-janakuasa mereka yang ada, umpamanya di Kapar, di Paka dan sebagainya tetapi kita lihat bahawa seolah-olah sudah dilihat bahawa satu keuntungan yang besar di dalam pemiagaan tersebut. Apabila dilihat satu pemiagaan yang besar, keuntungan yang besar, tanpa memikirkan bahawa TNB ini adalah hak milik kita semua kerana TNB adalah hak milik negara, maka secara tidak langsung, TNB adalah hak milik kita semua.

Kenapa kita boleh mengizinkan keuntungan pada satu dua kerat manusia, sedangkan tidak memikirkan keuntungan kita semua, yang juga keuntungan Pengerusi TNB sekarang, yang juga kepentingan Tuan Yang di-Pertua, yang juga kepentingan saya? Sepatutnya kita mesti melihat kepentingan 22 juta rakyat, bukan hanya memikirkan satu dua kerat manusia. Tetapi saya jelaskan di sini, yang mendapat lesen untuk mengoperasi *independent power producer* ini, apa pengalaman beliau sebelum itu?

YTL, semua sudah tahu, ia hanya sektor pembinaan, tidak terlibat dengan sektor kuasa, tetapi kenapa diberi kepada YTL? Adakah kerana YTL begitu istimewa sehingga terpaksa diberi kepada YTL? Walaupun ada diberi dan YTL ini mendapat satu rahmat yang cukup besar kerana tapak yang YTL dapat ini adalah tapak yang cukup baik, bersebelahan dengan stesen janakuasa TNB sedia ada di Paka yang hanya perlu membuat sedikit *levelling* sahaja. Membuat sedikit *levelling* sahaja, sudah terus boleh menjanakan kuasa.

Begitu juga di Pasir Gudang, tetapi untuk operator-operator lain adalah sukar, terpaksa melibatkan tebang kawasan dan sebagainya. Sebab itu saya merasakan adalah sangat sesuai kalau kita hendak memastikan bahawa akta ini benar-benar berkesan, maka di bawah pimpinan Pengerusi TNB yang baru, kita memohon menggunakan segala desakan dan kami, Barisan Alternatif, bila-bila masa boleh bersama untuk memastikan bahawa harga yang dipersetujui hendaklah dikurangkan dan biarlah mengikut apa yang telah dicadangkan oleh Pengerusi TNB yang baru yakni TNB hanya akan membeli bila mana perlu dan harganya adalah harga yang lebih sesuai; kerana kita bimbang sekarang ini, sekiranya harga sepertimana yang diwar-warkan oleh Pengerusi TNB juga, beberapa kali telah cuba mencadangkan untuk kos ini dinaikkan. Beberapa kali, cuma pada waktu itu mungkin situasi politik tidak mengizinkan, maka cadangan tersebut masih dibekukan buat sementara waktu tetapi sampai bila?

Kalau MAS pun selepas kepentingan Tajuddin dan kepentingan bekas Menteri Kewangan sudah tidak ada sekarang MAS diizinkan untuk menaikkan kos tambang domestik sama ada dalam Semenanjung dan juga ke Sabah dan Sarawak. Tetapi Tenaga juga cuma menunggu masa sedangkan kita melihat sekarang pelabur-pelabur sudah secara grouping sudah keluar daripada kawasan Asia Tenggara. Mereka berduyun-duyun pergi ke Cina, jadi apa lagi insentif yang kita boleh beri kepada mereka untuk terus kekal di dalam negara kita. Kalau tidak kita memberikan kos tenaga yang murah kerana kita dari sudut kos buruh kita tidak mampu untuk bersaing dengan negara Cina. Sebab itu saya merasakan demi kepentingan negara pada masa hadapan kos tenaga yang mana di mana syarikat-syarikat besar ini menggunakan tenaga yang banyak maka kita untuk menarik balik mereka supaya mereka terus kekal di dalam negara kita maka kita pastikan bahawa kos tenaga boleh ditawarkan dengan harga yang lebih murah. Sebab itu saya agak terkilan bila mana di dalam budget yang baru

yang akan dibentangkan pada mesyuarat ini masih lagi kerajaan memperuntukkan RM100 juta kepada pembinaan Empangan Bakun.

Terus terang saya menceritakan di sini bahawa Empangan Bakun satu projek yang bersaiz gergasi yang mana pada awalnya, kosnya dijangkakan lebih daripada RM12,000 juta dan melibatkan tanah lebih daripada 20,000 hektar kalau tidak silap saya, di mana yang mendukacitakan saya sampaikan kepada peringkat jalan untuk sampai ke tempat di Bakun tersebut dibina oleh kerajaan. Jalan untuk sampai ke Bakun dibina oleh kerajaan dan segala hutan-hutan belantara masih perawan kata Indonesia, masih muda diambil tanpa membuat pembayaran yang munasabah kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Pada waktu kegawatan baru-baru ini pihak Ekran Berhad mendapat bayaran RM800 juta secara tergesa-gesa.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya ini Tuan Yang di-Pertua hendak meminta penjelasan kepada adinda kita tentang isu IPP ini mungkin membantu Timbalan Menteri nanti bahawa adakah Yang Berhormat sedar dalam sesuatu industri yang baru diteroka atau diswastakan sudah semestinya pemain-pemain yang baru masuk kosnya tinggi pada ketika itu. Oleh kerana pada peringkat awalnya, misalnya YTL mengenakan 15 sen satu unit tetapi semua IPP yang baru hari ini satu lagi ditandatangani di hadapan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pagi tadi hanya 12 sen sahaja bukan 13 sen, bukan 15 sen three cent saving dengan izin. Bermakna dengan adanya pemain-pemain yang lebih ramai dapat kos di-rendahkan dan satu lagi saya berterima kasih kepada kerajaan bagi pihak TNB bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan pagi tadi bahawa semua pembangunannya IPP yang akan datang yang baru semuanya akan ditender. Tidak ada lagi yang akan timbul seperti Yang Berhormat katakan tadi bahawa dapat surat daripada EPU, that be the last, no more.

Yang Amat Berhormat sendiri mengumumkan pada hari ini atas saranan Tenaga Nasional bahawa untuk menjamin kos kepada Tenaga Nasional itu rendah supaya rendah kerana apa, supaya kita dapat mengelakkan daripada tindakan Tenaga Nasional untuk mengenakan tambahan tarif kepada orang ramai. Sebab Tenaga Nasional membuatkan satu dasar bahawa ada dua alasan sahaja untuk menaikkan tarif. Satu kalau ada kos penajaan itu naik, cost of production itu naik dengan izin. Yang kedua kalau Tenaga Nasional dapat membuktikan kepada pengguna-penggunanya ada nilai tambah yang baru, there's additional value kepada pengguna, dua sahaja. Kalau Tenaga Nasional tidak boleh meyakinkan kepada kerajaan dua perkara ini, kita merasakan kerajaan tidak perlu timbang untuk menaikkan kadar tarif dan Tenaga Nasional tidak akan memohon kalau Tenaga Nasional tidak dapat membuktikan bahawa kos penajaan itu naik oleh kerana katakan gas naik ataupun ada nilai tambah yang baru.

Saya merasakan bahawa orang ramai pengguna-pengguna akan bertanya kepada Tenaga Nasional untuk empat lampu, satu kipas, warna pun sama mengapa perlu mereka bayar tambahan yang lebih melainkan kalau kos penajaannya tinggi. Oleh itu, pada hari ini Tenaga Nasional, kita berterima kasih kepada kerajaan kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam satu seminar yang diadakan pagi tadi bahawa kerajaan telah mengumumkan semua pemberian IPP akan datang akan ditender dengan ini.....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Soalan, soalnya apa? Soalan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasanlah adakah Yang Berhormat sedar tentang pengumuman....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ini Menteri yang menjawab atau siapa yang menjawab ini?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab dia umum hari ini, Timbalan Perdana Menteri tidak ada di sana, sebab apa isu ini sudah diputuskan oleh kerajaan. Tidak perlulah kita gembur-gembur, sebab benda yang baik ini yang belah sana ini saya mula-mula kalaulah belah sana sanggup menerima yang baik saya katakan Barisan Alternatif tetapi kalau tidak boleh hendak menerima yang baik....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih atas soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Rompin. Jadi saya rasa sudah memadamkan soalan tersebut...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tanya adakah Yang Berhormat sedar

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tadi saya fikir Yang Berhormat

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah kedua-dua Yang Berhormat..

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya fikir soalan itu saya sudah ..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Jeli sudah. Sila teruskan.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Bagi Yang Berhormat bagi Jeli teruskan dahulu

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Oh! *[Ketawa]* Jadi saya merasakan inilah keadaannya. Sudah terhantuk baru mengaduh, sudah kena pukul baru tahu sakit. *[Tepuk]* Sepatutnya dahulu orang sudah beritahu, kenapa dahulu orang beritahu tidak hendak terima, sekarang sudah teruk sudah. Sudah TNB terpaksa berhutang sampai RM27,000 juta barulah hendak sedar mana boleh macam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya sila.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat bagi Jeli dan juga Rompin tadi. Kita amat mengalu-alukan IPP akan datang kena tender. Sudah berapa puluh tidak ditender tetapi kalau kita ikut statistik dan fakta hanya pada tahun 2010 barulah kita memerlukan IPP baru. Jadi, kalau 10 tahun lagi baru hendak tender yang sudah 10 tahun tidak ditender tak acilah macam itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang kedua saya hendak mendapat kepastian daripada Yang Berhormat bagi Jeli, tadi Yang Berhormat bagi Rompin telah menyebut perjanjian baru purchasing power di antara TNB dengan IPP iaitu pada kadar 12 sen. Pagi tadi pun saya ada sebut 12 sen, dahulu 15 sen. Yang saya hendak tahu daripada Yang Berhormat bagi Jeli adakah tidak kita perlu mendesak TNB dan juga kerajaan mengkaji semua kadar yang dibeli oleh TNB daripada IPP yang lepas. Walaupun agreement telah ditandatangani pada masa lalu tetapi saya rasa kita boleh review dan semua bekalan elektrik IPP mestilah pada kadar 12 sen dan insya-Allah TNB kena turunkan tarif itu untuk rakyat jelata. Sudah berapa lama rakyat jelata ini dikenakan kadar yang tinggi semata-mata kerana IPP membekalkan elektrik pada kadar yang tinggi kepada TNB dan TNB lemah. Dia tidak ada pasukan yang kuat untuk berunding dengan IPP pada waktu itu.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Persoalannya 60% daripada kos operasi TNB adalah kerana membeli tenaga daripada IPP. Jadi hanya 40% lagi daripada sektor transmission, bayaran pekerja. Jadi 60%, cuba bayangkan, sebab ini satu kos yang terlalu tinggi yang terpaksa ditanggung oleh TNB. TNB itu kita semua.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak beri jalan, tidak beri jalan. Dua kali sudah saya beri.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ha! beri-beri.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan. Kesahihan data. Yang Berhormat bagi Jeli kepakaran dia memang dalam bidang profesional tetapi saya bimbang data yang digunakan ini, mungkin data 10 tahun yang dahulu, data yang sekarang tidak begitu. Mungkin selepas ini saya boleh maklumkan kepada Yang Berhormat. Kalau saya beri data yang baru Yang Berhormat kata suruh Timbalan Menteri pula. Saya hendak bertanya kesahihan data, yang sebenarnya 30% sahaja bukan 60%.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jadi, makna sekarang surat-surat khabar kena betulkan maklumat ini kerana saya membaca ini berdasar kepada report-report dalam akhbar. Kalau begitu akhbar yang bersalah.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun lagi itu.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih. Kalau berdasarkan data-data yang ada, kalau berdasarkan Power Plant yang dikeluarkan di kawasan Kerteh, YTL Power Plant yang mengeluarkan 800 Megawatt

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Maknanya kalau ikut berdasarkan daripada jualan setiap hari kepada TNB bernilai lebih kurang RM2.9 juta sehari dan kosnya lebih kurang RM1.5 juta. Maknanya YTL untung bersih, ini berdasarkan kos yang dibuat oleh Tenaga Nasional. Jadi maknanya YTL untung sehari RM1.4 juta. Sebulan dia boleh untung lebih kurang RM43 juta dan setahun lebih kurang RM518 juta. Operasinya sudah lebih lima tahun maknanya dalam masa lima tahun...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, persoalannya Yang Berhormat, sudah panjang, persoalannya Yang Berhormat.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tidak, sekejap. Ini hendak terangkan fakta. Jadi maknanya satu plant sahaja YTL dia dapat untung lebih kurang RM2.6 billion, dia ada dua plant. Satu lagi di Pasir Gudang yang mempunyai kapasiti yang sama. Maknanya dalam masa satu tahun, YTL Power Plant ini dapat untung lebih kurang RM1 bilion satu tahun. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bahawa fakta-fakta ini menunjukkan yang mengatakannya bahawa kos daripada IPP ini merugikan Tenaga Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila, sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Saya ada satu nota di sini; *Barely said Tenaga spend 60% of the cost.* Kalau yang baru, minta dihantar kepada saya. Jadi sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, dan juga ahli-ahli Dewan sekalian, sekarang ini kita memohon kerana kita perhatikan bahawa kita tidak mahu TNB terperangkap dengan IPP. Kalau sebegitu banyak tenaga yang akan disalurkan oleh TNB terpaksa dibeli daripada IPP maka saya rasa adalah tidak kena bila mana TNB menjual Stesen Janakuasa Sultan Salahuddin di Kapar kepada satu lagi kroni baru. Ini tidak kena. Sepatutnya itulah satu *emotional*. Sepatutnya TNB ada *sentimental value* kepada stesen janakuasa di Kapar kerana kalau TNB boleh upgrade stesen janakuasa di Kapar itu sehingga boleh mengurangkan peluang TNB daripada membeli daripada IPP-IPP kerana kita tahu bahawa kosnya tinggi, lebih baik dan lebih wajar sekiranya berlaku sesuatu perkara umpamanya IPP-IPP ini berpakat buat hal dengan TNB, apa jadi? Maka seluruh negara, sebahagian besar negara akan berlaku *black-out*. Jadi TNB ini dia kena ada *reserve* dia, sepatut dirizab supaya tidak dipertandingkan. Saya bimbang kerana benda ini pernah berlaku di tempat-tempat lain.

Sebab itu kebimbangan saya juga adalah kebimbangan daripada Jelutong, umpamanya tadi. Kenapa kita perlu berbelanja sampai RM8 bilion sekarang ini kerana *transmission underground cable* daripada Sabah dan Sarawak tidak dibina ke Semenanjung. Walhal kalau daripada mengikut laporan dan komen daripada Pengerusi TNB, jelas mengatakan bahawa dalam keadaan semasa TNB selesa untuk membuat perjanjian berdasarkan kepada kehendak TNB pada ketika ini. Umpamanya kita beli mengikut harga TNB dan juga penggunaan pembelian tenaga juga, *volume* nya juga mengikut kehendak TNB. Itu adalah satu tindakan yang baik. Sebab itu sekarang ini di bawah pimpinan Pengerusi baru yang juga seorang ahli politik, saya rasa ini boleh dimainkan. Saya mohon supaya Pengerusi baru benar-benar berperanan supaya kos yang dibeli daripada YTL dan Malakoff boleh dikurangkan mengikut kadar sepertimana yang dibeli dengan lain-lainnya.

Di samping itu saya memohon supaya tindakan untuk membina lagi, menyambung pembinaan Bakun, biarlah kerajaan merenung sekejap, fikir lima minit, kalau tidak cukup lima minit, sepuluh minit fikir betul-betul adakah RM8 bilion ini memadai atau tidak pulangan yang bakal diperolehi dengan pembiayaan Bakun

sehinggakan bukan sahaja Malaysia, dunia melihat bahawa ini satu benda yang masih tidak relevan, mengambil pinjaman perkataan...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin berdiri, hendak bagi?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sudah banyak ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, terpulanglah, hendak bagi, bagi, tidak bagi, cakap tak bagi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sudah berapa? Tiga?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau Yang Berhormat ahli demokrat, seorang terpelajar, bila ada satu *discourse*, macam begini yang *intellectual*, kita sambut, kita patutnya bekerjasama, berkongsi pendapat sebab Tumpat begitu juga dahulu semasa IKD tetapi semenjak dia masuk sebelah barisan tiruan ini, lain sedikit lagu dan iramanya [Ketawa]

Isu Bakun saya minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Bakun ini hanya 2400 Megawatt. Di negeri China, Bakun 24,000 sepuluh kali ganda besarnya yang pertama. Di South America, 'Ethapu' 60,000 tiga puluh kali ganda. Di dalam menjana suatu kuasa, tiga unsur yang penting. Yang paling murah air, yang kedua arang batu, yang ketiga gas. Air 3 atau 4 sen sahaja kalau dijana dengan murah. Sebab itu di Sabah dan Sarawak, untuk masyarakat Sabah dan Sarawak, Bakun ini amat penting untuk mereka. Ini saya rasa keputusan berani kerajaan bahawa kalau Bakun itu adalah untuk rakyat Sabah [Tepuk] Mengapa rakyat Sabah dibuatkan satu beban yang berat kepada mereka sehingga mereka terpaksa membayar 26 sen, kita 23 sen. Yang boleh menyelamatkan mereka tidak ada cara lain, ialah cara kita membangunkan Bakun, 2,400 sahaja dan 2,400 megawatt sama sahaja dengan penjana arang batu Jana Manjung 8 bilion. Di Jana Manjung tahannya 40 tahun, hidro 100 tahun harganya. Bermakna kalau kerajaan mahu menyokong supaya rakyat Malaysia di sana mendapat satu pembelaan yang sama seperti kita, kita mesti menyokong Bakun ini sebagai Borneo Solution. Ini penting sekali sebab saya dengar ADIL pun ada calon dia di pilihan raya kecil tetapi namun demikian calonnya datang, bendera datang kemudian, saya difahamkan. [Ketawa]

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sekarang ini persoalannya lebih kuasa dan tenaga di Sabah dan Sarawak adalah 30%. Kalau lebih sudah 30%, mengapa kita perlu menambahkan 2,400 sedangkan seperti mana maklumat yang diberikan oleh Jelutong, Sabah dan Sarawak hanya memerlukan 800, kenapa kita pergi sampai 2,400. Jadi sekarang ini adalah pembaziran.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rompin berdiri lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Boleh sekalilah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Inilah pembaziran yang berlaku, jadi kita tidak setuju dengan pembaziran.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, hendak bagi? Yang Berhormat Rompin berdiri sekali lagi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Umpamanya sekarang ini, kita buat satu perbandingan. Kalau kita ada wang RM5,000, kenapa kita perlu membuat rumah RM5 juta, cukup kita membuat rumah RM100,000. Kalau kita ada wang RM5,000....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payahlah Yang Berhormat, perkara ini saya ingat keluar, cukuplah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Kalau kita ada wang RM5,000 hendak buat rumah setengah juta, ini tidak kena pada waktunya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, ya Jeli, hendak bagi Rompin? Dia berdiri begitu susahlah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya memikirkan bahawa waktunya belum sampai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jeli, Jeli, hendak bagi atau tidak bagi? Ha, dia tidak bagi Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kata Jeli ahli demokrat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Rompin, sila duduk.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Waktunya belum sampai untuk kita melaksanakan dan membina Empangan Bakun kerana

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cuba duduklah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Belum sampai kerana sudah ada lebihan kuasa, lebihan tenaga di sana. Sebab itu kita melihat bahawa banyak komen-komen daripada

Tuan Robert Lau Hoi Chew: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sibū berdiri Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:...daripada alam sekitar, bukan hanya di dalam negara kita bahkan di tempat-tempat lain juga tidak bersetuju, bukan mereka iri hati tetapi kerana kesan impak kepada alam sekitar itu sendiri.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Jeli, Jeli.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tiga orang berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Sibū.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sibū, Sibū.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sibū bagi pada Rompin tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sibū, Sibū.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Rompin atau Sibū?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sibū, Yang Berhormat Rompin, Sibū. Sila.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Yang Berhormat bagi Jeli, kamu tahu ya, *[Ketawa]* negeri Sarawak dan Sabah, pembangunan industri akan terbang kerana itu, kami perlu guna banyak tenaga elektrik. Tolonglah, tolonglah jangan ganggu *[Ketawa]*. Ini kerajaan Barisan Nasional hendak membina kepentingan rakyat, ini luar negeri Kelantan. Saya difahamkan ahli-ahli dari PAS sekarang sudah kacau di Sarawak. Kalau saya kata ini jangan bina Bakun, saya fikir, ini tidak akan diterima oleh rakyat Sarawak dan Sabah. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah jawab. Dia merayu sahaja. Masuk perkara lain Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Ketawa]* Tidak apa, saya tolong. Sekarang ini kita lihat, kita kena faham di dalam Dewan yang mulia ini, satu-satu perkara itu bila sampai pada waktu dia, okay, kita faham, ini analogi dia senang. Umpamanya kemampuan kita setakat ini berapa? Kita kena lihat berapa hutang luar negara sekarang. Hutang luar negara sekarang lebih daripada USD42,000 juta sedangkan rizab kita hanya USD26,000 juta, sudah turun daripada USD30,000 juta. Dalam masa satu tahun, USD6,000 juta sudah tidak ada.

Sebab itu kita mesti memikirkan bahawa pertahanan rizab kita tidak kukuh, tidak kuat, bahkan saya terkejut bila membaca banyak jurnal antarabangsa, mereka meramalkan bahawa dalam keadaan kita masih hendak mempertahankan Ringgit kita pada kadar RM3.80 satu dollar, kemungkinan dalam waktu yang terdekat bahawa rizab kita mungkin boleh turun sampai 20,000 juta dolar. Ini membimbangkan dan pada waktu itu, kita sudah tidak ada kekuatan untuk mempertahankan ringgit kita pada kadar RM3.80.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat. Lain sudah pergi itu.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sebab itu, saya merasakan bahawa.....[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Balik asal, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sebab itu, saya merasakan bahawa sekarang ini.....[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak cakap itu, satu jam pun tidak habis.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tujuan suruhanjaya ini ialah - marilah kita dengan hati yang terbuka demi masa depan negara supaya melihat - supaya manfaatnya diperolehi oleh semua rakyat, supaya rakyat akan memperolehi kos tenaga yang lebih murah maka. Kita menyeru supaya perjanjian-perjanjian dengan IPP yang dahulunya supaya dikaji semula agar kita mendapat kos yang lebih rendah.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ini Fasal 13. Fasal 13 ini saya agak *lop-sided* dengan izin, kerana TNB bilamana kita tidak bayar bil, pengguna tidak bayar bil lebih daripada dua bulan, dia boleh dikenakan *surcharge*. Saya rasa sepatutnya diadakan peruntukan juga untuk melindungi pihak pengguna sekiranya ada berlaku *blackout*, ada berlaku kesalahan di pihak TNB, maka pengguna dibenarkan untuk menyaman TNB atas kos kerugian operasi perniagaan mereka. Kalau ini boleh berlaku, maka barulah adil. Kalau tidak, TNB boleh buat apa dia suka, kita hanya menerima sahaja. Ini tidak adil bagi saya. Jadi, oleh kerana kita lihat banyak juga peniaga-peniaga yang mengalami kerugian, umpamanya kilang, banyak mengalami kerugian kerana *blackout*, keputusan elektrik, saya rasa kita hendaklah juga melihat kepada kepentingan pengguna supaya masing-masing mendapat *judgement* yang *fair and square* dengan izin. Jadi saya mohon supaya beberapa fasal ini dipertimbangkan semula oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Arau selepas ini, menteri menjawab. Silakan.

3.44 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kerana saya diberi peluang untuk turut membahaskan Akta Bekalan Elektrik 1990. Kita bersyukur, Tuan Yang di-Pertua, kerana di negara kita yang baru sahaja 43 tahun merdeka, kita telah dapat memberikan infrastruktur kepada seluruh rakyat kita dan tenaga adalah merupakan satu sumber yang penting bagi negara. Dengan adanya penjana dan juga penghantaran tenaga kepada rakyat dan juga kepada premis-premis perniagaan di negara kita, kita telah dapat melihat pembangunan yang begitu pesat. Kita tidak dapat nafikan bahawa kepentingan tenaga adalah merupakan suatu yang amat penting bagi negara kita, malahan kita dengar rintihan daripada rakan-rakan di Dewan ini terutamanya di Sabah dan Sarawak, bagi sekolah-sekolah, kita menghadapi masalah di mana IT tidak dapat dibekalkan kerana kekurangan tenaga.

Di sini, jelas memperlihatkan bahawa kepentingan tenaga itu amat penting dan hari ini, kalau kita lihat di negara kita, keupayaan dan kemampuan.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya habiskan ayat saya dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:.....kemampuan dan keupayaan kerajaan. Kalau dahulu melalui LLN, Lembaga Elektrik Negara diswastakan kepada Tenaga Nasional, hari ini telah dapat memastikan bahawa pembangunan dapat berjalan dengan baik.

Malahan tadi pihak pembangkang juga dalam ucapan-ucapan awal, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, memuji kepimpinan tenaga yang ada hari ini. Ini satu yang baik, pengiktirafan yang diberikan oleh pihak pembangkang dan jelas menunjukkan bahawa..... ..[*Dewan gamat seketika*] [*Disampuk*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Peraturan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rompin berdiri Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, peraturan tetap.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:.....dalam soal membekalkan.... [*Disampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peraturan berapa? Peraturan. Sila duduk.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Peraturan 35(6): "Seseorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat..." dan seterusnya. Mengikut fahaman saya, Yang Berhormat Arau adalah salah seorang daripada Pengerusi anak syarikat TNB. Jadi, kalau boleh perkara ini perlu disebutkan supaya tidak timbul nanti salah tafsir bahawa pujaan Yang Berhormat terhadap Pengerusi Yang Berhormat ada kepentingan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat. Faham sudah itu. [*Ketawa*]. Cuba umumkan kepentingan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya adalah *chairman* kepada TCI.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. [*Dewan gamat seketika*] [*Tepuk*]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Anak syarikat TNB tetapi saya bukan Ahli Lembaga Pengarah TNB. Sebab itu, untuk bercakap.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, tidak ada kepentingan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:.....apa yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat adalah diperkatakan di dalam Dewan ini oleh Ahli Yang Berhormat di Dewan ini. Saya tidak menyebutkan saya mengatakan ini, saya *quote* apa yang telah disebutkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Ini bukan sebutan saya, ini cuma saya menyebutkan apa yang telahpun berlaku di Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Ya, Rompin, silakan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Saya minta pandangan dan sedikit penjelasan daripada Arau. Adakah Yang Berhormat bagi Arau tahu isu kepentingan yang Tumpat bawa? Banyak juga projek-projek dahulu dalam kerajaan yang besar, Tumpat pun ada kepentingan peribadi yang amat besar sekali. Kadang-kadang kita lupa. Sebab itu apabila Tumpat, bila dia pergi sebelah sana, dia sudah lupa banyak projek besar, mega kerajaan ini, Tumpat pun ada kepentingan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Persoalannya, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini saya hendak tanya Arau, tahukah tidak tentang perkara ini? Itu yang pertama saya hendak bertanya Arau.

Yang kedua, saya hendak bertanya tentang isu kebimbangan Yang Berhormat bahawa masyarakat luar bandar di Sabah dan Sarawak yang banyak sekarang ini

terpaksa membayar bekalan api elektrik yang mahal, 26 sen walhal di sini 23 sen dan juga banyak syarikat macam di Sabah rugi. Kerana apa? Rugi kerana kalau Yang Berhormat tahu, Bakun yang sebenarnya akan menjadi penyelamat kepada mereka, kosnya amat rendah, dikira 3-4 sen sahaja, kerana mahal di Sabah dan Sarawak. Adakah Yang Berhormat Arau tahu, mungkin Yang Berhormat Kemaman dan Jeli tidak tahu bahawa kos penjanaan dengan diesel ialah 30 sen.

Yang menyebabkan masalah di Sabah dan Sarawak, penjanaan di sana lebih daripada 70% berasaskan diesel. Selagi penjanaan di sana berasaskan kos diesel, selagi itulah tidak dapat diturunkan tarif yang terpaksa dibayar oleh Sibul, dan Sibul mengatakan meminta pandangan Yang Berhormat. Sibul mewakili Sarawak yang mahu pembelaan hanya pem- bangunan dapat diteruskan di sana sehingga dia "terbang". Sibul mengatakan pembangunan dapat "terbang" kerana kadar kos elektrik di situ murah dan kos elektrik hanya akan murah bila semua penjanaan-penjanaan diesel ini di-*retire* ataupun dipupuskan dan diambil alih oleh Bakun. Bermakna kalau kita mahu supaya membela rakyat Sabah dan Sarawak, kita patut menyokong Bakun yang sebenarnya. Itu saya ingat, dan adakah Arau faham. Mungkin Arau mahu komen, mungkin Jeli tidak berapa faham. Dia faham tentang mengukur sahaja, ukur saya tabiklah. Dia faham tentang mengukur.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tetapi, tentang tenaga dia mungkin kena belajar daripada Arau sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tentu saya hendak jelaskan tadi. Yang Berhormat Tumpat jangan susah hati. Saya tidak hendak ambil *advantage*. Sebenarnya saya menyebut daripada pihak sana, memuji di sana. Saya cuma menyampaikan sahaja. Tidak ada *advantage* untuk kepentingan saya sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang disebutkan tadi, projek Bakun. Projek Bakun ialah satu projek di mana kerajaan ingin melihat pem- bangunan di Sabah dan Sarawak. Saya menyebutkan tadi bahawa kita perlu melihat Malaysia, kita mempunyai pelbagai kaum dan di samping itu juga kita hendak melihat Sabah dan Sarawak maju dalam integrasi nasional negara kita. Sabah dan Sarawak sebagaimana kita satu anggota. Kalau di sana kurang bekalan elektriknya, kita pun merasa bahawa perlu dibela. Di Semenanjung sekarang ini, kita boleh membekalkan 93% elektrik dan kita ada 5 juta pengguna....

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian berdiri, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haah, dia belum bagi lagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:...tetapi di Sabah dan Sarawak, belum lagi sampai ke tahap yang demikian. Oleh yang demikian, pada pandangan saya, keputusan kerajaan untuk mewujudkan satu empangan yang boleh menjana elektrik 2400 megawatt di sana patut disokong kerana yang pertamanya, sebagaimana yang disebutkan tadi, keperluan tenaga bagi Sabah dan Sarawak harus diberi pertimbangan. Sampai bila kita hendak melihat rakyat di Sabah dan Sarawak membayar bil elektrik lebih tinggi berbanding dengan kita di Semenanjung? Sampai bila kita hendak melihat penggunaan elektrik di Sabah dan Sarawak tidak sampai di tahap yang ada di Semenanjung?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada dua orang berdiri ini, hendak bagi?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Biar saya habiskan dahulu yang ini. Minta maaf ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haah, dia tidak bagi Yang Berhormat. Duduk dahululah. Biar dia habis dahulu.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ini adalah komitmen kerajaan Malaysia kepada rakyat di Sabah dan di Sarawak.

Yang keduanya, pembinaan ini menggunakan sumber air. Walaupun tadi Yang Berhormat daripada Jeli menyebut bahawa alam sekitar akan menghadapi *destruction* ataupun akan menghadapi kerosakan alam sekitar, tetapi kita perlu faham. Saya bukan *engineer*, ya. Saya daripada pertanian. Yang Berhormat ahli *survey* tetapi, yang saya faham bahawa pembinaan menggunakan air ini pada peringkat awalnya memang ada gangguan pada alam sekitar. Tetapi inilah projek yang terbaik yang menjaga ataupun environment friendly berbanding dengan projek-projek yang lain kalau kita menggunakan sumber-sumber yang lain, dan selepas gangguan alam sekitar mungkin berlaku apabila *dam* ini dapat dibangunkan alam sekitar boleh kita bina semula. Daripada pengalaman-pengalaman seluruh dunia, penjanaan elektrik daripada air akan membekalkan elektrik dalam volume yang telah dijanjikan daripada projek yang berkenaan dalam jangka masa yang panjang.

Tadi Yang Berhormat bagi Rompin menyebut 100 tahun, saya tak tahu berapa tahun. Tetapi penjanaan elektrik menggunakan bahan-bahan yang lain oleh kerana kita menggunakan enjin dan sebagainya, perlu ada maintenance dan amount ataupun bilangan tenaga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kemaman berdiri Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Bilangan tenaga yang dibekalkan akan berkurangan mengikut masa yang dilalui.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Kemaman berdiri. Dua orang berdiri, hendak beri kepada siapa Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Jadi, apa yang saya sebut...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, jawab yang saya tanya dahululah. Dia tak bagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya bagi, sekejap, biar saya habis berkenaan dengan Bakun.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau tak bagi cukup tak bagilah Yang Berhormat. Jangan sampai macam itu, susah saya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, saya tak benarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tadi dia minta saya bagi, takkan giliran saya dia tak terima.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak tahulah tu. Saya ikut dialah. Jangan, hak tadi mana saya tahu. Hendak bagi Yang Berhormat? Janji yang dahulu mana saya tahu, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya tak bagi sekarang Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia cukup lagi dia tak bagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya tak bagi, biar saya habiskan Bakun dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, biar dia habis sekejap lagi. Sila duduk Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Oleh yang demikian, apa yang saya sebutkan tadi pertamanya keperluan. Keduanya, alam sekitar. Daripada kajian-kajian teknikal yang telah dibuat, keputusan untuk membina Bakun adalah untuk kepentingan rakyat. Jadi, kita harap jangan ada pihak-pihak lain yang mempolitikkan isu ini dan jangan kita terpengaruh dengan saranan-saranan yang sering dibawa oleh aktivis-aktivis alam sekitar yang datang daripada luar negara yang mana negara mereka sendiri tidak pernah menjaga alam sekitar. Mereka mengharapkan negara kita untuk mengekalkan hutan untuk membekalkan oksigen untuk keperluan mereka, pada hal mereka sendiri tidak menjaga hutan di negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembangunan elektrik di negeri Sabah dan Sarawak, saya ingin memberi sedikit pandangan, selain daripada Bakun yang telah pun saya jelaskan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian berdiri Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya rasa rang undang-undang....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia bagilah itu. Janganlah panjang pula.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tetapi undang-undang elektrik Sabah ini tak bincang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Samalah itu, apa soalan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya minta penjelasan daripada Arau. Pertama saya hendak ucap tahniah kepada Arau yang menjadi Chairman kepada satu anak syarikat. Tak sangka Arau dia mahir dalam pertanian tetapi boleh kontrol elektrik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, apa soalan Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tak salah, tak salah. Saya rasa Yang Berhormat bagi Rompin kena berhati-hati kenyataan dalam Dewan ini. Beliau bertindak di sini sebagai ketua Backbencher dan pada masa yang sama beliau adalah Pengerusi walaupun tidak eksekutif. Dan saya pun kasihan dia jadi Pengerusi tanpa eksekutif. Kalau dia baik, baik kita lantik dia jadi Pengerusi Eksekutif, walaupun kadang-kadang dia bertindak dan berlagak macam Pengerusi Eksekutif.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalannya Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Soalannya ialah apabila pada satu Jumaat, Bakun telah dikaitkan dengan Tenaga Nasional Berhad, sahamnya jatuh 11%. Dalam ucapannya tadi seolah-olah Tenaga Nasional Berhad komited hendak commit dalam projek Bakun. Satu daripada aspek yang kita bangkitkan tentang penglibatan TNB dalam Bakun ialah kedudukan kewangannya. Sekarang dia berhutang RM27 bilion, kalau dia hendak terlibat dalam Bakun dia kena keluar bon baru, dia kena berhutang untuk menjayakan RM9 bilion projek. Jadi, kedudukan debt ratio equity akan menjadi begitu tinggi dan ini akan membahayakan kedudukan Tenaga Nasional Berhad dan seterusnya memaksakan Tenaga Nasional Berhad menaikkan tarif bil elektrik. Ini tak diterangkan oleh kedua-dua pembahas kita ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa saya bukan dalam kedudukan boleh menjelaskan perkara ini. Kita serahkan kepada pihak yang berwajib, kementerian untuk menjelaskannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat dari pembangkang tadi sama-sama kita membahaskan akta ini untuk kita mencari jalan yang terbaik dan juga untuk kita menyokong usaha-usaha kerajaan dalam meningkatkan keperluan-keperluan asas bagi pembangunan negara, kita tadi juga mendengar keluhan-keluhan daripada rakan-rakan di sebelah sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kemaman berdiri Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Kerana keluhan tersebut juga merupakan perkara yang kami juga memberi perhatian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Kemaman berdiri. Sila.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya Yang Berhormat mengenai kos yang selalu Tenaga Nasional Berhad mengeluarkan electricity ini mengakibatkan kos yang tinggi yang terpaksa disalurkan kepada pengguna. Jadi, saya hendak tanya sedarkah Yang Berhormat bahawa kos untuk pembinaan sebuah janakuasa elektrik yang mengeluarkan kuasa sebanyak 1,000 megawatt di Malaysia kosnya ialah lebih kurang US\$750 juta. Sedangkan kalaulah janakuasa yang sama dibina di Singapura, kosnya hanyalah US\$450 juta sahaja. Ini perbezaan yang begitu ketara untuk membina sebuah janakuasa di antara Singapura dan Malaysia ini adalah satu faktor yang menyebabkan pengguna kita yang terpaksa mem-bayar kos yang begitu tinggi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita hendak melihat harga yang kita bekalkan kepada pengguna, perbezaan harga, kita harus melihat beberapa negara dan membuat perbandingan. Kita juga hendak melihat dari segi perbandingan bagaimana efisiennya ataupun bagaimana cekapnya kita membekalkan tenaga. Yang Berhormat menyebut tadi bahawa pembinaan janakuasa. Kalau kita melihat kos pembinaan janakuasa, saya tak tahu Yang Berhormat bercakap dalam soal besarnya janakuasa itu berapa. Dalam kapasiti yang berlainan sudah tentu harga kos yang berlainan. Jadi, perkara ini boleh dibahaskan dengan lebih mendalam lagi dan lebih luas.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya minta penjelasan 1,000 megawatt Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan ucapan saya. Apa yang saya sebutkan tadi rakan-rakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kita menimbulkan rasa kekecewaan dengan harga-harga yang dikenakan oleh IPP kepada Tenaga Nasional Berhad. *[Dato' Haji Noh bin Haji Omar bangun]* Ada apa Dato' sila.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat. Saya ada ikut perkembangan tadi masalah isu Bakun ini nampaknya begitu hebat disuarakan oleh pembangkang dikatakan tak sesuai dibuat masa ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya nyatakan bahawa pembangkang apa juga projek mega yang kerajaan hendak buat pasti dia tidak setuju. Banyak kalau kita hendak cakap - kereta, Jambatan Pulau Pinang, Putrajaya dan sebagainya. Dan akhirnya kita lihat apabila mereka memerintah mereka buat lebih teruk daripada Barisan Nasional. Saya bagi contoh, pada tahun 1994 waktu Kerajaan Barisan Nasional hendak pinda Perlembagaan untuk memberikan kuasa kepada Sultan yang mana tempoh 60 hari....

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, tak berbangkit, ini luar tajuk.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak minta penjelasan. Yang Berhormat tak ikut peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk, duduk.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Itu bukan projek mega.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Hendak bahas tak apa.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat janganlah ganggu, tak tahu peraturan mesyuaratkah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada kaitankah Yang Berhormat?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, ada kaitan. Saya hendak tunjuk-kan, saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Arau sama ada bersetuju atau tidak pandangan-pandangan saya, pendapat saya bahawa pembangkang ini pemikirannya jumud dan sempit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini contoh, mesti ada contoh. Kalau tak ada contoh mereka tak faham.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Arau sudah faham.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Nanti, nanti contoh...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Arau faham.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Contohnya, waktu Nik Aziz menjadi Ahli Parlimen Kubang Kerian dia menentang pindaan Perlembagaan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Hari ini bila menjadi Menteri Besar dia pula dok redah, tak mengikut peraturan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini bukti menunjukkan bahawa pembangkang sentiasa sempit pemikirannya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, habislah itu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Haprak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Arau jawablah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Hal-hal menteri hendak bawa dalam Parlimen.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Awak hendak jaga boskah?

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia bohong, dia bohong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada sebut bohong Yang Berhormat?

Tuan Husam bin Haji Musa: Nik Abdul Aziz tak pernah jadi Ahli Parlimen Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, itu tak tahulah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia tak pernah bentang pindaan itu dalam Parlimen ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Yang Berhormat, duduk, duduk. Dia boleh beri penjelasan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini haprak cakap.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak bagi pembedulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah Yang Berhormat...

Tuan Husam bin Haji Musa: Tak bolehlah Menteri cakap haprak macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, duduk dahulu. Tanjong Karang duduk. Duduklah Tanjong Karang.

Beberapa Ahli Pembangkang: Haprak!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah Tanjong Karang, cukuplah.

Seorang Ahli: Haprak duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, cukuplah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup. Saya tak tahulah Kubang Kerian mana pernah jadi Ahli Parlimen.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Jadi, kena terimalah hakikat pernah jadi Ahli Parlimen.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tahun 1994 dia tak jadi Ahli Parlimen.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: 1994 waktu pindaan Perlembagaan dia Ahli Parlimen.

Tuan Husam bin Haji Musa: Mana dia Ahli Parlimen. Ini Setiausaha Parlimen haprak!

Beberapa Ahli Pembangkang: Haprak, haprak!

Tuan Husam bin Haji Musa: Mana ada!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Semasa pindaan dibuat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Mana ada!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Semasa pindaan Perlembagaan dibuat. Baik kalau saya boleh bukti.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tanak balik. Apa ni!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini pembohong yang besar ni!

Tuan Husam bin Haji Musa: Awak yang bohong!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Dalam pindaan Perlembagaan 1994 Nik Aziz jadi...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk. Saya hendak jelaskan, duduklah. Cukuplah, cukup, cukup, cukup. Penjelasan-nya pernah jadi Ahli Parlimen tetapi saya tak tahu bila tahun. Sila Arau menjawab. Sila buat penjelasan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini floor saya. Tadi kalau pembangkang bercakap macam-macam, kita boleh bangun cakap sambil senyum, sambil gelak, kenapa pula jadi macam ini bila kita bercakap. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Arau cukuplah. Kubang Kerian duduklah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya patuh, Tuan Yang di-Pertua. Kita ini ahli-ahli UMNO, wakil Barisan Nasional memang inilah cara menjaga

negara, kalau tidak negara tak aman. Saya patuh teguran Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua kena tegur juga pembangkang yang mengeluarkan perkataan-perkataan yang tidak sepatutnya kepada wakil-wakil Ahli Yang Berhormat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju apa yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri. Memang perkara ini bukan kata perkara yang....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin berdiri, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:...baru hari ini kita dengar, tetapi kenyataannya memang jelas. Itulah sebenarnya kenyataan dalam negara kita yang amat menyedihkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin berdiri Yang Berhormat, hendak bagi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak minta penjelasan daripada Arau. Nampak gaya Jeli sudah keluar. Selalu Jeli ukur tepat sebab dia ada tali untuk mengukurnya. Tetapi untuk mengukur kadang-kadang benda tak ada guna tali dia tak begitu tepat. Tadi saya dengar, saya minta pandangan Arau adakah Arau tahu bahawa fakta yang digunakan oleh Jeli yang mengatakan untuk menjana kuasa elektrik menggunakan US\$400 = 1,000 kilowatt, di Singapura - US\$400 = 1 kilowatt. *[Disampuk]* eh Kemaman, Kemaman bertanya walhal di Singapura US\$400 sahaja, di Malaysia RM700. Tetapi saya hendak tanya Arau adakah Arau tahu bahawa kos untuk menjana berasaskan pertama sama ada arang batu atau gas.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Nanti, saya tanya Arau, bukan tanya Kemaman.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kemaman duduklah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kemaman selalu cepat melompat. Sejak dia masuk KeADILan dia cepat sangat naik panas baran, hendak melompat, *[sambil menunjuk atas kepala]* lama esok hilang kesemua, susah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak minta supaya adakah Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak tanya Arau sahaja Yang Berhormat, tetapi dia menyampuk, dia bangun. Adakah Arau tahu bahawa dalam kos untuk menjana dua fakta penting, pertama sama ada penjanaan itu mesinnya untuk membakar gas atau membakar arang batu. Kedua-duanya harga berbeza. Yang kedua, harga 10 tahun dahulu dengan harga sekarang berbeza. Sebab itu saya rasa Kemaman entah Internet mana yang dia ambil malam tadi. Mungkin faktanya yang salah. Yang ketiga, yang terakhirnya semua kos yang dibuat oleh Tenaga semuanya tender terbuka (open tender), bukan dibagi begitu sahaja. Ini saya minta adakah Arau faham berkemungkinan Kemaman ini datanya mungkin data-data yang salah yang selalu Kemaman banyak datanya yang salah, hanya kecil sahaja data yang digunanya betul.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Dato'. Saya pun sependapat dengan Dato'. Rasanya kita perlu bekalkan maklumat-maklumat ini supaya mereka dapat maklumat yang tepat, bercakap di Dewan ini dengan maklumat yang tepat, dan bercakap di luar pun terutamanya dengan orang-orang ramai, bawalah angka-angka yang tepat kerana kita bertanggungjawab apa yang kita perkatakan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kemaman berdiri lagi, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi, Yang Berhormat. Kemaman berdiri, hendak bagi?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi, Yang Berhormat. Sila duduk, sila duduk Kemaman.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Cukuplah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Kemaman.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya pun samalah dengan apa yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kita daripada pembangkang. Kita merasakan bila YTL, sebagaimana saya sebut tadi Yang Berhormat Kubang Kerian, semasa saya menjadi Ahli Dewan Negara pun, kita membangkitkan soal ini, bukan kata sekali, berkali-kali kita menyoal kerajaan bagaimana perjanjian yang dibuat di antara YTL dengan Tenaga Nasional kerana rasa tidak puas hati ini bukan sahaja timbul di kalangan orang ramai tetapi terutamanya di kalangan pegawai-pegawai TNB sendiri.

Saya ingat sejarah. Kalau kita hendak tengok sejarah, mari kita tengok sejarah, jangan kita tengok separuh-separuh sahaja. Kalau kita bercakap soal *blackout* yang besar di negara kita berlaku cuma sekali sahaja *blackout* yang besar di negara kita. Saya masih ingat semasa *blackout* berlaku di Malaysia, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu Dato' Seri Anwar Ibrahim berada di Perlis. Kami tengah dinner sama-sama di Perlis.

Beberapa Ahli: Wow!

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, dia Timbalan Perdana Menteri pada waktu *blackout* berlaku di seluruh negara, ada telefon datang beritahu, kita pun gelap masa itu, dan adalah reaksi kita nampak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tetapi tidaklah terkejut sangat dengan apa yang berlaku. Sebelum itu, kita dapati bahawa Tan Sri Anwar sebagai Pengerusi Tenaga Nasional menghadapi tekanan yang begitu hebat sehingga ada tunjuk perasaan dibuat sehingga ada tiga patung pun dipukul oleh pegawai-pegawai TNB pada waktu itu.

Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat, saya tidak tahulah tiga itu siapa tetapi adalah tiga patung termasuk CEO nya, secretarynya semua dan selepas *blackout* berlaku, pengumuman dibuat, Tenaga Nasional mendapat pengerusi baru Tan Sri Tajuddin Ali. Alhamdulillah orang Perlis, kita kenal dia. Kampung pun satu kampung dengan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Shahidan, Menteri Besar, keluarganya adalah orang PAS, adiknya bertanding bersama-sama dengan Datuk Seri Shahidan, dua kali bertanding. *[Disampuk]* Ya dan semasa itulah YTL mempunyai agreements dan juga perjanjian-perjanjian dengan Tenaga Nasional untuk dapat membekalkan tenaga.

Sekarang ini Pengerusi Tenaga Nasional yang ada harus membersihkan apa yang telah berlaku, yang telah dibuat oleh orang yang sebelumnya dan memang ia merupakan tanggungjawab kerajaan, kita tidak boleh lari dari tanggungjawab kerajaan. Itu persoalan yang saya tanya tadi tetapi Yang Berhormat Kubang Kerian mengelak daripada menjawab.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya sebenarnya tidak suka menyebutkan perkara-perkara yang begini, tidak suka bercakap perkara-perkara yang begini tetapi apabila kita diasak dengan begitu hebat seolah-olah kerajaan hari ini tidak mampu untuk mentadbirkan sebuah konglomerat yang besar begini, kita terpaksa, kalau hendak bercakap secara telus biar kita bercakap secara telus.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian berdiri, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tidak, saya tidak bagi jalan. *[Ketawa]* Cukuplah itu, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tajuddin Ali dilantik oleh Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hah, tak payahlah Yang Berhormat, dia tak bagi itu

Tuan Husam bin Haji Musa: Untuk makluman, Tajuddin Ali dilantik oleh Perdana Menteri. Calon Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak payahlah Yang Berhormat, kalau dia tak bagi, tak bagilah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Aaaa, saya kenal Tan Sri Tajuddin Ali, tidak payahlah Yang Berhormat sebutkan. Saya tahu dia loyal kepada siapa, dia baik kepada siapa, rakan-rakannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Jadi, saya hendak sentuh bab yang lainlah, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan elektrik di Sabah. Tadi saya sudah sebutkan sedikit. Sebenarnya saya sudah hendak masuk ke situ dah tadi. Tidak apalah, saya pun sudah menyebutkan perkara yang memang terbuku dalam ingatan saya, sudah saya sebutkan dalam Dewan ini.

Elektrik di Sabah, walaupun ada bill Elektrik Sabah akan dibentangkan saya rasa dapat juga kita bincangkan di dalam Akta Bekalan Elektrik 1990. Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Husam bin Haji Musa: Mana boleh!

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya berharap Bill Bekalan Elektrik 1990 ini akan dapat dilihat supaya ia juga akan dapat merangkumi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak kerana sekarang ini dari segi kita hendak membekalkan infrastruktur bekalan tenaga ke Sabah dan Sarawak, kita menghadapi masalah. Ada program-program dan projek-projek pembangunan yang telah pun ditentukan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, sepatutnya projek-projek ini selesai dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh tetapi tidak dapat diselesaikan.

Saya tahu bahawa mereka yang mendapat kontrak untuk membina janakuasa, pencawang dan juga menyediakan kabel-kabel penghantaran ini mereka dapat melaksanakan program ini dengan begitu baik sekali. Jana kuasa pencawang dan sebagainya telah dibina hampir 90% tetapi masalah yang dihadapi oleh pembinaan elektrik di Sabah hari ini di mana rakyat negeri Sabah tidak dapat menikmati bekalan elektrik oleh kerana Akta Tanah dan juga Akta Bekalan Elektrik di Sabah itu sendiri di mana ada lot-lot tanah yang tidak dibenarkan oleh tuan-tuan tanah untuk dilalui oleh kabel-kabel elektrik kerana saya difahamkan bahawa Akta Bekalan Elektrik dan juga Akta Tanah di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak adalah berbeza.

Dengan adanya masalah ini, sampai ke hari ini di mana lot-lot yang tidak dibenarkan pembinaan oleh tuan-tuan tanah ini sehingga mereka mencabar di mahkamah projek-projek pembekalan elektrik di Sabah tertangguh. Walaupun pembinaan ini telah pun 90% siap. Selagi soal yang berkaitan dengan peraturan ini tidak dapat diselesaikan kerajaan akan menanggung kerugian, kontraktor akan menanggung kerugian, malahan rakyat yang hendak kita bekalkan elektrik tidak akan dapat menerima bekalan elektrik.

Saya ingin merayulah kepada pihak kementerian supaya soal ini dapat diperhatikan kerana kalau saya tidak silap banyak lagi pembinaan yang perlu dibuat untuk Sabah dan Sarawak sejajar dengan pembangunan Bakun itu sendiri. Sekiranya perkara itu tidak diambil perhatian, ia akan membantutkan usaha-usaha kita untuk membangunkan pembangunan di Sabah dan Sarawak.

Yang lebih menyedihkan kita ialah sekolah-sekolah tidak dapat dibekalkan dengan elektrik, terpaksa menggunakan...apa...*genset*kah? ...*genset*kah Datuk?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Generator.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ha, terpaksa menggunakan generator.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya bangkitkan di sini ialah mengenai penjana kuasa menggunakan sumber-sumber tempatan. Kita tahu bahawa penjana kuasa menggunakan sumber air, sumber gas, arang batu tetapi sebenarnya ia juga boleh menggunakan sumber-sumber lain – sumber-sumber tempatan seperti sekam padi, sampah-sarap, kayu dan sebagainya. Walaupun dari segi kosnya agak tinggi tetapi saya berpendapat bahawa negara kita perlu mengkaji.

Sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya Yang Berhormat bagi Bachok tadi, saya amat setuju supaya pihak Tenaga Nasional dan juga pihak kerajaan melihat sumber-sumber yang sedia ada seperti sekam padi ini dapat *diutilisekan* ataupun digunakan untuk menjana kuasa kerana hari ini bukan sahaja ia mengotorkan alam sekitar tetapi ia menjadi masalah kepada kita untuk melupuskan sampah-sarap dan juga sekam-sekam padi terutamanya bagi kawasan dalam perairan Muda dan juga bagi kawasan-kawasan yang terlibat dengan tanaman padi.

Sehinggakan sekam-sekam padi yang dikeluarkan daripada kilang-kilang ini, kadang-kadang di waktu malam dibuang di tali-tali air. Ini menyebabkan tali-tali air kita tersumbat dan juga menimbulkan banyak masalah bukan sahaja kepada pihak agensi kerajaan tetapi kepada pihak petani-petani.

Saya berharap supaya apa yang telah diumumkan oleh pihak Tenaga Nasional ini akan disambut baik oleh kerajaan supaya kajian ini dapat dibuat dengan segera. Saya difahamkan daripada rombongan Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru-baru ini ke luar negara, mereka telah dapat melihat bagaimana sumber-sumber tempatan ini dapat digunakan untuk menjana elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keempat yang saya ingin bangkitkan mengenai kegunaan alat-alatan elektrik yang tidak diluluskan oleh SIRIM. Walaupun ini di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tetapi saya percaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak akan dapat mengawal keseluruhannya. Kita tahu bahawa elektrik adalah satu sumber yang perlu dikawal dan perlu diberi perhatian yang serius kerana kalau ia berada di dalam saluran elektrik ia akan menjadi sebagai sesuatu yang boleh memberikan kemudahan kepada kita tetapi jika tidak dikawal dengan baik, tenaga ini boleh membunuh bila-bila masa.

Ini amat membahayakan masyarakat umum, malahan kalau kita lihat masyarakat umum bagi mereka yang tidak mempunyai pendidikan yang tinggi, pengetahuan mereka mengenai elektrik ini begitu *nominal* ataupun begitu kecil sekali. Apabila pengguna-pengguna di negara kita tidak mempunyai pengetahuan yang luas mengenai elektrik, kita dapat melihat mereka menggunakan barang-barang seperti *fius*, *socket* dan sebagainya ini adalah keluaran-keluaran yang tidak diluluskan oleh SIRIM, dijual begitu banyak di negara kita.

Yang keduanya, dari segi pemasangan elektrik itu sendiri, di mana-mana tempat kita melihat pemasangan elektrik ini dibuat dengan sewenang-wenangnya, tidak ada peraturan khusus. Kalau adapun tidak ada pengawalan dari segi pelaksanaan undang-undang yang khusus dilaksanakan dengan begitu serius. Sebab itu kita dapati kebakaran-kebakaran yang berlaku di negara kita, salah satu daripada punca yang terbesar ialah elektrik. Bila kebakaran ini berlaku bukan sedikit harta-benda yang akan musnah, tetapi kerugian beribu-ribu, malah berpuh ribu ringgit.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak Suruhanjaya ini supaya memberi perhatian bagaimana untuk kita memberikan pendidikan kepenggunaan kepada orang ramai mengenai penggunaan elektrik ini. Dulu ia dijalankan oleh Jabatan Elektrik tetapi Jabatan Elektrik ini mempunyai pegawai yang begitu terhad. Saya pernah mendengar, pernah bersama-sama mereka memberikan kursus-kursus kepada kumpulan-kumpulan wanita dalam penggunaan elektrik ini tetapi begitu sedikit bilangan kursus yang diadakan.

Dalam masa lima tahun saya pernah berjumpa cuma sekali dan saya lihat daripada ceramah yang diberikan, banyak perkara yang saya rasa perlu dimaklumkan kepada masyarakat umum supaya penggunaan elektrik ini dapat dijaga dan dapat dikawal selia oleh pengguna itu sendiri di samping kita menguatkuasakan undang-undang. Malahan, apabila melihat baru-baru ini Korea dilanda oleh banjir, sebahagian besar daripada yang meninggal ataupun yang mati itu adalah mereka yang terkena kejutan elektrik kerana semasa berlaku banjir arus elektrik akan mengalir melalui air dan ini kadang-kadang tidak disedari oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima, ingin saya sebutkan di sini ialah tanggungjawab sosial IPP. Tenaga Nasional memang menerima tanggungjawab *social obligation* untuk membantu dan juga untuk memberikan sumbangan-sumbangan yang boleh kepada rakyat. Tetapi nampaknya pada hari ini IPP walaupun mereka sebagaimana yang diulas oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi mendapat untung yang begitu besar, kalau perkiraan-perkiraan yang dibuat tadi untungnya begitu besar, tetapi kita lihat sumbangan mereka kepada masyarakat tidaklah sebesar keuntungan yang mereka dapati.

Saya berharap supaya pihak IPP juga bersama-sama dengan Tenaga Nasional sebagai klien bagi mereka untuk sama-sama melihat *social obligation* ini ditanggung bersama, supaya kita dapat dengan keuntungan yang begitu besar mengikut takrif-takrif perjanjian yang telah dibuat walaupun mungkin kita tidak dapat hendak mengambil keuntungan itu ataupun dengan memotong keuntungan itu kerana ada perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani, kita minta mereka supaya mereka juga bertanggungjawab kepada masalah-masalah sosial dan juga keperluan-keperluan masyarakat hari ini.

Sebenarnya masyarakat memerlukan pelbagai keperluan, contoh yang boleh saya berikan hari ini, sebagaimana yang disebutkan di Dewan ini juga beberapa kali Ahli-ahli Yang Berhormat telah bangun mempersoalkan soal mesin dialisis yang tidak cukup di negara kita. Baru-baru ini saya membuat kutipan mesin dialisis untuk negeri Perlis, ada 80 orang pesakit yang memerlukan dialisis. Dialisis diperlukan oleh seorang pesakit itu, dia perlu membuat ataupun pergi mendapat treatment tiga kali seminggu. Kalau di hospital bayarannya dalam RM30 ke RM60, tetapi kalau dia pergi ke swasta, dia dikenakan membayar RM200 ke RM400, seorang perlu mengeluarkan belanja sebanyak RM1,800 sebulan. Kalau sekiranya kedua-dua buah pinggangnya tidak dapat dipakai dan ia terpaksa pergi ke swasta kerana di hospital memang tidak mencukupi, ini kita punya Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan ada di sini.

Bagi saya di Perlis, 40 orang boleh mendapat rawatan di hospital, 41 lagi terpaksa menunggu untuk mendapat rawatan hospital, rayuan-rayuan, macam-macam yang saya terima. Saya tahu Ahli-ahli Yang Berhormat di sini pun banyak yang menerima rayuan-rayuan ini dan kami membuat kutipan, alhamdulillah kita dapat lapan mesin, boleh menampung sementara waktu pesakit-pesakit ini.

Tetapi saya rasa di seluruh negara, ini adalah keperluannya. Ini adalah contoh keperluan satu sahaja yang saya sebutkan, keperluan masyarakat yang perlu hari ini, tetapi banyak pihak yang mempunyai pendapatan yang lumayan memandangkan sepi kepada keperluan masyarakat ini dan menunjukkan kepada kerajaan sahaja yang bertanggungjawab dalam soal ini. Kita tahu kerajaan bagi Dollar to Dollar kalau mesin dialisis, tetapi banyak lagi perkara-perkara lain yang sakit jantung dan sebagainya, banyak anak-anak daripada keluarga yang miskin.

Jadi, saya mengharapkan supaya mereka yang mendapat kepentingan daripada tenaga elektrik ini akan turut sama turun ke padang untuk memberi sumbangan kepada masyarakat. Lebih-lebih lagi di hari kebangsaan. Kita tahu menteri yang bertanggungjawab dalam soal hari kebangsaan ada satu komitmen hendak menerangi Malaysia menunjukkan sikap sayang dan kasih kita kepada negara kita, tetapi ia tidak akan berjaya kalau tidak mendapat sokongan yang sepenuhnya.

Kita berharap semua pihak yang saya dengar tadi yang mendapat pendapatan yang begitu lumayan akan turun bersama-sama sekurang-kurangnya merayakan hari kebangsaan ini supaya kalau tidak dapat mem-bekalkan letrik menerangi negara kita Malaysia menunjukkan kepada seluruh dunia bahawa kita rakyat Malaysia, kita sayangkan negara kita dan kita bersatu padu, ini hendak cakap dengan semua rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat ini, kita perlu bersatu padu untuk membina negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai fasal-fasal yang disebutkan di sini ialah Fasal 19 membolehkan pemegang lesen untuk mengenakan surcaj kepada pengguna bagi pembayaran lewat bil elektrik mereka.

Saya mengalu-alukan akta yang disebutkan di sini kerana kita dapati bahawa pengguna-pengguna yang tidak membayar bil elektrik ini, biasanya orang yang tidak bayar, orang itu juga yang tidak bayar, yang bayar itu ikut time, kalau dia lambat sedikit, dia akan ingat bahawa dia belum lagi bayar bil elektrik.

Kita tidak address ataupun tidak menunjukkan kepada pengguna-pengguna perseorangan, ini bukan satu amaun yang besar, syarikat-syarikat geragsilah yang sebenarnya yang menyebabkan tuntutan-tuntutan kepada bil-bil elektrik yang tidak berbayar ini begitu tinggi. Di antaranya ialah syarikat-syarikat steel misalnya, mungkin mereka mengalami kerugian, tetapi mereka terus menggunakan elektrik dan elektrik ini tidak dibayar dengan amaun yang begitu besar. Dan sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan tadi, tenaga ini adalah hak kita, kalau tidak dibayar maknanya ia telah menjejaskan pendapatan kita dan juga pendapatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara 29, saya bersetuju dengan rakan-rakan tadi yang menyebutkan bahawa kenapa bekalan elektrik ini pemotongannya cuma dibuat kepada perjudian terbuka sahaja. Saya hendak menyokong rakan-rakan yang lain walaupun dua orang tadi Ahli Yang Berhormat telah menyebutkan bahawa perlulah dilihat dengan secara yang lebih meluas. Kita tidak cuma melihat kepada rumah perjudian terbuka sahaja, tetapi harus diberikan takrifan dan juga membenarkan pegawai polis mengambil tindakan kepada premis-premis yang dibuka secara haram, begitu juga kilang-kilang yang dibuka secara haram dan tidak mengikut peraturan negara kita. Saya bersetuju dengan cadangan-cadangan yang telah pun dicadangkan oleh rakan-rakan tadi.

Saya juga menyokong seksyen 43, Akta 447 ini di mana denda yang dikenakan dinaikkan daripada kesalahan-kesalahan pada masa yang lepas denda sebanyak RM1,000 kepada had 50% daripada denda-denda maksimum. Jadi, buat masa sekarang ini memanglah daripada apa yang telah pun ditetapkan di bawah akta yang lama itu telah pun ketinggalan dan denda yang baru yang dicadangkan ini saya menyokong.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya pekerja-pekerja, petugas-petugas kita yang bertugas di dalam bidang pengeluaran tenaga di negara kita akan dapat memberikan tumpuan tugas mereka untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik, kerana hari ini pihak Tenaga Nasional Berhad juga memberikan komitmen bahawa kebajikan, rumah mereka, anak-anak mereka, bekas-bekas pegawai yang mempunyai pengalaman akan diberi perhatian.

Ini sesuatu yang perlu diambil secara positif dan sudah tentulah untuk kita membenarkan pengeluaran yang cekap perlu juga pihak pengurusan melihat kebajikan mereka dan ini telah dilakukan dan saya berharap supaya pengeluaran tenaga di negara kita ini akan dapat kita tingkatkan. Sebenarnya, kalau kita lihat dari segi Syarikat Petronas hari ini telah dapat keluar daripada negara Malaysia dan telah dapat meningkatkan imej mereka bukan sahaja badan korporat yang boleh menjana minyak dalam negara, tetapi lebih banyak pendapatan yang didapati daripada luar negara.

Kita berharap Tenaga Nasional Berhad ini dengan pengalaman yang begitu lama dimiliki oleh pegawai-pegawai Tenaga Nasional Berhad, dengan komitmen yang kita ada, dengan slogan 'Malaysia Boleh', kita berharap satu hari nanti walaupun kita gagal - saya akui di Pakistan, kita belum lagi menunjukkan kejayaan dan mungkin kita menanggung kerugian, tetapi sekali kita gagal tidak akan bererti kita gagal selamanya. Perlulah kita berharap supaya pegawai-pegawai kita akan dapat menerokai bidang tenaga ini di luar negara. Dalam keadaan sekarang ini, dunia tanpa sempadan dan kalau kita berkeupayaan, kalau kita mampu, peluang untuk kita sentiasa terbuka dan kita mendoakan supaya satu lagi badan perniagaan negara kita akan muncul di arena dunia dalam keadaan yang dihormati dan disegani.

Dengan kata-kata itu, saya turut menyokong Rang Undang-undang Bekalan Elektrik 1990. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.25 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi kawasan Gelang Patah, Seputeh, Bentong, Kubang Kerian, Sipitang, Bachok, Bukit Bintang, Jelutong, Jeli dan Arau kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh perkara atau isu yang mengenai TNB dikenakan surcaj sebanyak 1% sebulan. Di sini saya ingin menjelaskan bahawa TNB akan mengalami kerugian sekiranya pengguna gagal membayar bil mereka mengikut tempoh yang ditetapkan. Oleh itu, TNB mengenakan surcaj 1% sebulan kepada pengguna yang lewat membayar bil elektrik bagi menampung kos kewangan sebagaimana dilaksanakan oleh institusi-institusi kewangan dan perniagaan lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Bekalan Elektrik dan peraturan-peraturan yang sedia ada, TNB berhak bagi memotong bekalan-bekalan sekiranya seseorang pengguna lewat membayar bil elektrik selepas 15 hari. Walau bagaimanapun, TNB prihatin dengan kerumitan yang mungkin dihadapi oleh pengguna sekiranya bekalan elektrik dipotong. Oleh yang demikian, bagi mengatasi kerugian yang dialami oleh TNB disebabkan kelewatan pembayaran bil-bil maka wajarlah TNB mengenakan denda tersebut ke atas mereka yang lewat membayar bil bulanan mereka. Jadi, cara yang terbaik iaitu untuk mengelakkan membayar surcaj adalah dinasihatkan supaya membuat pembayaran yang mengikut tempoh yang ditetapkan.

Dan lagi satu perkara saya ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu apabila bil elektrik diserahkan atau dihantarkan kepada pengguna, nota peringatan telah dinyatakan dalam bil semasa ini iaitu tunggakan perlulah dijelaskan serta merta untuk mengelakkan pemotongan bekalan elektrik dan perlu dijelaskan dalam masa 15 hari iaitu tarikh yang tertentu juga telah disebutkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Tan Chai Ho: Ini adalah satu peringatan kepada pengguna. Oleh itu, tidak ada notis diberikan kepada pengguna mengenai pemotongan bekalan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua,

Puan Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdin Yang Berhormat, ya. Batu Gajah, hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Tan Chai Ho: Ya.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta penjelasan. Saya ingin tahu apakah rasionalnya untuk mengenakan denda sebanyak RM80 apabila bekalan elektrik telah dipotong? RM80 dikenakan jika mereka ingin bekalan elektrik disambung balik sebab ada banyak kes, Tuan Yang di-Pertua, di mana dia ada cagaran sebanyak RM100 di TNB, yang dia tidak bayar bil itu hanya lebih kurang RM50.

Jadi, saya ingin tahu apakah kementerian sedia untuk menghapuskan pengenaan penyambungan balik atau denda RM80 ke atas kes-kes di mana aduan wang cagaran dengan TNB melebihi jumlah bil yang kena dibayar tersebut?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab nanti kerana ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soalan yang lebih kurang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, semenjak surcaj dikenakan mulai 1 Julai 2000 sebanyak RM24 juta telah dibilkan dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, TNB pun telah membayar dividen atau faedah sebanyak 5% tahunan ke atas deposit tunai yang dibayar oleh pihak pengguna sejak tahun 1996.

Angka-angka yang diminta saya boleh beritahu iaitu pada tahun 1996 – RM24.7 juta; tahun 1997 – RM39.1 juta; tahun 1998 – RM39.6 juta; tahun 1999 – RM51 juta; dan pada tahun 2000 – RM52.73 juta. Cagaran yang dipungut oleh TNB sehingga bulan September 2000 adalah RM1.15 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, ada cadangan tadi daripada Yang Berhormat bagi Gelang Patah, Bentong dan juga Arau yang mencadangkan supaya Seksyen 38(1a) yang membolehkan pegawai polis yang berpangkat tidak kurang daripada Penolong Penguasa Polis untuk meminta pemotongan bekalan elektrik dipanjangkan kepada Yang di-Pertua Majlis Daerah atau Perbandaran.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pemotongan bekalan elektrik adalah dibuat untuk membolehkan pihak polis menguatkuasakan kesalahan di bawah Seksyen 21A Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, oleh itu cadangan melanjutkan kuasa yang boleh meminda pemotongan bekalan elektrik kepada Yang di-Pertua Majlis Daerah atau perbadanan perlu dikaji dan dimasukkan dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 yang jatuh di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pihak TNB menaikkan bayaran penyambungan semula bekalan elektrik setelah pemotongan dibuat dari RM3 kepada RM10 untuk premis persendirian dan dari RM3 kepada RM80 untuk premis perdagangan dan komersial, rasional kenaikan ini adalah seperti ini: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kadar bayaran penyambungan semula bekalan elektrik telah dinaikkan atas sebab-sebab bahawa kadar bayaran tersebut tidak lagi melambangkan kos yang ditanggung di dalam operasi pemotongan.

Penyambungan semula serta pentadbiran kadar lama iaitu RM3 tidak pernah diulang-kaji semenjak tahun 1960'an. Kos sebenar yang ditanggung oleh TNB adalah lebih tinggi daripada kadar yang telah diluluskan oleh kerajaan. Kadar baru iaitu RM10 untuk premis persendirian dan RM80 untuk premis perdagangan dan perindustrian, sekurang-kurangnya dapat memberi sedikit kelegaan kepada pihak TNB.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kos sebenar untuk penyambungan semula bekalan elektrik adalah RM240 iaitu untuk perdagangan dan perindustrian dan kos untuk penyambungan semula bekalan elektrik kepada premis-premis kediaman adalah lebih kurang RM60.

Jadi, inilah di mana TNB telah mengenakan caj RM80 ke atas peniaga atau industri perdagangan adalah rendah daripada kos operasi. Jadi, dinasihatkanlah, Tuan Yang di-Pertua, supaya pengguna-pengguna eloklah membuat bayaran lebih awal supaya bekalan elektrik tidak dipotong.....

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bentong bangun.

Tuan Liow Tiong Lai: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan berhubung dengan kadar RM80 terhadap denda yang dikenakan ke atas pemotongan bekalan kerana menurut apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi, kos penyambungan semula itu adalah amat tinggi, iaitu lebih kurang RM200 untuk komersial dan RM60 untuk kediaman.

Apa yang saya dapati dan aduan yang ditujukan kepada kita adalah bahawa penyambungan semula itu hanya menggunakan fuis sahaja, hanya pekerja itu datang dengan notis pemotongan bekalan dan ambil fuis itu balik ke pejabat. Selepas itu kita kena bayar RM80 dan letak fuis itu balik, adakah kos itu RM200 dan apakah lagi kos-kos yang dikenakan selain daripada apa yang dinyatakan tadi? Oleh itu ada rayuan agar kos RM80 ini dapat diturunkan dan kita merayu kepada TNB ataupun kementerian supaya kalau boleh RM80 dapat ditimbangkan semula ataupun dikaji semula supaya dapat turunkan, janganlah terlalu tinggi untuk memaksa pengguna terpaksa membayar kos pemotongan yang begitu tinggi. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Kos untuk pemotongan dan penyambungan bekalan elektrik adalah tinggi oleh kerana ini adalah terlibat dalam pentadbiran dan tenaga manusia (*manpower*).

Jadi, memang TNB hendak kenakan RM80 untuk penyambungan semula bekalan elektrik. Saya juga terima aduan dari pihak pengguna dan Ahli-ahli Yang Berhormat pun telah suarakan perkara ini, saya akan minta TNB membuat kajian semula ke atas RM80 yang dikenakan kepada industri perdagangan. Jadi, satu kajian memang akan dijalankan oleh pihak TNB.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh membangkitkan pelaksanaan power pool dan try market di Malaysia. Kerajaan telah memutuskan power pool belum sesuai dilaksanakan di negara ini pada sekarang ini. Berpandukan pengalaman di California, Amerika Syarikat kerajaan telah memutuskan bahawa

rancangan mengenai pembekalan elektrik masih perlu dibuat secara diselaraskan iaitu manage dengan izin, dan bukan terserah kepada pengaruh pasaran iaitu market forces. Sebaliknya kita menentukan planting up program pada masa hadapan segala program planting up akan dibuat secara tender terbuka di mana kontraktor yang mengemukakan tawaran yang paling menarik dari segi teknikal dan harga elektrik akan ditawarkan sesuatu projek itu.

Ahli Yang Berhormat....

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat berkata bahawa TNB masih kaji ataupun tidak bersedia lagi untuk melaksanakan power pooling. Jadi, selama dua tahun kebelakangan ini TNB telah mulakan menjual power plant sebagai satu persediaan untuk melaksanakan sistem power pooling ini. Jadi, dengan keputusan yang terkini ini sama ada Tenaga Nasional akan menghentikan segala usaha untuk menjual power plant Tenaga Nasional ataupun mengkaji semula keputusan untuk menjual power plant ini.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah kata kerajaan telah memutuskan bahawa power pooling belum sesuai dilaksanakan di masa sekarang. Jadi terpulanglah kepada TNB dan TNB akan ambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh juga membangkitkan isu penguat-kuasaan terhadap standard dan spesifikasi teknikal mengenai peralatan-peralatan elektrik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa sekarang JBE mengawal selia pengimportan, perkilangan, mempamerkan dan menjual barangan dan kelengkapan elektrik di bawah Peraturan Elektrik 1994. JBE juga mengadakan pemeriksaan ke atas barangan dan kelengkapan elektrik yang dijual. JBE juga mengadakan komponen-komponen dan menerbitkan risalah-risalah mengenai keselamatan elektrik. Dengan berkuatkuasanya pindaan baru iaitu Seksyen 23A, 23B ia akan memperjelaskan kuasa Menteri untuk menentukan standard spesifikasi. Amalan yang diamalkan berkenaan penggunaan elektrik dengan cekap. Oleh yang demikian, tiada seorang pun boleh mengguna dan mengambil pemasangan, pengimport, menjual kelengkapan melainkan telah memenuhi kehendak yang ditetapkan.

Mengenai stesen janakuasa Kapar phase 3 dan kesannya kepada alam sekitar berikutan penggunaan bahan bakar arang batu, saya ingin menerangkan bahawa stesen janakuasa kepada yang di kawasan Kapar yang menggunakan sebenarnya menggunakan empat jenis bahan api iaitu diesel, minyak, arang batu dan gas. Berhubungan dengan kesan pencemaran dari penggunaan pembakaran arang batu saya ingin memberitahu bahawa tidak ada sebarang kesan pencemaran ke atas alam sekitar. Ini adalah kerana stesen janakuasa tersebut menggunakan arang batu yang bermutu tinggi dengan kandungan sulfur pada tahap kurang dari 0.5%. Ini tidak akan memberikan kesan teruk. Oleh yang demikian, soal mengenai asid rain atau hujan asid daripada kesan sulfur tidak akan wujud sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah cawangan TNB yang telah diwujudkan di seluruh negara ialah 166. Cawangan-cawangan ini diadakan untuk menangani masalah pembekalan elektrik dan memberi sebarang perkhidmatan berkaitan dengan tenaga.

Yang Berhormat bagi Bentong telah membangkitkan...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Penjelasan.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Seputeh bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam ucapan saya tadi, saya ada tanya tentang kenapa stesen penjana kuasa di Kapar yang mana ia telah lewat dibina selama dua tahun. Jadi, kenapakah ini berlaku?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, yang saya dimaklumkan bahawa kelewatan ini adalah disebabkan masalah teknikal.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Boleh saya tanya lagi kerana ada beberapa soalan yang saya tanya dalam ucapan saya yang salah satu ialah kenapakah perjanjian jual beli di antara IPP dengan TNB ini tidak ada satu harga yang tetap. Macam dulu EKTRAN yang mana mengikut laporan akhbar ia menjual elektrik kepada TNB dengan harga RM0.18 sen per kwh dan ada yang berbeza-beza, kenapakah kerajaan membenarkan keadaan ini berlaku. Adakah kerana mereka adalah kroni yang berlainan jadi layanan yang berlainan diberi kepada mereka.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab nanti kerana ada Yang Berhormat lain telah bangkitkan soalan yang sama. Yang Berhormat bagi Bentong telah membangkitkan persoalan berkenaan pemotongan bekalan elektrik adalah keperluan memberi notis oleh TNB.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah pun jawab. Yang Berhormat bagi Bachok telah menyarankan supaya penggunaan kelapa sawit sebagai bahan pembakaran alternatif. Digalakkan juga peruntukan

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Tan Chai Ho: ...untuk R&D.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Datuk Tan Chai Ho: Belum sampai soalan Yang Berhormat...

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak, berkaitan dengan perkara lain. Akan sampakah giliran saya?

Datuk Tan Chai Ho: Ya, ya akan sampai

Tuan Husam bin Haji Musa: Akan sampai ya?

Datuk Tan Chai Ho: Ha, bersabarlah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sabar ya. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan janakuasa Manjung, Jana Manjung. Jana Manjung adalah satu janakuasa arang batu, Rompin ya. Harganya lebih kurang RM8 bilion, diberikan kepada satu kontraktor dari Perancis, *how to pronounce* ya, [Disampuk] Alsthom of France dengan dua kemudahan iaitu yang pertama ialah *finance* dari UK, France dan satu daripada komponen engineer ataupun lojinnya *Electro Static Precipitator* (ESP) dari Perancis tetapi pada satu peringkat, Ahli Lembaga Tenaga Nasional Berhad telah membuat satu keputusan baru iaitu menggantikan ESP dari Perancis ini dengan Sumitomo dari Jepun dan harganya lebih mahal iaitu lebih RM100 juta lebih mahal dan mesin dari Perancis adalah mesin yang telah terkenal tetapi yang dari Sumitomo belum pernah diuji di mana-mana di dunia.

Pada satu peringkat, Alsthom dari Perancis telah menyaman Tenaga Nasional Berhad kerana mengingkari perjanjian yang telah dibuat dan Tenaga Nasional Berhad telah terpaksa membayar ganti rugi sejumlah RM32 juta kepada Alsthom di atas keingkaran ini dan akhirnya Ahli Lembaga Tenaga Nasional Berhad telah kembali kepada Perancis dan pada masa yang sama, ada RM100 juta telah dimasukkan ke dalam satu akaun bank di Switzerland oleh Sumitomo. Adakah kementerian sedar tentang perkara ini?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanya ini tidak ada berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat tadi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Boleh saya minta penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:....Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan Datuk Timbalan Menteri. Tuduhan yang dibuat ini amat berat sekali dan adakah pada pandangan Yang Berhormat bahawa kontrak yang diberikan adalah kontrak secara tender, yang pertama. Yang kedua secara EPC, bermakna semua pemilihan barang-barang dan kerja-kerja adalah pemilihan EPC. Saya rasa tidak timbul tentang isu tukar barang dengan Tenaga Nasional.

Itu saya rasa mungkin Yang Berhormat kalau ada perkara tertentu, boleh membawa kepada Timbalan Menteri dan Timbalan Menteri boleh bagi saya satu salinan dan saya sanggup buat siasatan sebab ini saya rasa tidak benar tetapi tuduhannya berat. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sanggup menerima secara bertulis tuduhan Yang Berhormat tadi dan Yang Berhormat boleh beri kepada saya supaya saya boleh buat siasatan sebagai Pengerusi TNB. Saya minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju pandangan dari Yang Berhormat bagi Rompin. Jika Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ada mempunyai butir-butir yang benar....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kubang Kerian, hendak minta penjelasan...

Datuk Tan Chai Ho:bolehlah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:...atau soalan baru?

Datuk Tan Chai Ho: Bolehlah bagi saya supaya saya akan siasat perkara ini. So, puas hati? *[Disampuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Kalau hendak siasat....

Datuk Tan Chai Ho: Bagi butir-butir.

Tuan Husam bin Haji Musa: Kalau hendak siasat, puas hati.

Datuk Tan Chai Ho: Bagi butir-butirnya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tetapi kalau Pengerusi Tenaga Nasional Berhad pura-pura tidak tahu, saya cukup terkejut. *[Disampuk]*

Datuk Tan Chai Ho: Tidak apa. Kita akan jalankan siasatan ya. Dakwaan Yang Berhormat memang tidak betul. *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Apa bincang dengan cara ini? Siasatlah dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri...

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak siasat lagi, mana hendak tahu tidak betul. Kalau tidak betul, takkan saya hendak cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ...

Datuk Tan Chai Ho: Saya kata memang tidak betul, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak boleh macam itu.

Datuk Tan Chai Ho: Tidak apalah, bagi saya siasat dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia akan siasat, dia sudah cakap.

Datuk Tan Chai Ho: Ya, saya akan siasat, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Belum siasat, tidak boleh kata tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak pasti.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sudah siasat, baru boleh kata.

Datuk Tan Chai Ho: Memang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia akan siasat, Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: ...tidak pastilah, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tunggulah, dia akan siasat. Sila duduk.

Datuk Tan Chai Ho: Yang Berhormat, you bagi butir-butir kepada saya. Saya akan siasat perkara ini ya. Boleh? Tadi, Ahli Yang Berhormat bagi Bachok telah menyarankan supaya penggunaan kelapa sawit sebagai bahan pembakaran alternatif digalakkan. Juga peruntukan untuk R&D untuk *renewable energy* perlu ditambahkan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah menetapkan supaya *renewable energy* ataupun tenaga diperbaharui menyumbangkan kepada 5% daripada jumlah bekalan elektrik bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005. Pada masa ini, kerajaan sedang mengambil tindakan menggalakkan penjanaan elektrik *renewable energy* daripada sisa kelapa sawit dan sekam padi dan bahan-bahan yang lain. Ini semua adalah digalakkan.

Isu berkenaan perancangan peruntukan pemotongan bekalan elektrik tidak hanya kepada premis-premis judi tetapi kepada cyber café, kilang haram dan lain-lainnya. Tadi saya pun sudah jawab kerana ini adalah berkaitan dengan Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953. Jadi, kalau kita hendak masukkan peruntukan ini, rang undang-undang di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan hendaklah dipindahkan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang menyentuh projek Bakun. Mengapakah Ekran Berhad masih ditawarkan projek ini walaupun ia telah gagal. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan bahawa Ekran Berhad tidak ditawarkan kontrak untuk projek Bakun. Setakat ini, dua kontraktor telah ditawarkan iaitu River Diversion Works, dengan izin, telah ditawarkan kepada Tong Ah Construction Industrial Limited Berhad...

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Datuk Tan Chai Ho:projek ini telah disiapkan pada....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Datuk Tan Chai Ho: ...pada 28 April 2001.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Larut bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Kita dengar tadi projek Bakun ini terang-terang pembangkang menolak, seolah-olah tidak mahu membantu rakyat Sabah dan Sarawak untuk mengurangkan beban, sedangkan Kerajaan Barisan Nasional begitu sensitif dengan bebanan yang dihadapi oleh rakyat, khususnya di Sabah supaya tarif elektrik ini akan turun.

Jadi, setujuakah Yang Berhormat, penjelasan, hari ini ada Pilihan Raya Kecil Likas, jadi marilah kita minta supaya pengundi-pengundi di Likas telah pun mendapat mesej bagaimana pembangkang secara terang-terang menolak projek Bakun ini dan mereka juga seolah-olah tidak mahu membantu, prihatin dengan bebanan yang sedang dihadapi oleh rakyat Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, setujuakah kalau parti pembangkang yang tolak projek Bakun, jadi, pengundi tidak perlulah sokong parti pembangkang. Sokonglah Barisan Nasional. [Tepuk]

Tuan Fong Kui Lun: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Bintang bangun.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat sedar kerajaan terpaksa membayar RM900 juta untuk Ekran untuk *bill up* Tan Sri Ting Pek Khiing walaupun Bakun diswastakan. Ini sebanyak RM900 juta di-tanggung oleh rakyat sebab ini wang rakyat. Itulah sebab kita mempersoalkan mengapa kerajaan harus membela seorang sahaja. Inilah yang saya ingin bertanya Yang Berhormat adakah sedar ataupun tidak.

Datuk Tan Chai Ho: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Ekran Berhad telahpun melaksanakan sebahagian kerja kontrak di Bakun. Jadi, apabila mereka telah menjalankan kerja-kerja jadi kita kena membayar dengan secara adil. Jadi, tidak boleh dikatakan wang ini dibayar secara sia-sia sahaja. Pihak Ekran pun telah menjalankan kerja dan..

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, masa tidak mengizinkan saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Masa masih ada lagi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: Sudah banyak soalan saya jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Satu, satu sahaja.

Datuk Tan Chai Ho: Yang Berhormat bagi Seputeh beri can orang lain.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang kami tahu Ting Pek Khing ini ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat beri peluangkah?

Puan Teresa Kok Suh Sim:....telah dapat mengaut keuntungan daripada penebangan balak daripada kawasan Bakun itu dan dia telah membuat banyak keuntungan. Jadi kenapa seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang tadi kerajaan masih menghadiahkan kepadanya dengan alasan dia telah membuat kerja dan dia sudah banyak mengaut keuntungan yang mana kroni lain tidak ada.

Datuk Tan Chai Ho: Yang Berhormat bagi Seputeh, *you* tidak ada bukti yang menunjukkan pihak Ekran Berhad telah mengaut keuntungan besar kerana kerja-kerja pembalakan. Tetapi yang tadi saya kata *assessment* telah dibuat secara munasabah dan wang dibayarkan kepada Ekran Berhad kerana mereka telah menjalankan kerja-kerja di Bakun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek coffer dam telah ditawarkan kepada Grouper Up Nine Sendirian Berhad. Jadi, saya ingin menerangkan bahawa kontrak yang diberikan kepada Grouper Up Nine telah dibuat secara tender kompetitif, iaitu tender terbuka. Jadi, bagi kumpulan projek empangan utama (*main dam*) saya ingin menjelaskan bahawa kerajaan akan memanggil tender terbuka untuk melaksanakannya.

Oleh itu sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa soal penawaran projek kepada Ekran Berhad tidak berbangkit.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah membangkitkan penglibatan TNB dalam projek Bakun dan kesan ke atas kedudukan kewangan TNB. Saya ingin menerangkan bahawa kalau kita memulakan projek Bakun untuk memenuhi keperluan bekalan elektrik pada masa hadapan, TNB hanya akan mengambil bahagian sebagai projek *consultant*, di samping disuruh membuat rundingan yang lain. Projek Bakun dijangka akan dipelihara melalui beberapa kaedah termasuk bon-bon yang akan diketepikan oleh kerajaan.

Berhubung dengan tarif elektrik, kerajaan akan memastikan tarif elektrik yang akan ditetapkan tidak akan membebankan rakyat. Melalui proses kompetitif tender yang akan dipanggil untuk projek Bakun. Kerajaan yakin kos projek yang akan diperolehi adalah pada tahap yang munasabah dan adil kepada rakyat.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga membangkitkan adakah EPU ada tender atau pemilihan IPP dengan terbuka untuk menjaga kepentingan negara dan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang prihatin terhadap keperluan memelihara kepentingan negara dan pengguna-pengguna. Kerajaan telah memutuskan semua program bunding-up pada masa hadapan akan diuruskan secara *competitive pitting* dan ini akan diuruskan oleh Suruhanjaya Tenaga. Sebenarnya Yang Berhormat bagi Seputeh suka membangkitkan soalan apa sebab projek Bakun ditawarkan kepada Tan Sri Ting Pek Khing. Jadi, tadi saya sudah jawab, ini tidak benar. *Its not true.*

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga membangkitkan mengapa projek IPP diluluskan oleh UPE sedangkan PPA iaitu *power purchase agreement* ditandatangani di antara TNB dengan IPP yang berkenaan. Saya ingin menerangkan bahawa lesen IPP tidak dikeluarkan oleh UPE tetapi oleh Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas. Seperti amalan biasa semua cadangan penswastaaan sama ada projek jalan, elektrik atau air adalah dikemukakan untuk pertimbangan jawatankuasa yang diketuai oleh UPE. Cadangan syarikat akan dikaji dengan secara terperinci dan *parameter* penting yang dipersetujui oleh jawatankuasa ini seperti *capacity charges, energy charges and whatever operating charges* akan digunakan sebagai bahan rundingan PPA antara TNB dan IPP. Dalam hal ini pihak kerajaan akan memastikan berapa tarif adalah adil kepada TNB dan seterusnya bagi pengguna-pengguna.

Berhubung dengan tarif elektrik yang dijual oleh GB3 Sendirian Berhad iaitu sebuah syarikat *secretary* Malakoff kepada TNB, saya ingin menjelaskan bahawa pihak GB3 Sendirian Berhad sanggup menurunkan tarif *electricity* kepada 12 sen per kilowatt kerana projek 650 megawatt yang ditawarkan kepada GB3 Sendirian Berhad itu merupakan skop tambahan kepada konsesi yang telah ditawarkan lebih awal lagi.

Yang Berhormat Bachok telah membangkitkan soalan adakah Suruhanjaya Tenaga akan mengadakan peraturan mengenai pemeriksaan pendawaian dari jangka masa untuk pendawaian baru. Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan-peraturan Elektrik 1994, tanggungjawab untuk menyelenggara pemasangan elektrik adalah terletak kepada pemunya atau pemilik bangunan rumah atau penghuni pemasangan perkhidmatan atau ejennya mengikut mana-mana yang berkenaan. Sesuatu pemasangan selain daripada pemasangan domestik hendaklah diperiksa dan diuji oleh orang kompeten sekurang-kurangnya lima tahun sekali atau bila-bila masa diarah oleh pengarah JBE.

Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian mengapa TNB melantik perundingan dari Australia dan tidak menggunakan perundingan dalam negara. Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia projek bagi 'diversion' adalah perkara baru. Walau bagaimanapun perkara lain seperti Australia, US dan UK telah melalui proses penjualan aset melalui *open fitting*. Sepanjang pengetahuan kita, perunding tempatan masih belum mempunyai kepakaran tersebut. Pelantikan adalah berasaskan pengalaman perunding tersebut di dalam pelaksanaan projek-projek *diversion* atau *generating access*. Walau bagaimanapun perunding kewangan adalah dari orang asing namun rundingan lain seperti rundingan guaman atau undang-undang dan akauntan adalah rundingan tempatan. Ini bermakna lawyer dan akauntan adalah rundingan tempatan.

Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian iaitu mengenai PNB mengadakan pelaburan dalam IPPS. Tuan Yang di-Pertua, PNB sebenarnya mendapat pulangan dalam pelaburan IPP seperti berikut; tahun kewangan 1999 hingga 31/8/2000 YTL adalah 4% dividen adalah RM10.1 juta sekali, 20% -RM8 juta. PT Power 20%- RM13 juta, Genting Seng Yeng adalah 20%, belum terima apa-apa dividen.

Yang Berhormat bagi Bachok telah membangkitkan kerajaan meningkatkan penggunaan tenaga yang diperbaharui, *renewable energy* saya pun telah jawab tadi.

Yang Amat Berhormat bagi Bukit Bintang telah membangkitkan beberapa soalan khususnya di kawasan beliau telah menghadapi gangguan bekalan elektrik. Saya minta Yang Berhormat bagi butir-butir supaya saya arahkan pihak TNB menjalankan kajian dan memastikan gangguan bekalan elektrik akan dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, memang ada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat lain tetapi persoalan yang dibangkitkan adalah lebih kurang sama. Jadi saya mohon supaya tidak beri jawapan sekarang tetapi pegawai-pegawai kementerian ini telah mengambil bahagian di mana saya.....

Puan Fong Po Kuan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batu Gajah bangun.

Datuk Tan Chai Ho: Tidak ada masa.

Puan Fong Po Kuan: Saya hanya hendak minta bantuan Timbalan Menteri sahaja, sekejap sahaja. Oleh kerana mengenai isu pemotongan bekalan elektrik yang dikenakan caj RM80, Timbalan Menteri telah mengatakan di dalam ini minta TNB untuk

mengkaji semula. Saya pohon kalau boleh Timbalan Menteri juga minta TNB agar boleh kaji, mengadakan satu prosedur rayuan apabila sesuatu bekalan elektrik dipotong, mengadakan prosedur rayuan kepada pengguna untuk memohon mengurangkan peng-gunaan bayaran RM80 jika tidak boleh dihapuskan RM80.

Datuk Tan Chai Ho: Okey Yang Berhormat, pandangan Yang Berhormat diambil kira.

Puan Fong Po Kuan: Perkara yang kedua, kalau boleh...

Datuk Tan Chai Ho: Sudah cukup, satu sudah cukup.

Puan Fong Po Kuan: Untuk membantu melicinkan lagi perkhidmatan agar pengguna akan mendapat faedah yang tertinggi. Sebab harapan tinggi ke atas Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Tan Chai Ho: Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan: Perkara yang kedua jika diizinkan adalah berkenaan dengan bil elektrik tidak dibayar oleh seseorang yang menyewa bangunan seperti yang telah berlaku – saya telah menerima satu aduan, cawangan parti politik PPP...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak minta penjelasan?

Puan Fong Po Kuan: Hendak minta cadangan agar dikemukakan kepada TNB dengan izin Tuan Yang di-Pertua di mana saya bagi contoh di mana PPP cawangan Pasir Putih telah menyewa satu premis dan si penyewa PPP itu tidak membayar bil sehingga melebihi RM2,000. Oleh itu sekarang ini, masalah ialah dengan tuan punya kedai. Saya pohon kalau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sekarang bukan masa untuk berucap.

Puan Fong Po Kuan: Saya minta tolong kalau boleh Timbalan Menteri mengadakan [*Disampuk*] bukan siasatan, satu kaedah yang lain untuk mengutip bil elektrik dalam keadaan sedemikian kerana telah ada perjanjian sewa di antara tuan punya dengan si penyewa. Kalau boleh ambil tindakan kepada yang menyewa dan bukan tuan punya kedai dalam keadaan yang sedemikian. Kalau boleh tolong sampaikan kepada TNB. Sekian terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Pandailah dia [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, kajian akan dibuat. Saya tidak boleh buat keputusan sekarang, saya akan buat kajian. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf jika saya tidak sempat beri jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tetapi pandangan dan kesimpulan akan diambil kira dan kita akan cuba menyelesaikan masalah-masalah yang disebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAKANAN (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

5.21 ptg.

Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengemukakan rang undang-undang bernama suatu akta meminda Akta Makanan 1983 dibaca kali yang kedua sekarang.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akta Makanan 1983 yang mula dikuatkuasakan pada tahun 1985 merupakan suatu undang-undang diwujudkan untuk melindungi orang ramai dari bahaya kesihatan dan penipuan di dalam penyediaan, penjualan, dan penggunaan makanan dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya. Kementerian Kesihatan Malaysia telah diberi mandat untuk menguat kuasa akta ini serta peraturan-peraturan di bawahnya.

Setelah 18 tahun Akta Makanan 1983 berkuat kuasa, kini ia perlu dikemaskinikan melalui pindaan ke atas beberapa peruntukan oleh kerana didapati peruntukan-peruntukan yang sedia ada tidak mencukupi untuk membolehkan Kementerian Kesihatan memastikan sistem kawalan mutu makanan negara berada di satu tahap yang tinggi selaras dengan perkembangan semasa. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan dapat memperkukuhkan lagi undang-undang tersebut dengan memperketatkan atau mengatasi kelemahan atau dengan izin, "lacuna" yang sedia ada. Dengan pindaan ini, kewibawaan penguatkuasaan akan meningkat dan secara tidak langsung martabat kerajaan terpelihara dalam menghadapi cabaran globalisasi perdagangan makanan di alaf ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu keselamatan makanan sudah menjadi satu isu yang penting di negara kita mahu pun di seluruh dunia masa kini. Dengan tertubuhnya Pertubuhan Perdagangan Sedunia, dengan izin, *World Trade Organization*, kepentingan keselamatan makanan meningkat khususnya yang berkaitan dengan perjanjian-perjanjian dengan izin *sanitary* dan *phytosanitary measures* dan *technical barrier to trade*. Seperti signatori-signatori yang lain, Malaysia perlu menghormati perjanjian tersebut dan memenuhi segala kehendak-kehendak yang termaktub di dalamnya. Selain daripada WTO, kita perlu mengambil kira, dengan izin, *ASEAN Free Trade Area*, (AFTA) menjelang tahun 2003 yang akan melicinkan urusan perdagangan makanan antara ASEAN. Dengan itu, kita perlu bersedia mulai sekarang untuk menentukan makanan dari negara-negara ASEAN yang akan dipasarkan di negara kita adalah selamat.

Di arena antarabangsa juga, sukacita saya memaklumkan, Malaysia kini telah melibatkan diri secara aktif dalam bidang keselamatan makanan di forum-forum seperti dengan izin, *Codex Alimentarius*, *ASEAN Senior Officials Meeting on Health*, *ASEAN Senior Officials Meeting of the Ministers of Agriculture and Forestry* dan ASEAN+3. Sokongan yang kita perolehi di forum antarabangsa tersebut serta keupayaan dan komitmen Kementerian Kesihatan dalam menangani isu-isu keselamatan makanan boleh menjadikan Malaysia sebagai dengan izin, *Centre of Excellence* dan Malaysia berupaya untuk memimpin negara-negara membangun yang lain dalam isu-isu keselamatan makanan di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan makanan mempunyai hubung kait yang rapat dengan kejadian penyakit-penyakit bawaan makanan yang bukan sahaja boleh memudaratkan kesihatan bahkan boleh mengakibatkan maut. Pada tahun 1999 sahaja, terdapat 536 kes penyakit kolera dengan 9 kematian, 811 kes penyakit tifoid dengan 2 kematian, 319 kes hepatitis A dan 8640 kes keracunan makanan dengan 3 kematian di seluruh negara. Pada tahun 2000 pula, terdapat 128 kes penyakit kolera dengan 1 kematian, 722 kes penyakit tifoid dengan 4 kematian, 494 kes hepatitis A dan 8,052 kes keracunan makanan dengan 2 kematian di seluruh negara.

Kejadian penyakit-penyakit ini bukan sahaja menjejaskan kesihatan rakyat tetapi ia turut memberi impak negatif ke atas perdagangan antarabangsa dan impak yang paling kritikal ialah apabila industri pelancongan kita terjejas akibat penularan penyakit bawaan makanan seperti di atas. Ini boleh memburukkan imej negara di kaca mata dunia yang negara kita kurang bersih dan sanitari. Selain daripada kejadian

penyakit bawaan makanan, berlaku juga pencemaran makanan oleh bahan-bahan kimia seperti *beta-agonist*, *nitrofurantoin*, *chloramphenicol*, residu racun perosak, dioksin dan lain-lain yang seringkali dibangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Seperti yang kita sedia maklum, pencemaran bahan-bahan toksik seperti bahan kimia dan racun perosak boleh menyebabkan penyakit-penyakit yang kronik seperti kanser yang mungkin tidak boleh diubati atau amat mahal untuk dirawat. Dalam tahun 1999, sebanyak 8% pelanggaran *beta-agonist* dari 311 sampel, 3% pelanggaran *nitrofurantoin* dari 627 sampel, 2% pelanggaran *chloramphenicol* dari 97 sampel dan 3.9% pelanggaran residu racun perosak dari 4,190 sampel telah dikesan. Pada tahun 2000, sebanyak 16% pelanggaran *beta-agonist* dari 718 sampel, 3% pelanggaran *nitrofurantoin* dari 892 sampel, 0.6% pelanggaran *chloramphenicol* dari 494 sampel dan 1.3% pelanggaran residu racun perosak dari 4,410 sampel telah dikesan.

Penguatkuasaan ke atas penyalahgunaan *beta-agonist* dalam daging khinzir telah dipertingkatkan semasa Tahun Baru Cina 2000 melalui operasi khas iaitu Ops Naga. Hasil operasi ini, didapati 46% sampel melanggar undang-undang dari 124 sampel yang dianalisa. Ini telah membuktikan peruntukan perundangan semasa terutamanya daripada segi denda yang dikenakan adalah tidak mencukupi, atau dengan izin *deterrent* untuk memberi iktibar kepada mereka yang sengaja melanggar peraturan-peraturan untuk mengaut keuntungan tanpa mempedulikan kesan ke atas kesihatan masyarakat. Pada pertengahan tahun 1999 pula, seluruh dunia dikejutkan dengan krisis dioksin akibat pencemaran eksport makanan seperti daging dan hasil ternakan dari benua Eropah khususnya negara Belgium. Demi melindungi kesihatan masyarakat, Kementerian Kesihatan.....[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung ucapan hari esok.

Datuk Chua Jui Meng: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oleh kerana ada ucapan penangguhan, seorang menteri diminta untuk membuat cadangan usul penangguhan.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Datuk Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

UCAPAN PENANGGUHAN

Penguasaan Bahasa Inggeris Alat Kepentingan Bangsa Ke Arah Negara Maju Tahun 2020

[Ahli Yang Berhormat bagi Alor Gajah tidak hadir]

Sikap Double Standard Menggagalkan Objektif dan Strategi Kementerian Pendidikan Melahirkan Golongan Intelektual

5.32 ptg.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun]: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, sikap double standard Kementerian Pendidikan menjadikan objektif dan strategi kementerian tersebut gagal untuk melahirkan golongan intelektual dalam erti kata graduan dan tenaga profesional yang bebas dari budaya anggur, malah dikembiri dan jumud akibat pelbagai tekanan dan ugutan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Pelajar di luar negara bebas berpolitik dengan menubuhkan kelab-kelab UMNO, umpamanya di London, Amerika, Australia dan sebagainya. Tetapi pelajar tempatan dikenakan pelbagai tindakan apabila dilihat sebagai menyuarakan kritikan terhadap pihak atasan, apa lagi jika mereka mengadakan demonstrasi untuk menegakkan yang makruf dan mencegah mungkar.

Sebagaimana ISA, AUKU juga perlu diteliti semula agar ianya menjadi lebih fleksibel supaya proses perkembangan minda dan sahsiah pelajar semasa di pengajian tinggi tidak terbantut kerana mereka merupakan aset masa depan negara yang sangat berharga.

Tuan Yang di-Pertua, kian nampak jelas kecenderungan kerajaan ingin berpatah balik ke era pra merdeka dan era awal kemerdekaan yang ditandai oleh dominasi bahasa Inggeris sebagai wahana komunikasi utama dalam pelbagai bidang.

Suara-suara yang seakan-akan menyesali penggubalan dan pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan dan dasar pendidikan kebangsaan telah mula diberi tempat di media perdana.

Keberanian pihak tertentu itu bersuara demikian tentu berasaskan sikap dan pendirian kerajaan yang semakin lentur terhadap dasar-dasar kenegaraan kita.

Penekanan yang kelihatan disengajakan terhadap peranan bahasa Inggeris dan peri pentingnya diberi perhatian oleh rakyat nampaknya tidak lagi pada tahap yang sewajarnya, tetapi telah direncanakan ke arah merubah dasar bahasa kebangsaan dan dasar pendidikan kebangsaan yang menkan-kan kedudukan dan peranan bahasa Melayu, bahasa kebangsaan sebagai bahasa utama.

Walaupun berkali-kali dan di sana sini pemimpin kerajaan menafikan peminggiran bahasa Melayu ataupun bahasa kebangsaan, namun segala pernyataan sikap dan langkah yang diambil sudah cukup membuktikan bahawa dasar bahasa dan dasar pendidikan negara ini direncanakan ke arah dasar dwi bahasa ataupun dasar multi bahasa.

Malah tidak mustahil bahasa Melayu, bahasa kebangsaan akan terhakis peranannya selain hanya sebagai wahana komunikasi sehari-hari kerana kerap sekali ditekankan pentingnya bahasa Inggeris dalam zaman globalisasi dan teknologi maklumat.

Proses yang sedang berlaku dapat ditanggap oleh mata hati orang yang peka sebenarnya ke arah mengutamakan bahasa Inggeris. UiTM yang menjadi markas melatih anak Melayu dan bumiputera hampir 100% menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya. Tidak ada suara daripada pimpinan kerajaan sendiri bahawa IPTA mungkin diberi kelonggaran atau diarah secara senyap-senyap untuk melaksanakan kaedah yang sama sebagaimana yang diamalkan oleh UiTM. Memang sudah ada IPTA yang melaksanakan dasar dwi bahasa dalam kuliah dan peperiksaan-nya.

IPTS yang sekarang melebihi 700 buah jumlahnya di negara ini dapat dikatakan semuanya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya meminta Yang Berhormat tumpukan ucapan mengikut teks yang dikemukakan kepada sini, jangan jauh daripada teks itu.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Ya, terima kasih. Dapat dikatakan kesemuanya menggunakan bahasa asing terutama bahasa Inggeris.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya, apa yang dikemukakan ini tidak terdapat dalam teks ucapan Yang Berhormat yang dikemukakan kepada Speaker di sini.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Ini teks. Akta IPTS yang menyebut bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, telah menjadi begitu lemah apabila sub klausa tentang kuasa menteri mengizinkan penggunaan bahasa lain dimanfaatkan semaksimumnya oleh pengendali IPTS. Malah bahasa Melayu sebagai salah satu subjek wajib supaya sejarah dan agama ataupun moral pun tidak jelas pelaksanaannya di IPTS.

Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita lari daripada nota perbahasan. Kalau begini caranya sampai setahun lagi tidak akan habis. Oleh sebab itu kita limitkan kepada teks. Kalau ingin saya bacakan teks, saya akan berbuat demikian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, saya akan buat keputusan. Yang Berhormat, kalau mengikut peraturan segala yang akan

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Saya ikut teks.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mengikut teks yang dikemukakan kepada Setiausaha dan Speaker. Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Apakah berbeza antara teks yang asal saya kirimkan kepada Setiausaha dengan yang ada kepada Dato' Speaker?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang jauh bezanya.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Eh, kenapa begitu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang jauh bezanya.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Eh, saya fakskan kepada Datuk Setiausaha. Yang itu yang saya baca, yang original, yang ada pada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Jerlun, saya sedang mengikut teks, tetapi jauh beza.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Tidak apa, saya teruskan kepada teks.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Walau bagaimanapun, dalam tujuh setengah minit, Yang Berhormat kena habiskan.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Ya. Kini kedengaran pula Kementerian Pendidikan bercadang untuk menggunakan bahasa Inggeris bagi pengajaran tiga mata pelajaran di sekolah. Tidak menghairankan bahawa sesudah itu bahasa Inggeris akan diperluas peranannya sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran lain. Sehingga sebagai kemuncaknya, bahasa Inggerislah yang kelak menjadi bahasa ilmu di negara ini.

Bukankah ada peribahasa Melayu yang berbunyi "lulus jarum luluslah kelindan"? Ekoran daripada kelenturan sikap dan pendirian kerajaan dalam pelaksanaan dasar bahasa kebangsaan dan dasar pendidikan kebangsaan itu membuka ruang pihak yang sama ada buta sejarah atau memperhitungkan kepentingan tertentu, menyarankan langkah yang lebih drastik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa pun cukuplah.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Bolehkah saya teruskan sedikit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tujuh minit setengah.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Baik, terima kasih, saya terima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila. Tujuh setengah minit juga.

5.40 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih. Saya ingin memberi penjelasan terhadap kenyataan Yang Berhormat Jerlun yang menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan mengamalkan double standard dan juga gagal melahirkan golongan intelektual yang berfikiran terbuka akibat pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU). Ini mauduknya yang saya faham.

Untuk makluman semua, peruntukan yang terkandung di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang diluluskan di Dewan yang mulia ini, sama sekali tidak menghalang pelajar bergerak aktif di kampus.

Oleh yang demikian, aktiviti-aktiviti yang dibenarkan ialah aktiviti-aktiviti yang memberi manfaat kepada pelajar malah pelajar masih bebas untuk menyuarakan pendapat selagi mereka mengikut saluran-saluran yang berperaturan.

Disiplin atau cara hidup yang teratur perlu kita galakkan untuk pelajar-pelajar kita demi untuk kepentingan negara yang dirahmati oleh Allah ini. AUKU diwujudkan bertujuan untuk menyediakan satu peraturan dan garis panduan yang bersesuaian dengan keperluan pelajar dalam usaha melahirkan pelajar yang kreatif, inovatif dan mampu bersaing dalam mengharungi era globalisasi.

Peruntukan dalam akta tersebut juga adalah bagi memastikan pelajar menunaikan amanah yang telah diberi oleh masyarakat dengan menumpukan perhatian kepada pelajaran, mempertingkatkan pencapaian akademik dan melibatkan diri dengan aktiviti yang dapat menjana ilmu dan keintelektualan sesuai dengan kedudukan mereka sebagai bakal pemimpin nanti.

Syukur, syukur graduan lepasan universiti tempatan kita dan juga yang lahir lepas daripada universiti luar negara adalah graduan-graduan yang bertanggungjawab mempunyai fikiran yang waras, confident dan masih bertanggungjawab.

Saya bersyukur, syabas dan tahniah kepada mereka. Pelajar di institusi pengajian tinggi adalah seperti golongan rakyat yang lain iaitu tertakluk kepada peraturan-peraturan dan undang-undang negara sebagai sebuah negara yang menjunjung tinggi kedaulatan undang-undang.

Ingin dikhususkan mereka adalah juga rakyat kita, kalau kita latih mereka sebagai rakyat yang baik mereka akan jadi pemimpin yang baik.

Oleh sebab itu, kita mahu mereka menghormati undang-undang supaya kesejahteraan dan keharmonian hidup dapat diamalkan. Kita perlu bersama-sama menyemai sikap bertanggungjawab kepada pelajar-pelajar dan tidak melahirkan sikap menentang membabi buta atau membuta tuli yang boleh merosakkan keamanan negara ini.

Saya berpandangan bahawa tidak molek Ahli Yang Berhormat menggalakkan bakal-bakal pemimpin kita di masa hadapan bersikap kasar dan tidak bertanggungjawab seperti mengadakan demonstrasi kerana ini sama sekali bertentangan dengan norma-norma kehidupan agama dan budaya kita.

Setiap negara mempunyai undang-undang dan peraturan bersesuaian dengan masyarakat di negara masing-masing. Kita di Malaysia melaksanakan AUKU semata-mata untuk menjaga kepentingan dan kesejahteraan pelajar dan seterusnya kepentingan dan kesejahteraan masyarakat yang bergantung kepada mereka sebagai sumber tenaga berilmu pada masa yang terdekat.

Berhubung dengan penubuhan kelab-kelab UMNO di seluruh dunia, kita semua maklum ini adalah di atas kehendak pelajar sendiri dengan secara sukarela. Kelab UMNO bukanlah parti politik tetapi ianya adalah bertaraf kelab dan ianya lahir dari manifestasi pelajar sendiri yang tahu bersyukur di antara peluang yang mereka nikmati. Mereka bersyukur, bukan macam Yang Berhormat. *[Tepuk]*

Masih banyak pelajar kita yang bersyukur, Yang Berhormat, masih banyak. Tetapi kawan-kawan kita mengusik. Sangat menyedihkan, betul Yang Berhormat, sangat menyedihkan.

Mereka menikmati apa yang disediakan oleh kerajaan terutama sekali Kerajaan Barisan Nasional dan khusus kepada Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang memerdekakan negara ini dari penjajahan Inggeris dan seterusnya ianya memberi nikmat kepada semua rakyat Malaysia termasuk Ahli Yang Berhormat bagi Jerlun sendiri.

Masalah yang kita hadapi sekarang bukan AUKU tetapi nafsu parti-parti pembangkang yang berterusan mengusik dan mengganggu pelajar-pelajar kita baik dalam negeri atau luar negara.

[Ahli Yang Berhormat wanita mengangkat tangan dan mengganggu]

Tolong, tolong jangan ganggu mereka kerana mereka akan memimpin puan Yang Berhormat dan juga anak-anak kita di masa hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Ya. Saya menggulung, berhubung dengan bahasa dan lain-lain itu kita akan jawab dalam masa yang lain.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: UMNO pun dok ganggu pelajar.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Ya, kita memimpin pelajar, bukan mengganggu pelajar. Inilah UMNO yang beri Yang Berhormat pun masuk ke UiTM, bukan orang lain. Semua ini! Semua!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: UMNO ganggu pelajar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Seorang Ahli: PAS kacau pelajar, termasuk Yang Berhormat

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Ya, memang betul. Saya bersyukur kepada kerajaan yang memerintah 44 tahun, bukan macam Yang Berhormat-Yang Berhormat, tidak tahu bersyukur. Sekian, Yang Berhormat, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang dan akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang.